

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hasil kajian kami Dr. Muhammad Atiullah Bin Othman, Dr. Nadarajan a/l Thambu dan Dr Siti Noranizahhafizah Binti Boyman kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Dr. Muhammad Atiullah Bin Othman  
(Ketua Penyelidik)

## **PENGHARGAAN**

Kami merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam usaha menjayakan projek penyelidikan ‘Reaksi Mahasiswa terhadap Kandungan Moral dalam Buku Indie di Malaysia’ khususnya pakar-pakar dalam para pensyarah dalam bidang Moral dan Sains Politik di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang khusus kami tujukan kepada pihak Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## **ABSTRAK**

Buku Indie dihasilkan oleh golongan penulis yang percaya akan “kebebasan mutlak dalam berkarya”. Di Malaysia, karya Indie yang menggunakan bahasa yang tidak baku, mengandungi pemikiran songsang dan sering terbabas daripada landasan ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah, dikecam dan dianggap sebagai karya yang menentang arus perdana. Namun, Buku Indie telah mendapat sambutan hangat daripada generasi muda. Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti kefahaman mahasiswa terhadap kandungan moral yang terdapat dalam Buku Indie, menjelaskan reaksi mahasiswa terhadap kandungan moral dalam Buku Indie dan meneroka falsafah pemikiran, moral dan teori di sebalik penulisan buku ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan teknik analisis dokumen dan temu bual untuk mengutip data. Hasil kajian ini menunjukkan, mahasiswa tidak berasa terancam dari aspek pemikiran dan minda dengan lambakan Buku Indie dalam pasaran. Selain itu, Buku Indie juga mendukung ciri-ciri positif seperti unsur dakwah dan motivasi. Di samping itu, ciri-ciri negatif yang terdapat dalam Buku Indie sangat membimbangkan kerana , ia mengandungi unsur lucah, ganas dan ideologi yang menyimpang dari dasar pemerintahan negara. Kajian ini mempunyai implikasi kepada, golongan berwajib, autoriti, para guru dan ibu bapa yang prihatin dengan bahan bacaan dan akhlak anak-anak. Karya Indie merupakan fenomena yang terhasil daripada pemikiran pascamodenisme, falsafah eksistensialisme, kebebasan mutlak, santai dan menyasarkan keuntungan kepada penerbit dan penulis sahaja. Justeru, karya sebegini perlu dihindari demi kesejahteraan mental dan sosial masyarakat.

**STUDENT REACTIONS TO MORAL CONTENT IN INDIE BOOKS IN MALAYSIA****ABSTRACT**

Indie books are produced by writers who believe in “absolute freedom in writing”. In Malaysia, the Indie books, which uses non-standard language, contains inverse thoughts and often breaks out from the Sunnah wal Jamaah teachings, condemned and perceived as a work against the mainstream. However, the Indie Book has received a warm welcome from the younger generation. Therefore, the objective of this study is to identify the students’ understanding of the moral content contained in the Indie Book, to explain the students’ reaction to the moral content in Indie Books and to explore the philosophy of thought, morals and theories behind the writing of this book. This study uses a qualitative approach using document analysis techniques and interviews to collect data. The results of this study show that students do not feel threatened by the thinking and mindset offered by dumping Indie Books in the market. In addition, Indie Books also support positive features such as da’wah and motivational elements. In addition, the negative features found in the Indie Books are very disturbing because they contain obscene, violent and ideological elements that deviate from the state’s rule. This study has implications for the authorities, teachers and parents who are concerned with children’s reading and morals. Indie’s work is a phenomenon that results from post-modernism, philosophy of existentialism, absolute freedom, relax and targets profit to publishers and authors only. Hence, such work should be avoided for the sake of mental and social well-being of the community.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>ix</b>
<b>BAB I PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Definisi Konsep	4
1.4.1 Buku Indie	4
1.4.2 Mahasiswa	4
1.6 Batasan Kajian	5
1.6.1 Peserta kajian	5
1.6.2 Tempat kajian	5
1.7 Kerangka Konsep Kajian	6
1.8 Kesimpulan	7
<b>BAB II KAJIAN LITERATUR</b>	<b>8</b>
2.1 Pengenalan	8
2.2 Buku Indie	8
2.3 Jenis-Jenis Buku Indie	11
2.3.1 Novel	11
2.3.2 Motivasi	14
2.3.3 Islamik	16
2.3.4 Umum	18
2.4 Kesimpulan	22

<b>Bab III</b>	<b>Metodologi Kajian</b>	<b>24</b>
3.1	Pengenalan	24
3.2	Reka Bentuk Kajian	24
	3.2.1 Triangulasi	25
3.3	Instrumen	25
	3.3.1 Temuan	26
	3.3.2 Analisis dokumen	26
3.4	Penjelasan Pemilihan Peserta Kajian	27
	3.4.1 Peserta kajian	27
	3.4.2 Teknik pemilihan peserta kajian	27
3.5	Pendekatan Kandungan Moral	28
3.6	<i>Grounded Theory</i>	29
3.7	Kesimpulan	30
<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>31</b>
4.1	Pengenalan	31
4.2	Maksud Buku Indie	31
	4.2.1 Terbitan sendiri	31
	4.2.2 Haluan kiri atau melawan arus perdana	33
	4.2.3 Berbentuk kebebasan	34
4.3	Kategori Buku Indie	35
	4.3.1 Genre buku	35
	4.3.2 Trend pembacaan	36
4.4	Halatju Buku Indie	37
	4.4.1 Gerakan kebebasan	38
	4.4.2 Ideologi kebebasan	39
4.5	Permulaan Buku Indie	40
4.6	Ikon Buku Indie	42
	4.6.1 Ikon penulis buku indie	42
	4.6.2 Ikon karya buku indie	44

4.5	Kepuasan Pembaca Buku Indie	46
	4.5.1 Berpuas hati	46
	4.5.2 Tidak berpuas hati	51
4.6	Kandungan Moral Mengenai Peraturan Masyarakat	53
	4.6.1 Mempertingkatkan mutu hidup	53
	4.6.2 Mempertingkatkan daya intelek belajar	61
	4.6.3 Mempertahankan atau menghargai nyawa manusia	68
	4.6.4 Mempertahankan hak asasi manusia	73
	4.6.5 Mengelak dari keruntuhan akhlak	78
	4.6.6 Memelihara hidup bermasyarakat	86
	4.6.7 Sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara	92
	4.6.8 Mendidik hidup menjimatkan masa dan tenaga	99
4.7	Kandungan Moral Mengenai Keperibadian Manusia	106
	4.7.1 Mempertingkatkan motivasi membaca	107
	4.7.2 Perasaan rasa berdosa dan tidak setuju	114
	4.7.3 Rasa berkepentingan	119
	4.7.4 Menyayangi atau menghargai diri atau orang lain	125
	4.7.5 Mengenai baik dan buruk	129
	4.7.6 Cara menentukan baik dan buruk	135
4.8	Kesimpulan	140
<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>141</b>
5.1	Pengenalan	141
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	141
5.3	<i>Grounded Theory</i>	145
	5.3.1 Pasca-modernisme	147
	5.3.2 Existentialisme	148
	5.3.3 Realistik	149
	5.3.4 Santai	150
	5.3.5 Keuntungan	150
5.4	Perbincangan	151
5.5	Implikasi Kajian	155
5.6	Cadangan Kajian	156
5.7	Kesimpulan	156

<b>RUJUKAN</b>	<b>157</b>
<b>APENDIKS I: SET SOALAN</b>	<b>159</b>
<b>APENDIKS II: SENARAI BUKU-BUKU INDIE YANG DISEMAK</b>	<b>160</b>

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian	6
Rajah 2: Kandungan moral menurut Eow Boon Hin et al (2008)	28
Rajah 3: Peratusan Buku Indie yang Meningkatkan Mutu Hidup	54
Rajah 4: Peratusan Buku Indie yang Meningkatkan Daya Intelek	62
Rajah 5: Peratusan Buku Indie yang Mempertahan dan Menghargai Nyawa	69
Rajah 6: Peratusan Buku Indie yang Melindungi Hak Asasi	74
Rajah 7: Peratusan Buku Indie yang Mengelakkan Keruntuhan Akhlak	78
Rajah 8: Peratusan Buku Indie yang Memelihara Hidup Bermasyarakat	87
Rajah 9: Peratusan Buku Indie yang Memelihara Keamanan	94
Rajah 10: Peratusan Buku Indie yang Menjimatkan Masa dan Tenaga	100
Rajah 11: Peratusan Buku Indie yang Meningkatkan Motivasi Membaca	108
Rajah 12: Peratusan Buku Indie Mengajar Perasaan Berdosa dan Tidak Bersetuju	115
Rajah 13: Peratusan Buku Indie yang Mengajar Kepentingan Diri atau Orang Lain	120
Rajah 14: Peratusan Buku Indie yang Menghargai Diri atau Orang Lain	126
Rajah 15: Peratusan Buku Indie yang Mengajar Baik Buruk	129
Rajah 16: Peratusan Buku Indie yang Mengajar Cara Menentukan Baik Buruk	136
Rajah 17: Elemen-elemen Buku Indie	145

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Buku Indie merujuk kepada bahan bacaan yang diterbitkan secara bebas tanpa mengikut format penulisan, tidak terikat dengan mana-mana gaya penulisan sastera dan tidak terpimpin dengan mana-mana etika. Buku Indie menjadi objek kajian ini dan persepsi mahasiswa sebagai subjek kajian ini. Bagi menjelaskan kajian ini secara umum, bab ini menjelaskan permasalahan dan objektif kajian. Di samping itu, bab ini juga dilengkapi dengan penerangan mengenai definisi konsep dan batasan kajian.

#### 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Istilah Indie boleh difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang inginkan kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti serta *mainstream* (majoriti arus perdana). Faktor terbit istilah ini adalah keinginan kebebasan dalam pelbagai bidang yang diceburi dan sikap keinginan kebebasan atas pengaruh falsafah sesebuah aliran atau ideologi yang dipegang (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Apabila istilah Indie ini dikaitkan dengan penerbitan buku, Biro Tata Negara menjelaskannya sebagai sastera Indie yang ditandai dengan kebebasan berfikir, idea yang tidak dikawal, tanpa ikatan peraturan, lepas-bebas dari sebarang hukum-hakam penerbitan atau norma hidup (Adnan & Kamaliah 2000). Ia juga boleh dianggap sebagai satu aliran pemikiran atau budaya yang menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti serta *mainstream* (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016).

Permasalahan mula timbul apabila bahan bacaan Indie ini mendapat kecaman dari sudut penggunaan bahasa (Adnan & Kamaliah 2000). Kemudian, penerbitan Buku Indie dianggap sebahagian dari gerakan Indie yang bakal memberi permasalahan kepada negara (BTN 2015). Begitu juga Laporan dari JAIS menyebut kewujudan beberapa Buku Indie mengandungi pemikiran songsang yang merosakkan dan dikenal pasti terkeluar dari ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Namun, Buku Indie telah mendapat tempat di hati golongan muda terutamanya bagi mereka yang inginkan kebebasan berfikir dan bertindak tanpa sebarang sekatan (Zarina & Zaiton 2006).

Cara penyampaian Buku Indie ini bersifat memberontak, agresif dan radikal yang mempunyai unsur-unsur lucah, liberalisme, agnostik, narsistik (cinta diri berlebihan), meruntuhkan nilai-nilai keagamaan, moral dan budaya (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Malah, Buku Indie merupakan bahan sebaran gerakan Indie bersifat politik yang menjadikan para pengikutnya sebagai pengikut senyap yang ramai untuk menghadapi Pilihan raya Umum ke-14. Mereka cenderung kepada politik pembangkang (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016).

Tambahan pula, laporan awal penyelidikan Jabatan Agama Islam Selangor mengenai Buku Indie mencadangkan penyelidikan akademik sangat sesuai dan tepat untuk menjawab dan menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan Buku Indie (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Kajian Muhammad Atiullah et. al (2016) juga menunjukkan kewujudan gerakan Indie yang berusaha menerbitkan buku-buku Indie dalam kelompok yang digelar Universiti Terbuka Anak Muda (UTAM). Kumpulan ini sangat aktif mencari belia bagi meneruskan kesinambungan idealisme dalam penulisan buku. Tiga ahli peneraju UTAM iaitu Marwan Bukhari, Mohd Syazreen Abdullah dan Hazman Bahrom didapati penulisan mereka sangat menentang autoriti agama terutamanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menulis di laman web ‘irfront.net’. Mereka mempertikaikan rampasan karya Irsyad Manji berjudul ‘*Allah, Liberty and Love*’ yang dirampas JAKIM.

Malah, karya-karya buku DuBook Press (singkatannya DBP) dengan moto ‘Liar & Angkuh’ telah dijual dalam kampus baru Kampus Sultan Azlan Shah dan

kampus lama Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ada kemungkinan peristiwa yang pernah menimbulkan kekecohan oleh Adam Adli pada tahun 2012 adalah kerana bahan bacaan ini tersebar luas di UPSI. Lebih-lebih lagi, Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah (2016) menyenaraikan Adam Adli sebagai ikon baru generasi muda yang dilahirkan dari fenomena Indie yang membawa idea bebas dan berpemikiran ekstrem. Penyenaraian Adam Adli ini menunjukkan kajian terhadap mahasiswa UPSI adalah sangat signifikan dan relevan.

Jika diamati, pembentangan BTN (2015) dan Laporan awal dari JAIS (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016) adalah masing-masing menumpukan berkenaan dengan pembawaan gerakan remaja yang radikal dan menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar. Penumpuan dari sudut kandungan moral tidak dinyatakan. Pada hal, penjelasan dari sudut kandungan moral adalah sangat perlu bagi membentuk insan moral yang bersesuaian dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Menurut Abdul Rahman (1999) kandungan moral ini hendaklah mengambil kira peraturan moral dan idea insan moral yang menjamin kelangsungan hidup sesuatu masyarakat. Begitu juga Eow Boon Hin et.al (2008) menyenaraikan 14 item berkaitan karakter individu dan peraturan sosial dalam kandungan moral yang sangat penting untuk menggambarkan kandungan moral dalam Buku Indie.

Kesimpulannya, kewujudan aspek-aspek negatif dalam Buku Indie tidak wajar dipandang ringan. Lebih-lebih lagi, Buku Indie sangat tertumpu pembacanya dari kalangan belia. Penjualan buku- Buku Indie juga sangat ketara penjualannya di luar dan dalam kampus-kampus di universiti-universiti tempatan. Oleh demikian, kajian ini sangat penting untuk melihat kesan Buku Indie ini terhadap belia Malaysia secara amnya dan mahasiswa UPSI secara khususnya.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Beberapa soalan kajian telah dikenal pasti:

1. Apakah kefahaman mahasiswa terhadap Buku Indie?
2. Apakah kandungan yang terdapat dalam Buku Indie?
3. Bagaimanakah bentuk sebenar Buku Indie di pasaran?

Oleh demikian, objektif kajian adalah sebagaimana berikut:

1. Mengenal pasti kefahaman mahasiswa terhadap kandungan moral yang terdapat dalam Buku Indie.
2. Menjelaskan reaksi mahasiswa terhadap kandungan moral dalam Buku Indie.
3. Mencerakinkan *Grounded Theory* mengenai Buku Indie yang kedapatan di pasaran.

## **1.4 DEFINISI KONSEP**

Beberapa istilah khusus akan digunakan dalam kajian ini. Definisi operasi kajian akan memberi definisi istilah-istilah yang akan digunakan berdasarkan pandangan pakar-pakar dan disimpulkan untuk kesesuaian kajian ini.

### **1.4.1 Buku Indie**

Istilah Indie boleh difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang inginkan kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti serta mainstream (majoriti arus perdana) (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Oleh demikian, Buku Indie dianggap sebahagian dari gerakan Indie yang wujud dalam negara (BTN 2015).

### **1.4.2 Mahasiswa**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), mahasiswa bermaksud pelajar atau penuntut di universiti. Definisi ini adalah sama dengan definisi yang digunakan Siswoyo (2007) yang mengungkapkan mahasiswa merupakan individu yang sedang menuntut ilmu peringkat tinggi.

## **1.6 BATASAN KAJIAN**

Pengkaji menetapkan beberapa batasan kajian untuk menjayakan penyelidikan ini. Antara batasan kajian yang dikenal pasti adalah berkaitan peserta dan tempat kajian.

### **1.6.1 Peserta Kajian**


Kajian ini akan melibatkan pakar dan mahasiswa yang berkaitan dengan Buku Indie secara langsung dan tidak langsung. Peserta kajian yang terlibat adalah terbatas kepada mahasiswa dari sebuah universiti awam iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seramai 4 mahasiswa UPSI telah ditemui bual dan 64 catatan mahasiswa telah diperoleh dan dikenal pasti kesahannya.

### **1.6.2 Tempat Kajian**

Tempat kajian ini adalah terbatas di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sahaja. Lokasi UPSI adalah sangat sesuai untuk dijalankan kajian ini kerana kedapatan karya-karya buku DuBook Press (singkatannya DBP) dengan moto ‘Liar & Angkuh’ telah dijual dalam kampus baru Kampus Sultan Azlan Shah dan kampus lama Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Malah, ada kemungkinan peristiwa yang pernah menimbulkan kekecohan oleh Adam Adli pada tahun 2012 adalah kerana bahan bacaan ini tersebar luas di UPSI.

Lebih-lebih lagi, Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah (2016) menyenaraikan Adam Adli sebagai ikon baru generasi muda yang dilahirkan dari fenomena Indie yang membawa idea bebas dan berpemikiran ekstrem. Penyenaraian Adam Adli ini menunjukkan kajian terhadap mahasiswa UPSI adalah sangat signifikan dan relevan.

## 1.7 KERANGKA KONSEP KAJIAN



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep bagi kajian ini adalah bermula dari pemahaman konsep Buku Indie, melalui pembinaan soalan dan mendapat data, dan berakhir dengan pembinaan *Grounded Theory*. Kami mendapati pemahaman maksud Buku Indie terdapat dua makna iaitu penerbitan sendiri dengan inisiatif penulis sendiri dan nilai/gaya/genre Buku Indie sebagaimana difahami dari artikel Adnan & Kamaliah (2000).

Kemudian, kajian ini mengemukakan satu set soalan berkaitan Buku Indie berkenaan maksud dan sejarah buku. Set soalan ini juga ditambah dengan Kandungan Moral yang kedapatan dalam Buku Indie. Dengan kewujudan set soalan ini, pengkajian mengenai Buku Indie menjadi satu bentuk kajian yang lebih mendalam dan tidak mampu untuk dijawab melainkan golongan yang benar-benar telah mengikuti dan membaca buku Indie.

Oleh demikian, dapatan kajian disaring dengan memerhatikan responden dapat menjawab soalan dengan yakin dan benar-benar mengetahui mengenai Buku Indie. Dua cara diajukan kepada responden agar dapat memberi reaksi iaitu pertama dengan kaedah temu bual berstruktur dan kedua dengan memberi tempoh masa yang mencukupi untuk responden memberi maklum balas bertulis. Maklum balas ini menggunakan kaedah Analisis Kandungan. Termasuk analisis kandungan adalah semakan terhadap lebih seratus Buku Indie yang diminati oleh mahasiswa UPSI dengan mengemukakan cadangan kepada mahasiswa agar memilih Buku Indie. Kesemua dapatan ini berdasarkan set soalan kajian yang telah ditetapkan.

Berdasarkan data yang telah berjaya dikutip, kajian ini menumpukan kepada pembinaan *Grounded Theory* berkenaan ‘Reaksi Mahasiswa terhadap Buku Indie’. Dengan pembinaan ini akan melengkapkan kefahaman secara menyeluruh mengenai hasil kajian yang telah dijalankan.

## 1.8 KESIMPULAN

Bab ini merupakan asas yang diperlukan bagi kajian ini dan menjelaskan permasalahan yang timbul bersandarkan kandungan moral dalam Buku Indie. Permasalahan kajian juga telah dijelaskan berkaitan kebebasan sehingga mengundang rasa tidak senang dari sudut penggunaan masa, kandungan pemikiran dan watak-watak yang ditampilkan dalam Buku Indie. Malah, BTN dan JAIS beranggapan kewujudan Buku Indie membentuk ancaman baru terhadap pemikiran anak-anak muda.

Objektif kajian ini lebih menumpukan kefahaman dan reaksi mahasiswa terhadap kandungan moral yang terdapat dalam Buku Indie. Disampang, Buku-buku Indie turut disemak berdasarkan kandungannya dari sudut moral.

Selain itu, bab ini juga menjelaskan maksud Buku Indie dan mahasiswa. Di samping itu, batasan kajian turut dinyatakan dari sudut peserta kajian di kalangan mahasiswa dan tempat kajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## BAB II

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Bab ini juga mengulas beberapa buah Buku Indie di pasaran yang menjadi tumpuan pembaca Buku Indie. Tinjauan awal mendapati Buku Indie mempunyai empat jenis iaitu Novel, Motivasi, Islamik dan Umum.

#### 2.2 BUKU INDIE

Secara umumnya, tidak banyak karya ilmiah dibincangkan dalam artikel bersifat akademik. Banyak tulisan hanya bentuk pemberitaan dan rencana akhbar dan majalah sahaja. Sebenarnya, Buku Indie bermula pada tahun 2002 dan semakin berkembang pesat akhir-akhir ini. Mungkin kerana Buku Indie merupakan baru, pemberitaan yang berbentuk melaporkan kejadian dan lontaran fikiran sahaja dapat dimuatkan.

Hanya ‘Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia’ karya Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Hidayah Kusnin (2016) sahaja yang boleh disifatkan artikel akademik membincangkan Buku Indie. Karya ini dipaparkan dalam laman web rasmi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Artikel ini mencadangkan lebih banyak penyelidikan akademik yang sesuai dan tepat bagi menjawab serta menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan Buku Indie. Pandangan ini adalah sangat tepat, kewujudan banyak buku-buku Indie dalam pasaran Malaysia membolehkan penyelidikan secara akademik dilakukan. Malah, pembuktian berdasarkan buku boleh dianggap kukuh dan diterima di peringkat akademik. Artikel ini memuatkan definisi, sejarah Buku Indie dan kandungan Buku Indie yang bercelaru

dari sudut agama, budaya dan norma masyarakat. Namun, kajian ini tidak menjalankan temu ramah terbuka kepada masyarakat awam atau kumpulan sasaran.

Laporan ini adalah selepas daripada isu slaid Biro Tatanegara (BTN) yang tersebar luas dan menimbulkan perbincangan hangat dalam laporan-laporan berita akhbar terutamanya dari MalaysiaKini dan laman-laman blog yang menyokong Buku Indie. MalaysiaKini menyebut, BTN telah memaparkan kandungan slaid BTN yang bertajuk Gerakan Indie di Malaysia yang boleh dilayari melalui laman web, [www.btn.gov.my](http://www.btn.gov.my). Bagaimanapun, slaid tersebut telah dipadamkan pada 15 Jun 2016. BTN juga diberi amaran keras agar menarik balik kandungan slaid, memohon maaf secara terbuka atau di saman dalam tempoh 14 hari (MalaysiaKini 2015). Namun, slaid tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang <https://archive.org>.

Pembentangan BTN (2015) bertajuk ‘Gerakan Indie di Malaysia’ disediakan oleh Bahagian Penyelidikan & Penerbitan, Biro Tatanegara yang mengandungi 19 muka surat. Kandungannya membahagikan beberapa gerakan Indie kepada pecahan-pecahan Muzik dan Sastera. Slaid ini menjelaskan maksud ‘Indie’, ‘Sastera Indie’ dan ‘Buku Indie’. Slaid ini juga menyenaraikan beberapa kumpulan Indie, pemimpin-pemimpin dan aktiviti-aktiviti mereka. Nama-nama penerbit Buku Indie turut disenaraikan seperti Studio Anai-anai, Merpati Jingga, Lejen Press, DuBook Press, Poket Press, Selut Press, Terfaktab, Kaukah dan Fixi. Impak geng Indie turut disenaraikan seperti mempunyai pengikut senyap dari pengundi muda, bergerak tanpa pemantauan berwajib, dijual tanpa sekatan dan melahirkan ikon-ikon baru. Empat ikon gerakan Indie disenaraikan iaitu Benz Ali, Adam Adli, Melati Rahim dan Zikri Rahman. Slaid ini menyenaraikan Adam Adli yang merupakan bekas pelajar UPSI adalah sangat signifikan agar kajian dilakukan terhadap mahasiswa.

Walaupun demikian, ada kandungan positif yang boleh dilihat menerusi Buku Indie. Pandangan positif ini telah disahkan oleh Datuk Irmohizam Ibrahim, Presiden Majlis Belia Selangor dan diterbitkan oleh Utusan (2013). Bagi Irmohizam, golongan Indie adalah golongan anak muda yang mempunyai komuniti tersendiri yang tidak berpihak kepada mana-mana persatuan dan parti politik tetapi sangat aktif dalam

aktiviti-aktiviti mereka. Mereka Berjaya melakukan aktiviti mereka tanpa kongkongan dan lebih suka pengasingan diri. Oleh demikian, Irmohizam mencadangkan agar mereka dilibatkan dalam arus perdana agar kedudukan mereka disokong dan idea baru mereka boleh direalisasikan. Irmohizam mengambil kesempatan melibatkan mereka dengan aktiviti majlis belia (MDB), Kempen Anti Dadah dan Projek Selamatkan Gaza. Bagi beliau, kejayaan besar adalah mengadakan Pop Fest di Kuala Lumpur dan Shah Alam dan dapat mengumpulkan 800 seniman Indie dari kalangan penulis, sasterawan, pemuzik, penerbit buku, peniaga barang *vintage* dan *indipreneur*. Ini menunjukkan, kandungan moral dalam Buku Indie boleh dilihat dengan sisi positif.

Manakala kandungan Moral yang menjadi tumpuan kajian ini telah dibincangkan dalam kerangka Pendidikan Moral yang ditulis oleh Abdul Rahman Aarof (1999) yang berjudul ‘Pendidikan Moral: Teori, Etika dan Amalan Moral’. Kandungan Moral ini menurutnya adalah bagi menggambarkan insan moral yang bersesuaian dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Penekanan adalah moral yang mengambil kira peraturan moral dan idea insan moral yang menjamin kelangsungan hidup sesuatu masyarakat. Bermula dengan membicarakan pertimbangan seseorang berasaskan penaakulan yang akan membentuk keperibadian mulia seseorang, kemudian membentuk ciri dan watak moral. Melalui keperibadian individu akan diharmonikan dengan sikap mematuhi peraturan masyarakat. Pandangan Abdul Rahman adalah berkait dengan pendidikan moral tetapi tidak melihat terhadap Buku Indie.

Begitu juga Eow Boon Hin et.al (2008) menumpukan perbincangan kandungan moral dalam Pendidikan Moral dalam karyanya ‘Moral Education: Revised Edition’. Kandungan Moral yang dibincangkan adalah lanjutan dari idea Abdul Rahman (1999) yang menjelaskan peraturan sosial dan karakter manusia. Eow Boon Hin (2008) menyenaraikan karakter individu seseorang adalah meningkatkan taraf kehidupan, membangun intelek, memelihara nyawa manusia, memelihara hak manusia, mengelak keruntuhan moral, mengekalkan kerukunan sosial, mengekalkan keamanan dan menjaga masa dan tenaga. Manakala, peraturan sosial dalam kandungan moral adalah motivasi intrinsik, rasa bersalah dan berdosa, percaya pada pegangan, kemegahan dan kendiri, terminologi khas dan percaya pada justifikasi. Walaupun, senarai item-item

kandungan moral ini berkaitan Pendidikan Moral, ia sangat penting untuk menggambarkan kandungan moral dalam Buku Indie.

Oleh demikian, kandungan moral dalam Buku Indie harus dilihat dari sudut positif dan negatif bersekali bukan berasingan. Malah, kajian ini mengambil kira cadangan laporan awal daripada JAIS yang wajar disambut agar kajian terhadap Buku Indie benar-benar melalui kajian rapi berbentuk akademik. Malah, para pembaca remaja terutamanya golongan mahasiswa hendaklah diselidiki secara mendalam kerana mereka lah golongan yang menjadi fokus pasaran Buku Indie.

### **2.3 JENIS-JENIS BUKU INDIE**

Lebih 100 naskhah Buku Indie telah diselidiki (sila rujuk Apendiks 1). Pemilihan Buku Indie ini adalah berdasarkan kecenderungan mahasiswa UPSI membelinya. Seramai seratus pelajar dari pelbagai latar belakang aliran telah memilih Buku Indie yang diminati. Selepas penelitian dilakukan terhadap bahan bacaan Mahasiswa ini, beberapa jenis Buku Indie telah dikenal pasti antaranya adalah novel, motivasi, Islamik dan umum.

#### **2.3.1 Novel**

Bahan bacaan novel adalah paling banyak diminati para mahasiswa UPSI. Secara keseluruhannya, banyak bahan bacaan novel yang dikira baik berbanding yang buruk. Namun, terdapat juga novel yang diselitkan dengan isu masyarakat yang negatif, berbahasa lucah dan kasar, menganjurkan seks bebas dan homoseksual.

##### **Novel Berjudul Kelabu**

Buku ini ialah hasil karya Nadia binti Muhammad Hatta atau nama penanya Nadia Khan. Kelabu adalah metafora untuk golongan-golongan yang tidak tahu kawasan untuk meletakkan diri mereka. Dalam masyarakat, sudah jelas peranan dan tanggungjawab dua gender utama iaitu lelaki dan perempuan. Tetapi realitinya banyak lagi perkara yang tidak dapat diselesaikan iaitu *seksualiti*, gender dan identiti.

Buku ini menceritakan tentang golongan LGBT yang sering kali dilayan seperti sampah oleh masyarakat Malaysia, bukan sahaja golongan ini ditentang oleh masyarakat tetapi agama juga melarang keras hubungan songsang antara jantina yang sama. Nadia Khan membawa pembaca meneliti hidup seorang LGBT yang ditolak oleh semua pihak. Bukan agama menjadi isunya tetapi hal yang lebih kompleks lagi. Fitrah dan sifat seseorang itu tidak boleh ditukar tetapi Amir kuat merasakan bahawa dirinya adalah seorang lelaki, jadi dia bukanlah homoseksual tetapi dia merupakan manusia normal. Maka tidak patut untuk orang ramai menggelar dia lesbian sedangkan dirinya adalah lelaki. Inilah kawasan kelabu yang ingin ditunjukkan oleh Nadia Khan. Tidak semua orang merasakan kekeliruan ini, tetapi bagi mereka yang mengalami perkara ini sepatutnya disokong dan dibantu dari belakang bukannya diherdik dan ditolak keluar dari komuniti.

Nadia Khan ingin membawa pembaca memahami hati dan situasi golongan ini dalam memastikan mereka tidak lari dari norma. Dengan pembacaan yang tidak berat sebelah, penulis ingin pembaca memahami dan menilai dari ilmu yang telah diutarakan. Dengan meletakkan aspek kasih sayang sebagai medium utama, Nadia Khan berharap agar karyanya ini mendapat tempat dalam kalangan pembaca sekali gus meletakkan semula golongan ini ke dalam masyarakat. Niatnya hanyalah ingin membina negara majmuk yang menerima semua pihak tanpa syarat, beliau juga meletakkan Tuhan sebagai perkara utama dalam mencari kembali diri yang hilang. Tuhan tidak melakukan kesalahan dalam mencipta hambanya, ternyata sudah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk memperbaiki suasana.

### **Novel Berjudul ‘Kougar’**

Buku yang saya kaji adalah buku Kougar karya Shaz Johar. Penulis buku ini merupakan seorang penulis bebas yang dikenali dalam buku berbentuk Indie dan dikenali sebagai Penulis Simbol Seks. Kebanyakan karya beliau menunjukkan masyarakat majmuk di Malaysia dan permasalahan yang dialami dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan diselitkan perkataan dan ayat-ayat lucuah.

Buku Kougar ini menggambarkan seorang wanita moden yang dibelenggu masalah yang sering dialami oleh wanita-wanita moden yang lain. Shaz Johar juga bergiat aktif dalam sebagai *blogger* tegar dan merupakan anak kelahiran Kuala Lumpur. Kougar merupakan novel penulisan pertamanya sebelum beliau mengeluarkan novel-novel yang lain. Cetakan pertama novel Kougar dicetak pada Mei 2011.

Novel Kougar ini mengisahkan tentang seorang wanita yang bernama Rakisha atau lebih dikenali sebagai Kisha berumur 40 tahun dan masih bujang yang menjalani kehidupannya di bandar metropolitan. Kisha bekerja sebagai ‘Office Girl’ di sebuah syarikat di ibu kota. Kisha berperwatakan selamba dan tidak kisah tentang sesuatu yang difikirkan oleh orang lain terhadap dirinya. Walau bagaimanapun, desakan hidup dan budaya masyarakat yang mendesak Kisha untuk bertindak mengikut apa yang diinginkan oleh ibunya. Walaupun umur Kisha sudah melewati 40-an, dia masih lagi tampak cantik menyebabkan dia diminati oleh lelaki yang lebih muda daripadanya.

Kisha berjumpa dengan Azril dalam trend Monorel apabila dia ingin ke tempat kerja setiap pagi menimbulkan bibit-bibit persahabatan antara mereka berdua. Azril merupakan pengangur yang sedang mencari pekerjaan di ibu kota. Azril telah mendapat pekerjaan di pejabat yang sama dengan Kisha menyebabkan Kisha merasa canggung dengan keadaan itu kerana Kisha pernah keluar bersama-sama dengan Azril sebelum Azril diterima kerja di syarikat itu. Semakin hari hubungan antara Kisha dan Azril semakin akrab telah menimbulkan bibit cinta antara mereka. Walaupun jarak umur mereka jauh, Azril tetap menerima Kisha dan Kisha sememangnya sukaan Azril.

Walaupun Kisha dan Azril merancang untuk membawa hubungan menjadi lebih serius, ibu Kisha telah menjodohkan Kisha dengan seorang duda yang bergelar imam di kampungnya, Razif. Akhirnya, Kisha telah disatukan dengan jejaka pilihan ibunya dan dia telah pun berhenti kerja dan tinggal di kampung menjaga kedai suaminya. Kisha telah didera secara mental oleh suaminya kerana Kisha tidak mahu mengikuti kehendak suaminya. Pada ketika ini, Kisha hanya ada Yusri, pekerja kedai runcit suaminya untuk dijadikan teman berbual. Suatu hari, Kisha dan Yusri telah

terlanjur melakukan hubungan seks di kedai runcit suaminya. Akhirnya, Kisha membawa diri ke Kuala Lumpur setelah bercerai dengan Razif. Kisha tidak mahu lagi bercinta mahupun berkahwin setelah apa yang berlaku dalam kehidupannya sebelum ini.

### **2.3.2 Motivasi**

Terdapat juga Buku Indie berbentuk motivasi. Secara umumnya, gaya penulisan berbentuk motivasi juga adalah baik. Banyak diselitkan dengan kata-kata hikmah dan moral yang baik. Kebanyakkannya bercerita mengenai pengalaman yang diubah suai semula agar benar-benar memberi semangat dan inspirasi kepada pembaca.

#### **Buku Motivasi Berjudul ‘Bebas Jangan Sampai Terbabas’**

Buku Indie ‘Bebas Jangan Sampai Terbabas’ ini merupakan karya saudara Yusri Jamal yang menceritakan mengenai pengalaman sebenar beliau bergelar seorang perantau yang menuntut di Rensselaer Polytechnic Institute, New York, Amerika Syarikat. Buku ini ditulis dan diterbitkan oleh beliau sendiri apabila tercetusnya idea tatkala melihat generasi muda atau remaja Malaysia yang semakin hari semakin leka hanyut mengejar kealpaan dunia terutamanya di bumi Amerika. Buku ini langsung tidak menekankan genre seperti seram, mistik, fiksyen atau sebagainya. Namun, gaya penulis buku ini adalah untuk memberi inspirasi dan teladan kepada remaja terutamanya yang terus lalai dan leka mengejar duniawi yang sementara ini. Kronologi plot buku ini juga jelas dapat membuktikan bahawa penulis banyak memberi inspirasi kepada masyarakat. Contoh yang paling ketara adalah untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga ke menara gading atau ke luar negara.

Permulaan cerita buku ini penulis memberitahu bahawa beliau menjadi perantau ke luar negara ketika remaja dan mengharungi liku-liku kehidupan serta onak duri yang penuh mencabar secara bersendirian dan jauh dari keluarganya sendiri. Ketika itu, dia cuba menyesuaikan diri sebagai seorang Muslim dan mukmin yang taat pada perintah agama di negara yang majoriti penduduknya adalah mereka yang beragama Kristian. Penulis mula sedar terdapat pelbagai perbezaan yang ketara

kehidupannya di negara sendiri dan negara barat. Penulis juga ada mengenali beberapa individu yang banyak menghidupkan plot cerita dalam buku ini. Dalam buku ini juga jelas membuktikan bahawa penulis tinggi pegangan agamanya dan beliau juga banyak merantau ke tempat-tempat yang di duduki oleh minoriti sahaja penduduk Islam di situ. Penulis juga ada menyertai persatuan-persatuan Muslim untuk menyedarkan masyarakat bahawa di mana pun kita berada jangan pernah kita lupa pada agama asal kita.

Pada pertengahan plot cerita dalam buku ini, penulis ada menulis mengenai pengalaman beliau berkomunikasi dengan rakyat Amerika mengenai pendapat mereka tentang orang Muslim dan sesetengah orang Kristian menghormati orang Islam setelah dijelaskan dengan betul. Ternyata niat penulis sangat ikhlas untuk menyatupadukan masyarakat walaupun berbeza pendapat dan fahaman agama. Pada pengakhiran cerita pula, penulis menyeru kepada remaja-remaja atau generasi baru yang dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara, janganlah mudah terpengaruh dengan keasyikan di negara barat. Walaupun penduduk di sini mengamalkan cara hidup yang bebas, berseronok dan sebagainya itu tidak menjadi faktor untuk generasi muda terus terpengaruh dan terjerumus ke lembah dosa.

Penulis juga menyeru bahawa generasi muda ini mempunyai hak kebebasan dalam diri masing-masing namun mereka perlu sedar batas-batas kebebasan tersebut. Akhir sekali penulis menyatakan bahawa generasi pada masa kini perlu sentiasa ingat akan siapa pencipta kita, apa agama kita dan ingat, ‘Bebas Jangan Sampai Terbabas’.

### **Buku Motivasi Berjudul ‘ESC’**

Buku Esc berupaya untuk mengajar dan membuka minda pembaca dan pengkaji dalam perspektif yang berbeza iaitu melihat sesuatu isu yang berlaku dengan pemikiran terbuka. Begitu ramai manusia yang ada di sekeliling kita hanya bertopengkan kebenaran palsu. Benar kehidupan lahiriah mereka dikagumi dan disanjung masyarakat lain. Namun, mereka seakan akan memandang sesetengah perkara dengan mata sebelah. Seakan-akan mereka tidak ada tanggungjawab terhadap orang lain. Buku ini mengajar pengkaji untuk lebih melihat kepentingan orang lain

daripada kepentingan diri sendiri. Mengorbankan masa dan tenaga untuk melakukan kebaikan pasti akan membawa hasil yang baik walaupun penuh dengan cabaran dan rintangan. Kita sudah tahu pasti bahawa Allah itu maha mengetahui, dia tidak akan membawa kita dalam sesuatu keadaan baik atau buruk, jikalau ia tidak punya rancangan yang baik untuk masa depan kita. “Pandang kebaikan dalam setiap keburukan, sebab seburuk-buruk sesuatu, ada baiknya”.

### **2.3.3 Islamik**

Kedapatan Buku Indie jenis Islamik bergenre dakwah. Kebanyakkan buku Islamik ini adalah baik. Buku Islamik ini bertujuan memberi pengajaran dan membujuk agar kembali kepada ajaran agama Islam.

#### **Buku Islamik Berjudul Coklat Tarbiah**

Buku Coklat Tarbiah ini sejenis Buku Indie yang berkonsepkan Islamik yang ditulis oleh Aiman Banna. Walaupun dikategorikan sebagai Buku Indie, ia merupakan buku Islamik yang memberikan tarbiah atau kesedaran dengan cara memerli atau lebih kepada membuat pembaca rasa tersentap. Di dalam buku ini, tarbiah yang diperkatakan oleh penulis sangat berkaitan dengan kehidupan seharian sebagai seorang Muslim di tengah-tengah masyarakat yang kompleks.

Buku ini juga merupakan buku yang mampu mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan mengingatkan kepada pembaca yang makin lama semakin lupa terhadap Allah agar kembali ke pangkal jalan untuk memohon keredhaan-Nya. Kedapatan penulis bermonolog dan bertanyakan diri mengenai semua manusia inginkan tarbiah dalam kehidupan mereka tetapi mereka tidak lagi merasakan tarbiah itu sesuatu yang manis dan seronok. Sebaliknya, mereka merasakan tarbiah itu pahit dan melecehkan. Padahal, tarbiah merupakan sesuatu yang manis, jika kita amati perkara ini dengan betul dan mengambil pandangan yang positif terhadap apa yang telah dicoret. Buku ini, sebenarnya ingin memberi kesedaran kepada kita yang kian lupa terhadap tanggungjawab kita sebagai seorang yang beragama Islam dan membantu kita untuk lebih membuat kebaikan ke jalan yang diberkati-Nya.

Buku ini juga memberi tahu bahawa kehidupan ini hanya sementara yang perlu mencari kehidupan abadi dengan bertaubat dan kembali kepada-Nya. Dunia yang sementara ini tidak seharusnya menjadikan manusia bergelumang dengan kesesatan dan kemaksiatan. Malah, buku ini juga mampu mengubah akhlak kita sebagai pembaca untuk menjadi yang lebih baik. Buku ini mampu membuatkan seseorang kembali ke pangkal jalan dan memberi inspirasi untuk menjadi lebih baik pada masa kini dan akan datang.

## **AKU BUKAN MALAIKAT**

Buku ini adalah hasil tulisan Ahmad Shukery bin Azizan yang dicetak dan dikeluarkan pada tahun 2016. Selain itu, Buku Indie ini juga merupakan antara koleksi buku tarbiah sentap. Buku Indie ini lebih menjurus kepada hala tuju atau karakter seorang Muslim. Kenapa kita hidup, kenapa manusia diuji, apa itu takdir, adakah jodoh, rezeki dan mati itu sudah ditetapkan, dan sebagainya. Bukan itu sahaja, buku ini juga menceritakan tentang tindakan sekiranya seseorang itu melakukan perzinaan, tindakan seterusnya jika ketagih video lucah, dilema gay serta lesbian dan lain-lain lagi. Akhir sekali, buku ini juga menceritakan bagaimana hendak melakukan perubahan, adakah Allah masih terima taubat kita, dan kenapa dakwah itu wajib.

Buku Indie ini ditulis untuk mereka yang rasa bahawa hidup ini hanya untuk berhibur dan senda gurau, sedangkan manusia ini mempunyai fungsi dan tujuan hidup. Selain itu, buku ini ditulis untuk mereka yang ragu-ragu tentang takdir, pilihan, ketetapan maut, jodoh dan rezeki, walhal Allah telah memberi pilihan dalam masa yang sama menetapkan takdir. Penulis juga mengarang buku ini untuk mereka yang menganggap bahawa cinta mereka tulus suci dan murni, sedangkan cinta yang sebenar adalah sesuatu yang memberi pahala dan membawa ke syurga, bukan memberi dosa dan membawa ke neraka. Bukan itu sahaja, buku ini juga ditulis untuk mereka yang merasakan bahawa ujian dari Allah ini menyusahkan, sedangkan Allah uji kita berdasarkan kemampuan kita. Akhir sekali buku ini ditulis untuk mereka yang ingin berubah dan bertaubat, tetapi masih lagi tidak mengetahui jalan dan cara untuk

bertaubat. Jelas menunjukkan bahawa pengarang buku ini mengetengahkan perihal keagamaan atau Islamik.

### **2.3.4 Umum**

Kategori umum ini merupakan kategori yang banyak bercampur aduk dengan jenis-jenis di atas iaitu novel, motivasi dan Islamik. Kedapatan gabungan penulisan cerpen dan motivasi, gabungan motivasi, cerpen dan Islamik, dan ada berbentuk cerita perjalanan dan pengalaman yang digelar ‘Travelog’. Gabungan sebegini yang banyak menyelitkan pemikiran-pemikiran Liberalisme, Sosialisme, Nazisme dan Syiah. Kedapatan juga unsur-unsur negatif seperti diskriminasi kaum, ganas, lucah, kasar dan mengkritik kerajaan. Namun demikian, terdapat juga buku umum ini mempunyai nilai moral yang baik dan menjadi motivasi tetapi selingan dengan unsur-unsur negatif sangat mencacat nilai moral yang kedapatan dalam buku umum.

#### **Buku Umum Berjudul ‘Aku Tak Peduli’**

Buku Indie ini bertajuk ‘Aku Tak Peduli’ merupakan Himpunan Nukilan Melayu Minimalis Jilid Satu. Buku ini merupakan satu penilaian semula terhadap orang-orang penting dalam bangsa Melayu. Kebanyakan penulisan yang ditulis adalah sangat tajam dan teliti. Hal ini kerana buku ini mengandungi semua pengalaman dan pemerhatian yang dilakukan oleh penulis dengan menyelitkan isu yang pedas dan sinis.

Buku Indie ini adalah berasal daripada blog yang ditulis dan ditukar menjadi sebuah Buku Indie kerana kandungan adalah menceritakan tentang kehidupan penulis dan juga pengalaman penulis tersebut. Namun begitu, nama penulis tidak dipaparkan dalam muka depan buku mahupun dalam kandungan buku ini. Oleh itu, identiti penulis buku ini tidak diketahui dan dirahsiakan. Tetapi yang pasti, penulis ini merupakan seorang pekerja di makmal sains nuklear kerana dalam buku ini menceritakan tentang kepentan pekerjaannya. Penulis buku ini bekerja di makmal Sains Nuklear Bangi dan tinggal di kawasan Lembah Klang.

Penulis menyatakan bahawa blognya iaitu ‘Aku Tak Peduli’ ketika itu telah mempunyai hampir 150 ribu helaian dalam sebulan dan jumlah akses keseluruhan adalah melebihi 2 juta. Penulis mendakwa tidak sangka blog penulisan yang parodi dan satira kecil-kecilan yang dia terbit telah dapat dibukukan menjadi buku. Penulis berpesan supaya menganggap buku ini sebagai arkib penulisan yang sedikit sebanyak dapat membantu mengimbau kembali kehidupan Malaysia sekitar tahun 2007 hingga 2009 dahulu.

Kandungan buku yang ditulis oleh penulis telah memberi contoh personaliti atau subjek dan pada masa kini contoh personaliti itu mungkin telah basi dan lapuk pada zaman kini. Tapi penulis yakin bahawa mesej yang tersirat dalam penulisnya ketika itu masih lagi relevan dan berguna sampai sekarang.

### **Buku Umum Berjudul ‘Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang’**

Penulis buku ‘Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang’ ialah Zul Fikri Zamir Mohamad Munir. Buku ini Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang ini terbahagi kepada empat tema iaitu mahasiswa dan kebebasan akademik, pendidikan nasional, politik dan sosial serta kritik teater. Buku ini bukan sahaja berkisarkan tentang sistem pendidikan formal semata-mata tetapi juga membawa pembaca merenung dari sisi-sisi kehidupan yang turut memberi kesan kepada pemikiran dan tindakan. Contohnya, kritikan terhadap jati diri, budaya berfikir generasi Y dan betapa teknologi yang memudahkan tidak semestinya menjadikan pengguna sebagai seorang yang pandai. Kalau diperhatikan tulisan-tulisan beliau, isu-isu yang dibangkitkan sudah berusia dua atau tiga tahun yang lepas, namun begitu isu-isunya masih segar kerana penulis meyakinkan pembaca bahawa isu-isu yang dibangkitkan merupakan masalah yang sedang berlaku dalam negara dan masalah yang sedang dihadapi oleh anak-anak muda.

### **Buku Umum Berjudul ‘Cerpen-Cerpen Underground’**

Terdapat 30 cerpen pendek yang terkandung dalam buku ini. Kisah-kisah yang terdapat di dalam Cerpen-Cerpen Underground ini banyak mengisahkan tentang perkara-perkara yang sering berlaku dalam kehidupan.

Cerpen ‘Drama Tanah Kubur’ mengisahkan tentang pemikiran masyarakat yang mudah menyimpulkan sesuatu perkara tanpa melihat sebarang bukti yang kukuh. Cerpen ‘Setelah Membaca Buku, Dia Menjadi Syiah’ pula mengisahkan tentang pemikiran seorang lelaki yang mempertikaikan tentang watak sotong yang dilakukan di dalam drama televisyen Melayu tempatan yang boleh diterima di negara ini, sedangkan masyarakat minoriti seperti Syiah dan Kristian masih didiskriminasikan. Cerpen ‘Mem’ pula mengisahkan tentang pasangan lelaki dan wanita yang gemar makan segala jenis makanan tanpa memikirkan kesan yang akan menjelaskan kesihatan mereka dan akhirnya teman wanitanya telah dimasukkan ke hospital akibat kolesterol, darah tinggi dan strok yang berpunca dari masalah obesiti.

Seterusnya, cerpen ‘Ranjang Kapitalis’ yang mengisahkan tentang seorang isteri yang meminta bayaran setiap kali melakukan hubungan intim. Si isteri adalah seorang yang tidak bekerja dan sering membelanjakan duitnya untuk keluarganya sendiri setiap kali diberi oleh suaminya. Oleh demikian, Si Isteri berpendapat bahawa satu-satunya pendapatan yang dia boleh cuba gunakan adalah pelacuran. Manakala, cerpen ‘Momok yang Pesimis’ mengisahkan tentang seorang mangsa rogol dan dibunuh secara kejam. Kisah ini ingin menggambarkan ketidakadilan yang berlaku terhadap dirinya dan negaranya. Malah, dunia digambarkan kucar-kacir, serta cita-cita dan harapan yang punah dan tidak tercapai.

Seterusnya, cerpen ‘Psiko Pulau Pisang’ yang mengisahkan tentang sebuah cerita tentang kalah dan menang dalam perjuangan melawan penindasan. Cerpen ‘Ke Penjara Bonda’ pula mengisahkan tentang seorang anak lelaki yang telah ditinggalkan oleh ayahnya dan ibunya yang telah dimasukkan ke dalam penjara kerana disyaki membunuh anak-anaknya iaitu adik-adik kepada lelaki tersebut. Dia langsung tidak menyimpan perasaan dendam atau marah terhadap kesilapan yang telah dilakukan

oleh ibunya kerana dia memikirkan bahawa ibunya tetap ibu kandungnya, darah daging yang telah melahirkannya di dunia dan ibu bapanya jugalah adalah cinta dia yang paling dalam pada suatu masa dahulu. Dia lebih risau tentang keadaan ibunya sepanjang berada di dalam penjara. Dia mendoakan bahawa ibunya dapat dijaga dengan baik oleh pihak penjara.

Cerpen ‘Darul Bauksit’ pula mengisahkan tentang kajian pakar-pakar sains terhadap biawak komodo. Cerpen ini menggambarkan sepanjang proses dan aktiviti yang dilakukan dalam menjalankan kajian terhadap biawak komodo. Kemudian, cerpen ‘Nasib Shakur’ menceritakan tentang nasib seorang lelaki yang bernasib malang kerana sehari sebelum majlis pernikahannya, bakal isterinya telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Setelah dia menemui cinta barunya, nasibnya malang juga kerana dia telah ditinggalkan oleh tunangnya sehari sebelum diijabkabulkan. Seterusnya, cerpen ‘Baru’ dan ‘Lama’ pula mengisahkan tentang cerita pengalaman hidup anak rantau. Cerpen ‘Mentimun Cinta’ pula mengisahkan tentang wanita yang hidup kesunyian yang gemar makan timun.

Manakala cerpen ‘Demokrasi Slapstik’ dan ‘Buana Serpih Angkasa’ pula menggambarkan tentang dunia yang melibatkan pelbagai isu kontemporari yang melangku segenap domain sosiobudaya dan sosiopolitik. Seterusnya, cerpen ‘Elektrohabitat’ pula mengisahkan tentang seorang pengguna yang tidak tahu menghargai barang-barang elektronik di rumahnya. Kemudian kisah dari cerpen ‘Hujan Batu’ yang menceritakan tentang kehidupan anak muda dari Malaysia di luar Negara. Dia menyambung pengajiannya di England dan tidak pulang-pulang ke Malaysia. Dia dapati ayahnya telah meninggal dunia dan dia mula mengimbas kembali kenangan-kenangan bersama ahli keluarganya. Namun, dia tetap ego tidak pulang ke kampung.

Seterusnya, cerpen ‘Terlajak Kaya’ menggambarkan bahawa seorang wanita yang bakal dikahwini oleh seorang jutawan yang tidak dicintainya. Malangnya, sebelum majlis perkahwinannya, bakal suaminya tiba-tiba diisyiharkan bankrap oleh mahkamah. Namun begitu, wanita tersebut tetap ingin mengahwininya kerana masih mengasihi lelaki itu sebagai seorang sahabat. Kemudian, cerpen tentang ‘Laika’ yang

mengisahkan tentang perkenalan jangka masa pendek antara pelajar perempuan kacukan Rusia dan Indonesia bersama dengan seorang pelajar lelaki Melayu di sebuah sekolah. Malangnya, mereka terpaksa berpisah kerana pelajar lelaki tersebut berpindah ke Seremban bersama keluarganya. Cerpen ‘Sejarah Pendek Segi Tiga’ menceritakan tentang kisah cinta tiga segi remaja. Akhirnya, salah seorang daripada mereka terpaksa mengundur diri. Cerpen ‘Beberapa Saat Sebelum Karina Pergi’, ‘Api Dalam Hati’, dan ‘Bukan Hachiko’ dan ‘Kisah Pendek Tentang Penceraian’ menggambarkan tentang masalah-masalah hubungan antara pasangan remaja dan suami isteri sehingga mengakibatkan perpisahan kerana wujudnya sikap tidak menghargai dan tidak memahami antara pasangan. Manakala, cerpen ‘Kasih atau Kesumat’ menceritakan tentang percintaan pasangan remaja yang mengharungi pelbagai ujian di luar Negara.

Cerpen ‘Mantan-Mantan Kekasih Isteri Saya’ mengisahkan tentang isterinya yang menjemput semua bekas teman lelakinya ke majlis perkahwinannya dengan tujuan ingin menunjukkan bahawa beliau telah memiliki kekasihnya secara rasmi dan bekas-bekas kekasihnya yang lain tidak boleh mengganggunya selepas ini. Cerpen ‘Belalai’ pula menceritakan tentang Romlah yang trauma terhadap gajah yang pernah menyerang emaknya sehingga meninggal dunia. Trauma yang di alaminya membuatkan dia fobia dan gentar dengan setiap jenis belalai.

Akhir sekali ialah, cerpen ‘Anak Bumi Tercinta’ yang menceritakan tentang kehidupan seorang anak muda yang banyak melakukan jenayah seperti merompak, merogol, menyeksa orang terutamanya golongan wanita, membunuh, pernah ditangkap polis dan melarikan diri. Cerita ini tiada kesudahannya. Namun, faktor utama dari kisah ini adalah kerana tidak mendapat didikan yang baik dan sempurna oleh ibu bapanya.

## **2.4 KESIMPULAN**

Bab ini menjelaskan maksud Buku Indie dan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan melalui badan-badan kerajaan seperti BTN dan JAIS. Begitu juga, kajian lepas

berkenaan Buku Indie yang ditulis oleh ahli akademik juga turut juga dibincangkan. Hasil penelitian kajian-kajian lepas ini dapat memberi gambaran mengenai maksud gerakan Indie dan maksud Buku Indie. Kajian lepas juga telah menunjukkan bahawa kajian mengenai Buku Indie masih belum banyak walaupun BTN dan JAIS telah meluahkan kebimbangan terhadap fenomena Buku Indie.

Bab ini juga menjelaskan jenis-jenis Buku Indie yang merangkumi novel, motivasi, Islamik dan umum. Buku Indie jenis motivasi dan Islamik boleh dianggap baik. Sedangkan novel dan umum diselitkan dengan unsur-unsur negatif seperti ganas, lucah, kasar dan mengkritik kerajaan.

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan kaedah yang akan digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data dan maklumat daripada peserta kajian. Bab ini juga akan menyatakan instrumen yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang boleh menyelesaikan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

#### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan satu perancangan berstruktur dan berstrategi bagi menentukan corak penyelidikan. Reka bentuk penyelidikan mempunyai perancangan yang menyeluruh bagi menjawab persoalan atau masalah kajian (Kerlinger 1986). Ia juga merupakan perancangan saintifik bagi memperoleh dapatan yang diinginkan (Babbie & Earl 1994).

Oleh demikian, reka bentuk yang dipilih untuk menjawab dan menyelesaikan persoalan kajian ialah reka bentuk Kualitatif. Menurut Given (2008), kajian Kualitatif direka untuk meneroka topik berkaitan pengalaman manusia sebagai individu. Metode Kualitatif adalah kaedah terbaik bagi menjawab persoalan ‘apa’ dan menjelaskan fenomena baru terhadap pemikiran, pentafsiran dan perasaan individu.

Bagi mendapatkan data yang kukuh dan sah, pendekatan pelbagai kaedah yang disebut triangulasi turut digunakan. Oleh demikian, pengkaji memilih gabungan teknik temu bual dan analisis dokumen. Manakala, analisis dokumen pula meliputi semakan Buku Indie dan catatan pelajar.

### **3.2.1 Triangulasi**

Menurut Rasid & Raman (2014), triangulasi merujuk kepada penggunaan lebih dari satu kaedah dalam kajian seperti sumber data yang pelbagai, kaedah pungutan data yang pelbagai, kaedah analisis data yang pelbagai dan penggunaan medium yang pelbagai dalam memastikan kemunculan corak dan tema dalam kajian. Kepelbagaiannya pendekatan ini dapat memperkuatkan kemunculan dan pengukuhan sesuatu *konstruktif*. Oleh demikian, kesahan dalaman akan dapat ditingkatkan, terutamanya dalam proses membentuk kategori, tema dan corak dalam proses kajian.

Berdasarkan kajian ini, adalah sangat sesuai untuk pengkaji menggunakan pendekatan triangulasi sebagai satu kaedah pengumpulan data. Data dan maklumat akan dipungut melalui tiga kaedah utama iaitu temu bual, analisis dokumen dan catatan pelajar. Dengan adanya tiga kaedah pengumpulan data ini, maka ia akan mengukuhkan lagi dapatan kajian yang bakal diperoleh. Dapatan yang dapat akan lebih tinggi tingkat kebolehpercayaannya.

## **3.3 INSTRUMEN**

Menurut Noraini (2013), penyelidik perlu mempunyai instrumen yang sah dan mempunyai kebolehpercayaan untuk memungut data bagi menjawab soalan kajian. Data tersebut merujuk kepada maklumat yang diperoleh penyelidik tentang subjek penyelidikan. Kebanyakan penyelidikan menggunakan instrumen, sama ada instrumen yang dicetak oleh penerbit, direka sendiri oleh penyelidik, atau instrumen piawai. Melalui kajian ini, instrumen kajian yang digunakan ialah protokol temu bual, analisis dokumen dan catatan pelajar. Instrumen-instrumen ini adalah direka sendiri oleh penyelidik di mana soalan-soalan ini adalah berdasarkan kandungan moral yang dikemukakan oleh Eow Boon Hin et al (2008). Hal ini akan memudahkan penyelidik untuk membuat analisis dapatan kajian yang diperoleh dengan menggunakan ketiga-tiga kaedah tersebut.

### **3.3.1 Temu Bual**

Menurut Sidek (2002), temu bual digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk memperoleh tentang fakta, perasaan, kepercayaan dan aspek-aspek lain yang ingin diselidik dalam sesuatu kajian atau penyelidikan. Tambahan pula, temu bual akan melalui pertemuan bersemuka dengan peserta kajian, serta data-data dan maklumat yang diingini akan diperoleh secara langsung.

Berdasarkan kajian ini, temu bual bersama mahasiswa telah dijalankan. Seramai empat (4) responden telah dipilih. Responden yang dipilih ini telah dipilih berdasarkan pengetahuan dan pengalaman membaca Buku Indie. Soalan temu bual sudah direka (rujuk Apendiks I) untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan isu Buku Indie dan kandungan Moral. Dengan menggunakan teknik temu bual, ia dapat mengenal pasti sebab-sebab ini berlaku dan mendapatkan cadangan dari responden tersebut. Oleh demikian, temu bual merupakan temu bual berstruktur. Selanjutnya, Data-data temu bual pula akan ditranskripsikan terlebih dahulu sebelum dianalisis berdasarkan pendekatan Kandungan Moral yang ditetapkan oleh Eow Boon Hin et al (2008).

### **3.3.2 Analisis Dokumen**

Menurut Given (2008), dokumen dan artifak fizikal seperti gambar-gambar, pakaian, buku, alat, dan lain-lain, boleh datang dari arkib atau daripada harta peribadi individu atau koleksi institusi swasta atau awam. Cara analisis akan bergantung pada jenis dokumen atau artifak dan persoalan kajian. Analisis dokumen merupakan salah satu kaedah daripada pengumpulan data dalam kaedah kualitatif secara menganalisis dokumen berbentuk bahan catatan atau artifak fizikal.

Oleh demikian, analisis dokumen sangat sesuai digunakan dalam kajian ini kerana bahan utama dalam kajian ini adalah Buku Indie. Lebih seratus (100) naskhah buku telah disemak (rujuk Apendiks II) bagi menjawab soalan yang telah direka (rujuk Apendiks I). Analisis dokumen terhadap Buku Indie dalam kajian ini turut

disaring berdasarkan kandungan moral yang telah dikemukakan oleh Eow Boon Hin et al (2008).

Kajian ini turut menggunakan analisis dokumen terhadap catatan pelajar. Catatan pelajar merupakan adalah hasil penulisan para mahasiswa yang diberi tempoh masa yang mencukupi bagi mereka mencatatkan perkara yang mereka faham mengenai Buku Indie berdasarkan. Soalan juga telah diberikan kepada pelajar berkaitan kandungan moral dalam Buku Indie. Catatan pelajar ini akan menjadi sumber yang dapat mengukuhkan data yang diperoleh daripada temu bual dan analisis dokumen yang telah dijalankan.

### **3.4 PENJELASAN PEMILIHAN PESERTA KAJIAN**

Pemilihan peserta kajian adalah sangat penting bagi penyelidik mengenal pasti kumpulan Sasaran yang akan dijadikan sebagai peserta kajian. Hal ini kerana peserta kajian adalah sangat mempengaruhi dapatan kajian. Oleh demikian, penyelidik sangat perlu mengenal pasti sama ada soalan-soalan kajian dapat dijawab dengan baik ataupun tidak.

#### **3.4.1 Peserta Kajian**

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah golongan mahasiswa universiti awam. Pemilihan mahasiswa universiti awam sebagai peserta kajian adalah kerana golongan ini sangat mudah untuk terjebak dalam penulisan dan pembacaan buku-buku Indie. Buku-buku Indie adalah sangat berpengaruh kepada golongan belia terutamanya golongan mahasiswa. Maka sangat sesuai kajian ini dijalankan terhadap mahasiswa-mahasiswa di universiti untuk melihat kesan Buku Indie ini terhadap belia Malaysia secara amnya dan mahasiswa UPSI secara khususnya.

#### **3.4.2 Teknik Pemilihan Peserta Kajian**

Bagi menentukan peserta kajian yang dipilih, kaedah pensampelan bertujuan akan digunakan dalam kajian ini. Pensampelan bertujuan adalah boleh membantu

penyelidik menentukan peserta kajian yang sesuai secara khususnya dengan kajian yang akan dijalankan. Di samping itu juga, pensampelan bertujuan akan membantu penyelidik untuk mendapatkan peserta kajian yang memenuhi ciri-ciri yang diingini. Antara ciri untuk pemilihan peserta kajian ini ialah seseorang mahasiswa yang mempunyai latar belakang dalam pembacaan buku-buku Indie.

### **3.5 PENDEKATAN KANDUNGAN MORAL**

Kajian ini akan meneliti aspek kandungan moral yang mempunyai empat belas (14) item yang melibatkan keperibadian manusia dan peraturan masyarakat. 14 item ini adalah berdasarkan kandungan moral yang ditentukan oleh Eow Boon Hin et al (2008). Peraturan masyarakat mempunyai lapan (8) item iaitu meningkatkan taraf kehidupan, membangun intelek, memelihara nyawa manusia, memelihara hak asasi manusia, mengelak keruntuhan moral, mengekalkan kerukunan sosial, mengekalkan keamanan, dan menjaga masa dan tenaga. Manakala keperibadian manusia mempunyai enam (6) item iaitu motivasi intrinsik, rasa bersalah dan berdosa, percaya pada pegangan, kemegahan dan kendiri, terminologi khas dan percaya pada justifikasi.

Peraturan Masyarakat	Keperibadian Manusia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan taraf kehidupan</li> <li>• Membangun intelek</li> <li>• Memelihara nyawa manusia</li> <li>• Memelihara hak manusia</li> <li>• Mengelak keruntuhan moral</li> <li>• Mengekalkan kerukunan sosial</li> <li>• Mengekalkan keamanan</li> <li>• Menjaga masa dan tenaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Motivasi intrinsik</li> <li>• Rasa bersalah dan berdosa</li> <li>• Percaya pada pegangan</li> <li>• Kemegahan dan kendiri</li> <li>• Terminologi khas</li> <li>• Percaya pada justifikasi</li> </ul>

Rajah 2: Kandungan moral menurut Eow Boon Hin et al (2008)

Pendekatan Kandungan Moral ini sebenarnya diadaptasi daripada karya Brandt (1975) dan Emmet (1966). Pandangan Emmet (1966) terkandung dalam karyanya berjudul ‘Rules, Roles and Relations’ yang menjelaskan implikasi peraturan Masyarakat dengan lapan (8) item sebagaimana di atas. Manakala pandangan Brandt

& Singer (1975) pula, disebut dalam ‘A Theory of the Good and the Right’ yang menjelaskan enam kod etika keperibadian manusia sebagaimana di atas.

Kandungan moral ini menjadi sebahagian dari set soalan yang dikemukakan untuk temu bual, catatan pelajar dan semakan Buku Indie. Kemudian, dapatan ini dapat menjelaskan Buku Indie dari sudut empat belas (14) item. Dapatan ini bersama dengan soalan maksud dan sejarah Buku Indie dijadikan asas bagi membentuk *Grounded Theory*.

### **3.6 GROUNDED THEORY**

*Grounded Theory* merupakan satu kaedah kuantitatif yang dibangunkan oleh Glaser dan Strauss dalam karyanya ‘*The Discovery of Grounded Theory*’. Menurut Glasser & Strauss (1967), *Grounded Theory* dikemukakan agar membentuk teori berdasarkan data yang diperoleh. Malah, Corbin & Strauss (2015) menyebut ia memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pembentukan teori.

Pemilihan *Grounded Theory* dalam kajian ini merupakan strategi bagi merumuskan segala dapatan sepanjang kajian berkenaan Buku Indie agar dapat difahami sebaik mungkin. Pandangan ini bertepatan dengan pandangan Charmaz (2011:360) yang beranggapan bahawa *Grounded Theory* sebenarnya merupakan satu strategi analisis sebarang data dengan memahami segala analisis terhadap segala dapatan data.

Metode ini dipilih adalah bertujuan memahami Buku Indie secara induktif yang merangkumi semua dapatan daripada data kualitatif berbentuk temu bual, catatan mahasiswa dan semakan Buku Indie. Justeru, Merriam & Tidel (2016) mencadangkan prosedurnya berdasarkan sampel yang dikumpulkan, dikodkan dan dianalisis. Kemudian, data-data ini dianalisis dengan menggunakan metode perbandingan dalam analisis data agar membentuk suatu kesamaan atau paten dalam data. Paten ini disusun agar dapat dikaitkan antara paten lain. Seterusnya, pembahagian paling asas dibina bagi menjelaskan elemen yang saling berkaitan dengan pusat teori yang terbina.

### **3.7 KESIMPULAN**

Bab ini telah membincangkan beberapa perkara penting yang berkaitan metodologi kajian. Perbincangan dimulakan dengan menyentuh tentang reka bentuk kajian yang akan digunakan oleh penyelidik. Penyelidik telah memilih pendekatan kualitatif sebagai panduan kepada penyelesaian masalah kajian ini. Di samping itu, penyelidik telah memilih untuk menggunakan instrumen temu bual, analisis dokumen dan catatan refleksi pelajar untuk mendapat maklumat atau data daripada peserta kajian. Selain itu, dalam bab ini telah membincangkan kandungan moral yang ditentukan oleh Eow Boon Hin et al 2008.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian yang diperoleh daripada ketiga-tiga instrumen yang telah digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data melalui temu bual, catatan pelajar dan analisis dokumen. Dapatan ini merangkumi maksud, jenis, sejarah dan kandungan Moral Buku Indie.

#### **4.2 MAKSUD BUKU INDIE**

Dapatan menunjukkan Buku Indie mempunyai tiga maksud utama iaitu terbitan sendiri, haluan kiri atau melawan arus perdana, dan berbentuk kebebasan. Maksud ini menjadi asas kepada kajian bagi memahami Buku Indie. Maksud pertama adalah lebih berbentuk pengeluaran buku. Manakala maksud kedua dan ketiga merupakan nilai yang kedapatan dalam Buku Indie. Pengkaji mendapati, terdapat di kalangan mahasiswa memahami Buku Indie dengan maksud terbitan sendiri sahaja tanpa melihat nilai dalam Buku Indie. Begitu juga sebaliknya, terdapat juga mahasiswa memahami Buku Indie berdasarkan nilai dalam Buku Indie bukan dari sudut maksud pengeluarannya.

##### **4.2.1 Terbitan Sendiri**

Melalui dapatan temu bual, peserta kajian 1 dan peserta kajian 2 telah menyatakan Buku Indie adalah satu bentuk penulisan mandiri atau secara sendiri dan buku-buku tersebut diterbitkan berdasarkan kemampuan penulis itu sendiri. Buku Indie juga

dikatakan tidak terikat dengan mana-mana badan kerajaan. Dapatan temu bual sebagaimana di bawah:

Buku Indie adalah salah satu, bentuk penulisan atau trend penulisan yang baru, yang mana, kalau Indie tu diterjemahkan sebagai mandiri la. Maksudnya buku-buku ini dihasilkan berdasarkan kemampuan penerbit itu sendiri tanpa autoriti. Dan Buku Indie juga saya lihat ada mewakili sikap aaa.. penulis itu sendiri atau penerbit itu sendiri, berbeza dengan buku-buku yang kita katakan arus perdana. Ada beberapa pencirian la.

[kolejzaba/trans1/temu bual/R1.04.05.2017]

Buku Indie ni salah satu penulisan yang *independent* la. Yang tidak terikat dengan mana-mana badan kerajaan. Macam ku cakap tadi la, mandiri.

[kolejzaba/trans2/temu bual/R2.04.05.2017]

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada catatan pelajar, salah satu pandangan mahasiswa terhadap Buku Indie ini ialah terbitan sendiri. Menurut pandangan mahasiswa, Buku Indie adalah karya terbitan sendiri di mana penulis menulis dan mencetak sendiri. Menurut peserta kajian:

Buku Indie yang diterbitkan penulis sendiri mengandungi isi yang rasa perlu atau penting untuk dibaca oleh orang yang tertentu sahaja atas alasan mempunyai hobi, minat, ideologi, bahasa yang sama.

[upsi/catatanpelajar/CI17.2017]

Pada pendapat saya, perkara yang saya tahu mengenai Buku Indie adalah Buku Indie ditulis oleh sesiapa sahaja secara bebas dan diterbitkan sebagai bahan bacaan masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI21.2017]

Buku Indie merupakan sebuah buku yang ingin diterbitkan sendiri atau telah diterbitkan oleh penulisnya sendiri dan kemudian telah berjaya tanpa banyak dihalangi serta dikawal oleh idea dan proses kreatifnya.

[upsi/catatanpelajar/CI31.2017]

Buku Indie ialah jenis buku yang ingin diterbitkan sendiri atau diterbitkan kemudiannya berjaya tanpa halangan di mana idea yang kreatif tidak dikawal oleh penerbitan.

[upsi/catatanpelajar/CT14.2017]

Buku Indie adalah sebuah karya atau penulisan bebas yang dibukukan dan diterbitkan oleh mana-mana golongan individu yang ingin menghasilkan karya penulisannya sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT19.2017]

#### **4.2.2 Haluan Kiri Atau Melawan Arus Perdana**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, peserta kajian 3 telah menyatakan buku-buku Indie adalah hasil terbitan daripada syarikat-syarikat penerbit yang cuba mencari kelainan dari arus perdana. Ia bermaksud Buku Indie diterbitkan berbentuk melawan arus perdana. Menurut Peserta Kajian 3:

Buku Indie apa yang saya tahu merupakan satu gerakan penerbit-penerbit buku, rumah penerbitan yang ingin lari dari kebiasaan aaa... arus perdana sekarang.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Dapatan kajian melalui catatan pelajar juga menunjukkan bahawa mahasiswa mengelaskan bahawa Buku Indie merupakan buku yang berhaluan kiri dan melawan arus perdana. Peserta kajian menyatakan bahawa Buku Indie ini adalah buku-buku yang diterbitkan yang tidak mengikuti piawaian penerbitan buku arus perdana. Menurut peserta kajian:

Boleh juga saya katakan bahawa, karya *Indie* ini merupakan satu ‘ancaman’ kepada pemikiran dan minda anak muda lantaran karya-karya seumpama itu ‘bebas’ bentuknya, kasar dan kurang penyantunan bahasanya.

[upsi/catatanpelajar/CI6.2017]

Bagi sesetengah pihak telah menyatakan bahawa Buku Indie ini dianggap sebagai bahan bacaan ‘sampah’ dan tidak mempunyai faedah kerana penggunaan bahasa, watak dan jalan cerita yang digunakan terlalu bebas sehingga ada yang menggunakan bahasa-bahasa kasar dan lucah serta mempunyai unsur-unsur liberal dan sebagainya, namun ia merupakan salah satu tahap pemikiran penulis dalam menyatakan dan menghasilkan idea mereka melalui penulisan

[upsi/catatanpelajar/CI12. 2017]

Mengikut pemahaman saya gaya penulisan buku ini lebih menjurus kepada pemberontakan dan bersifat agresif.

[upsi/catatanpelajar/CI20.2017]

Buku Indie ini mempunyai pasaran mereka sendiri dan ianya mempunyai peminat mereka, iaitu golongan pembaca yang melawan arus perdana.

[upsi/catatanpelajar/CI22.2017]

Sesetengah Buku Indie mempunyai filsafat anarki ataupun bersifat pembangkang. Saya juga berpendapat bahawa Buku Indie boleh dikategorikan dalam cara yang sama dengan istilah ‘gerila’ yang bermaksud membuat serangan secara terang-terangan (berterus-terang).

[upsi/catatanpelajar /CT16.2017]

Saya dapati bahawa Buku Indie ini merupakan suatu gaya penulisan yang bersifat memberontak dan agresif, luar dari kebiasaan sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan.

[upsi/catatanpelajar/CT22.2017]

#### **4.2.3 Berbentuk Kebebasan**

Berdasarkan temu bual, peserta kajian 4, Buku Indie adalah satu bentuk kebebasan dalam pembacaan. Menurut peserta kajian 4,

Bagi saya sendiri.. Indie ni maksud bebas.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Melalui catatan pelajar, pengkaji telah mengenal pasti bahawa pelajar juga beranggapan bahawa Buku Indie ini adalah sebuah penerbitan yang berbentuk kebebasan. Kebebasan tersebut merangkumi kebebasan dalam penulisan dan juga penerbitan. Hal ini bermaksud penulis bebas dalam menulis karya masing-masing dan menerbitkannya dengan dana sendiri. Menurut peserta kajian:

Buku Indie boleh didefinisikan sebagai buku yang dikemukakan oleh sesetengah pihak sebagai kebebasan dalam penerbitan dan penulisan. Buku Indie juga merupakan buku yang tidak terikat dengan mana-mana institusi atau syarikat-syarikat penerbitan buku yang lain.

[upsi/catatanpelajar/CI3.2017]

Buku Indie merupakan salah satu buku yang tidak berbentuk ilmiah yang telah ditulis oleh generasi kini tidak kira mereka berpendidikan tinggi ataupun tidak. Buku Indie ini merupakan buku yang ditulis hasil luahan perasaan atau pendapat seseorang tentang sesuatu perkara.

[upsi/catatanpelajar/CI14.2017]

Buku Indie juga boleh difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan.

[upsi/catatanpelajar/CI18.2017]

Buku Indie merupakan buku yang membawa satu aliran daripada pemikiran yang bebas dan kebanyakannya juga kandungannya berlawanan dengan buku-buku pendidikan yang telah diajarkan kepada seseorang dari bangku sekolah. Buku Indie juga tidak selari dengan pegangan dan norma yang dipegang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kerana buku ini juga ada menggunakan kata-kata slanga dan terdapat juga unsur tabu.

[upsi/catatanpelajar/CT1.2017]

Buku Indie pula merupakan sebuah bahan pembacaan yang mengandungi idealis tersendiri, kebebasan bersuara (*freedom of speech*), membantah dan mengkritik secara berasas, subjek dan gaya penulisan yang menolak bentuk struktur konvensional.

[upsi/catatanpelajar/CT16.2017]

Buku Indie merupakan sebuah aliran atau budaya yang menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti.

[upsi/catatanpelajar/CT30.2017]

### **4.3 KATEGORI BUKU INDIE**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, Buku Indie boleh dikategorikan sebagai genre buku dan juga trend pembacaan masyarakat pada masa ini.

#### **4.3.1 Genre Buku**

Beberapa peserta kajian telah menyatakan bahawa Buku Indie ini adalah merupakan genre buku. Namun begitu, genre Buku Indie terdapat pelbagai jenis dan ia sangat bergantung kepada penulis dan penerbit. Malah, tiada pelarasian dibuat. Menurut peserta kajian:

Buku Indie ini merupakan genre buku yang berbeza daripada karya buku yang lain. Buku genre ini bersesuaian dengan trend pembacaan masyarakat yang lebih cenderung kepada corak hiburan bersesuaian dengan minat mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI8.2017]

Buku Indie ditulis dalam pelbagai genre seperti romantik, seram, jenayah dan sebagainya. Penulisan Buku Indie ini bukan ditulis dalam satu genre sahaja. Perkara ini juga menarik minat pembaca untuk membaca buku mengikut genre-genre yang mereka minati.

[upsi/catatanpelajar/CI15.2017]

Buku Indie ini merupakan sebuah buku yang bersifat sastera genre. Hal ini kerana bahan bacaan ini menjadi pilihan golongan muda kerana ianya berbeza genre seperti sains fiksyen, ganas dan kejam, lawak mahupun penyiasatan.

[upsi/catatanpelajar/CT6.2017]

Buku Indie adalah lebih kepada merupakan satu genre buku berbanding kepada trend pembacaan. Buku Indie ialah satu genre baharu yang berjaya mendapat tempat di hati pembaca terutamanya golongan muda pada hari ini.

[upsi/catatanpelajar/CT12.2017]

Penulisan Indie ini mungkin lebih tepat jika hendak dimaksudkan kepada suatu genre penulisan baharu yang tidak mempunyai sebarang bentuk yang jelas dan dikenali sebelum ini. Buku Indie ini adalah merupakan trend pembacaan dan bukannya genre buku. Tambahan pula, ianya menjadi trend pembacaan disebabkan oleh penerimaan semua lapisan masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CT28 .2017]

#### **4.3.2 Trend Pembacaan**

Berdasarkan temu bual, peserta kajian 1, 2 dan 4 telah menyatakan Buku Indie pada hari ini telah menjadi satu trend pembacaan dalam kalangan anak muda. Menurut peserta kajian 2, gerakan Indie pada mulanya telah menjadi satu trend pembacaan dalam kalangan anak muda. Peserta kajian 1 pula menyatakan anak muda akan kelihatan *cool* sehingga menjadi trend sekiranya memiliki dan membaca Buku Indie. Dapatan temu bual sebagaimana berikut:

Dan juga boleh diterima disebabkan trend, sebab bila beberapa tokoh boleh saya katakan tokoh la Buku Indie ni mula terkenal, orang ramai mulai ikut terutamanya anak muda yang nampak benda ni benda yang *cool* jadi mereka pun rasa minat untuk ikut dan termasuk juga la dalam aliran trend tu.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Ok. Kalau kita tengok sebenarnya Buku Indie ni, kalau katakan tengok gerakan yang Buku Indie ni pada asalnya adalah gerakan dan menjadi satu trend.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Bagi saya, dia bukan satu genre tapi bagi saya dia trend pembacaan.  
 [kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Namun begitu, ada juga peserta kajian yang berpendapat bahawa Buku Indie hanya merupakan trend pembacaan masyarakat kita pada masa kini. Rata-rata peserta kajian berpendapat bahawa Buku Indie merupakan fenomena yang baru dalam dunia pembacaan. Buku Indie mampu menarik minat golongan remaja untuk meningkatkan pembacaan. Menurut peserta kajian:

Saya berpendapat bahawa Buku Indie ini adalah merupakan satu trend pembacaan. Hal ini demikian kerana Buku Indie ini terkenal di kalangan golongan muda yang berjiwa bebas. Ianya sudah menjadi kebiasaan kepada golongan muda yang suka mengikut trend terkini termasuk juga dalam pembacaan.

[upsi/catatanpelajar/CI10.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie merupakan satu trend pembacaan kerana ianya baru beransur dalam masyarakat kita terutamanya golongan belia yang dahagakan idea-idea yang luar biasa. Saya mengata sedemikian kerana idea prejudis mengatakan bahawa orang Melayu atau bahasa netizen sebagai bani Melayu sebagai puak yang malas membaca.

[upsi/catatanpelajar/CI26.2017]

Buku Indie dikatakan trend pembacaan kerana ianya bergantung kepada minat. Walau bagaimanapun, Buku Indie menjadi trend pembacaan dalam kalangan generasi muda kerana sifat buku ini yang sesuai dengan kehidupan mereka yang lebih inginkan kebebasan dan tidak terikat dengan mana-mana peraturan.

[upsi/catatanpelajar/CT10.2017]

Saya berpendapat Buku Indie merupakan trend pembacaan bagi golongan anak muda pada masa kini. Hal ini kerana Buku Indie dikatakan dapat memahami perasaan dan kehendak anak muda yang inginkan kebebasan di dunia ini sehingga mereka sanggup mengetepikan agama.

[upsi/catatanpelajar/CT11.2017]

#### **4.4 HALATUJU BUKU INDIE**

Persoalan mengenai hala tuju Buku Indie juga dikemukakan kepada peserta kajian. Dapatan kajian mendapati, dua pandangan utama peserta kajian mengenai Buku Indie iaitu ia merupakan gerakan kebebasan atau ideologi kebebasan.

#### 4.4.1 Gerakan Kebebasan

Melalui temu bual, daptan yang diperoleh daripada peserta kajian 3 dan 4 telah menyatakan Buku Indie bukanlah satu ideologi, dan hanya merupakan satu gerakan sahaja. Dapatannya sebagaimana berikut:

Bagi saya Buku Indie ni bukan ideologi. Dia satu gerakan. Gerakan untuk melawan apa ni.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Bagi saya, saya mendapat daripada saya punya *roomate*, dia pun baca Buku Indie, bagi saya dia satu gerakan. Buku Indie ni dia wujud sebab dia nak meningkatkan golongan belia untuk membaca.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Berdasarkan daptan daripada catatan pelajar, ada sesetengah pelajar yang berpendapat bahawa Buku Indie ini hanya merupakan gerakan kebebasan dan bukan ideologi kebebasan. Gerakan kebebasan yang dimaksudkan oleh peserta kajian ialah gerakan kebebasan dalam penulisan dan penerbitan. Di samping itu, gerakan kebebasan yang dimaksudkan juga merangkumi kebebasan dalam pembacaan di mana pembaca bebas untuk memilih bahan bacaan yang memenuhi cita rasa mereka. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, pada mulanya Buku Indie adalah satu gerakan kebebasan. Gerakan kebebasan ini bermaksud penulis-penulis Buku Indie ini bebas untuk memasarkan hasil penulisan mereka dengan keupayaan serta kemampuan diri sendiri tanpa bergantung kepada mana-mana pihak atau syarikat.

[upsi/catatanpelajar/CI6.2017]

Buku Indie pada masa kini dilihat sebagai satu gerakan kebebasan membaca dalam kalangan golongan muda. Hal ini kerana, penulis-penulis buku ini adalah daripada golongan muda itu sendiri dan mereka mempunyai tahap pemikiran dan pandangan yang sama dan ingin mengetengahkan pendapat melalui penulisan.

[upsi/catatanpelajar/CI12.2017]

Pada pendapat saya, buku-buku Indie merupakan satu gerakan kebebasan membaca. Hal yang demikian kerana setiap individu bebas dan berhak untuk membaca sebarang buku atau artikel tanpa sekatan.

[upsi/catatanpelajar/CT8.2017]

Buku Indie merupakan sebuah buku yang berbentuk satu gerakan kebebasan membaca. Hal ini demikian kerana remaja masa kini lebih gemarkan sesuatu yang santai dan mudah difahami terutama di dalam pembacaan mereka.

[upsi/catatanpelajar/CT25.2017]

#### **4.4.2 Ideologi Kebebasan**

Berdasarkan temu bual, dapatkan diperoleh menunjukkan peserta 1 dan 3 berpendapat Buku Indie ada juga membawa ideologi masing-masing. Ada ideologi berbentuk ideologi sendiri dan ada yang berbentuk Liberalisme dan Sosialisme. Dapatkan sebagaimana berikut:

Bagi saya ada tujuan kenapa mereka buat macam tu, tapi tidak la sampai ke tahap ideologi, sebab kalau tengok ideologi saya rasa buku-buku itu pun ada ideologi sendiri.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Kalau kita tengok macam tadi, ada sedikit liberal, sosialis macam tu la

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Melalui dapatkan kajian yang diperoleh, majoriti peserta kajian beranggapan bahawa Buku Indie ini merupakan ideologi kebebasan. Peserta berpendapat bahawa kebanyakan penulis Buku Indie adalah seorang yang membawa ideologi masing-masing dan ideologi tersebut lebih kepada ideologi kebebasan. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, ianya merupakan satu ideologi kebebasan yang mana digunakan untuk meluahkan ketidakpuasan hati seseorang itu berdasarkan pemerhatiannya. Dalam hal ini kerana, gaya penulisan Buku Indie yang bersifat memberontak dan agresif, luar dari kebiasaan sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan.

[upsi/catatanpelajar/CI2.2017]

Saya berpendapat bahawa Buku Indie ini merupakan satu ideologi kebebasan di mana penulis bebas menghasilkan penulisan dan biasanya berkait rapat

dengan pengaruh falsafah sesebuah aliran atau ideologi yang telah berjaya membentuk pemikiran mereka sehingga menghasilkan sesuatu tindakan. Selain itu, penulis buku ini juga kebanyakannya bebas mengutarakan ideologi mereka sendiri sama ada berdasarkan pembacaan atau pengalaman yang mereka alami sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CI10.2017]

Namun penulisan Buku Indie tanpa sedar lama-kelamaan berubah menjadi satu ideologi kebebasan apabila penulis semakin rancak menonjolkan sikap kebebasan kerana mereka bebas menulis tentang apa sahaja sehingga membentuk satu bentuk pemikiran atau falsafah yang mampu mempengaruhi pemikiran orang lain sehingga membawa kepada sesuatu tindakan hasil penulisan tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CT7.2017]

Berdasarkan kepada pembacaan, saya dapat bahawa Buku Indie ini merupakan suatu ideologi kebebasan terhadap sekumpulan manusia dalam menghasilkan karya-karya peribadi yang bebas daripada kawalan kandungan, peraturan, penapisan dan cop kelulusan dari mana-mana pihak. Melalui kenyataan ini jelaslah bahawa Buku Indie ini bukan merujuk kepada kebebasan membaca tetapi ia merupakan ideologi kebebasan yang tuntut oleh golongan Indie untuk menerbitkan buku-buku mereka.

[upsi/catatanpelajar/CT22.2017]

#### **4.3 PERMULAAN BUKU INDIE**

Berdasarkan dapatan daripada temu bual dan catatan pelajar, didapati bahawa Buku Indie telah bermula sejak hujung tahun 90-an. Namun begitu, tidak dapat dikenal pasti secara tepat mengenai tahun bermula trend penulisan Buku Indie. Berdasarkan temu bual, peserta kajian 3 telah menyatakan trend Indie bermula dengan penerbitan Zine iaitu berbentuk majalah mini. Melalui temu bual dan catatan pelajar juga dapat dikenal pasti Buku Indie telah menjadi trend dalam kalangan pembaca sejak tahun 2011 dan semakin meningkat pada tahun 2013 iaitu selepas peristiwa Pilihan Raya Umum pada tahun tersebut. Dapatkan temu bual dan catatan pelajar adalah sebagaimana berikut:

Bagi saya ada tujuan kenapa mereka buat macam tu, tapi tidak la sampai ke tahap ideologi, sebab kalau tengok ideologi saya rasa buku-buku itu pun ada ideologi sendiri. Cuma saya boleh nampak trend dia mula popular tu boleh nampak. Sekitar tahun 2014, 2015.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Kalau nak bermula Buku Indie ni, apa yang saya pernah... apa yang saya tahu la.. dia berasal daripada penerbitan Zine, Zine daripada golongan budak-budak punk. Muzik punk. Dia orang panggil satu ideologi D.I.Y, do it yourself. Dia macam satu buku, tak la buku macam majalah ideologi artikel apa semua dia akan jual, mereka jual sama ada melalui di GIG ataupun melalui aaa.. pos. Tapi itu pada tahun 80an 90an, bila meningkat ke tahun 2000 ada muncul satu syarikat yang dipanggil Sindiket Soldjah.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Aaaa.. yang tu macam yang awal la, tapi bila ... Buku Indie ni dia *start* secara serius la dicetak dalam *leftstream*.. dia dalam bentuk buku arr dia cetak atau fotostat sendiri la..

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Teratur ni kalau tengok macam dia orang cakap arr.. lebih kurang dalam tahun 2011 macam tu.... apa yang saya tahu, tahun 1998 daripada Gerakbudaya.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Terdapat juga kemungkinan bahawa idea Buku Indie di Malaysia lebih awal daripada tahun 2000. Hal ini demikian kerana kemungkinan perolehan maklumat melalui medium Internet telah meluas di Malaysia bermula sekitar tahun 1990-an.

[upsi/catatanpelajar/CT1.2017]

Pada tahun 2000, Malaysia mula berkembang aktiviti pencetakan Buku Indie yang bergerak tanpa bantuan daripada mana-mana pihak. Kumpulan Indie ini hanya mencetakkan buku berdasarkan kreativiti mereka sendiri. Hasil karya mereka mendapat perhatian daripada masyarakat terutamanya golongan remaja sehingga mereka terpaksa mencetak buku berulang kali.

[upsi/catatanpelajar/CT2.2017]

Pada pendapat saya, bermulanya trend Buku Indie ini adalah selepas penulisan novel-novel yang terkenal semakin menurun. Selepas penerbitan novel semakin berkurang, penerbitan Buku Indie semakin meningkat dan bilangan penerbit Buku Indie semakin ramai dan masing-masing bertungkus-lumus untuk menaikkan nama masing-masing dalam karya mereka. Tambahan pula, hasil penerbitan Buku Indie lebih mendatangkan keuntungan kepada penerbit. Penerbitan Buku Indie juga dapat menonjolkan pemikiran idealisme dan bebas iaitu dalam bentuk novel/buku.

[upsi/catatanpelajar/CT5.2017]

Selaras dengan perkembangan teknologi seperti Internet, para penerbit dan penulis tempatan mudah mendapat maklumat dan mengetahui bahawa antara jenis buku lain yang boleh mencetuskan fenomena sehingga menguasai pasaran ialah Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CT17.2017]

Faktor kebangkitan trend Buku Indie ini juga turut dipengaruhi oleh faktor sosial politik terutama dalam kalangan anak muda pada tahun 2008 di mana kebanyakannya daripada golongan muda ini mula bergerak aktif dalam aktiviti Indie.

[upsi/catatanpelajar/CT9.2017]

Pada pandangan saya, kehadiran atau kedatangan Buku Indie tidaklah begitu menonjol pada awalnya, mungkin disebabkan capaian maklumat melalui Internet masih kurang dan terbatas kepada kelompok tertentu sahaja.

[upsi/catatanpelajar/CT24.2017]

Penjualan buku alternatif di Malaysia sudah mula beroperasi sekitar pada tahun 1998 dan 2002. apa yang saya perhatikan permulaan bagi penerbitan karya Indie ini juga berkait rapat dengan politik di mana kita dapat melihat, bagaimana sasterawan negara A.Samad Said, yang dikaitkan dengan politik, kemudian tidak mendapat tempat di arus perdana, jadi Pak Samad mula berkecimpung dalam penulisan Indie, jika menyingkap satu lagi peristiwa politik yang mencetuskan penerbitan Buku Indie ini iaitu juga sasterawan negara Shanon Ahmad. Permulaan trend Buku Indie ini mula memuncak apabila banyak karya-karya yang diselek, oleh DBP, ianya merujuk kepada karya-karya dari penulis baru, atas sebab alasan Buku Indie ini mampu merosakkan bahasa, dan membawa pengaruh liberal serta mempunyai unsur provokasi.

[upsi/catatanpelajar/CI22.2017]

#### **4.4 IKON BUKU INDIE**

Kajian ini turut meneroka ikon Buku Indie terutama ikon penulis dan ikon karya. Tujuan penerokaan terhadap ikon Buku Indie dilakukan kerana bagi mengenal pasti penulis dan karya Buku Indie yang menjadi ingatan dan tarikan kepada mahasiswa UPSI.

##### **4.4.1 Ikon Penulis Buku Indie**

Berdasarkan dapatan daripada temu bual dan catatan pelajar, didapati bahawa terdapat terlalu ramai penulis Buku Indie yang terkenal dalam kalangan mahasiswa. Namun begitu, terdapat beberapa nama yang kerap disebut dan didapati melalui kajian ini. Antara penulis Buku Indie yang terkenal ialah Zul Fikri Zamir, Benz Ali, Faisal Tehrani, Firdaus Ahmad, Nami Cob Nobbler dan sebagainya. Menurut:

Peserta Kajian 1: Penulis agak susah la, sebab sekarang dia terlalu ramai. Tapi bagi saya yang kuat jenamanya boleh kata Firdaus Ahmad dari Dubook Press juga, Zul Fikri Zamir, dua-dua tu orang Tanjung Malim, dan juga Benz Ali tadi la yang kuat.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Peserta Kajian 3: Yang.. kalau Buku Indie yang ni.. Firdaus Ahmad, tu nama besar, lepas tu, Dr Faisal Tehrani, Benz Ali, tu antara nama yang besar la.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Peserta Kajian 2: Simbol Indie macam penulis yang orang cakap Benz Ali, kalau golongan profesional sikit, Dr Anuar Fazal, Anuar Fazal dia seorang doktor. Tu la nama-nama besar, Zul Fikri Amir.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

CI1: Antara penulis tegar Buku Indie yang saya kenal berdasarkan sumber-sumber yang saya baca ialah Nami Cob Nobbler yang bernaung di bawah Lejen Press.

[upsi/catatanpelajar/CI1.2017]

Dr. Muhd. Faizal Musa (Faisal Tehrani), Muhammad Najib Anuar (Lucius Maximus), Firdaus Ahmad, Mohd. Nomi Nozwey (Nami Cob Cobbler), Zulfikri Zamir (ZF Zamir), Muhammad Aisamuddin Md Asri (Aisa Linglung), Ariff Adhly, Hasrul Rizwan, Ismail Ariffin (Lepat), Irmanyadi Idris (Man Tot)

[upsi/catatanpelajar/CI9.2017]

Nadia Khan, Benz Ali, Fdaus Ahmad, Naufal Tarmizi, Faisal Tehrani, Ariff Adli, Tunku Halim, Fathi Aris Omar, Hasrul Rizwan, Zul Fikri Zamir dan Hlovate.

[upsi/catatanpelajar/CI12.2017]

Penulis tegar Buku Indie yang terkenal dan menjadi ikon Indie antaranya Benz Ali, Ridhwan Saidi, Nawi Cob Nobbler dan Melati Rahim penulis buku Pelacur Kelas Pertama.

[upsi/catatanpelajar/CI17.2017]

Penulis tegar Buku Indie yang saya kenali ialah Muhd Faizal Musa atau dikenali sebagai Faisal Tehrani

[upsi/catatanpelajar/CI18.2017]

Antara penulis tegar yang dikenali sebagai penulis tegar Buku Indie iaitu Zul Fikri Zamir, Benz Ali, Adam Adli, Melati Rahim, dan juga Zikri Rahman

[upsi/catatanpelajar/CI21.2017]

Zul Fikri Zamir, Amir Muhammad, Dr Faisal Musa (Faisal Tehrani), Adam Adli.

[upsi/catatanpelajar/CT3.2017]

Penulis tegar Buku Indie terdiri daripada Zul Fikri Amir, Nami Con Nobbler, Benz Ali.

[upsi/catatanpelajar/CT10.2017]

Antara penulis Indie yang saya kenali ialah Ridhwan Saidi (Cekik), Nami Cob Nobbler (Awek Chuck Taylor), Haruki Murakami (The Strange Library), dan Firdaus Ahmad (Dari KLCC ke Tanjung Malim).

. [upsi/catatanpelajar/CT16.2017]

Benz Ali merupakan penulis tegar Buku Indie yang saya kenali menerusi bahan bacaan yang saya baca.

[upsi/catatanpelajar/CT19.2017]

#### **4.4.2 Ikon Karya Buku Indie**

Didapati bahawa banyak buku dalam pasaran yang boleh dikenali sebagai Buku Indie. Berdasarkan temu bual dan catatan pelajar, pelbagai buku yang dilabelkan sebagai Buku Indie dalam kalangan pembaca. Ia terbahagi kepada beberapa genre yang berlainan. Namun, karya yang menjadi ingatan para mahasiswa UPSI adalah karya Zul Fikri Zamir berjudul ‘Sekolah bukan penjara, Universiti Bukan Kilang’. Dapatkan temu bual dan catatan pelajar adalah sebagaimana berikut:

Yang pertama yang paling saya rasa yang paling hebat dari segi isinya, buku Zul Fikri Zamir, ‘Sekolah bukan penjara, Universiti Bukan Kilang’ tu antaranya yang dapat sambutan tinggi dan dia sambung pula dengan ‘Masharakat melawan Mahasiswa’. Kemudian lagi satu dari segi penjualan saya rasa setakat ini rekod penjualan buku di PBAKL ‘Terima kasih Si Babi Hutan’ tulisan Lepat, Ismail Ariffin. Tak silap saya sehari dia boleh jual 100000 buah naskhah, 2015 punya.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Yang menjadi simbol, aaaa.. yang pertama buku dari Zul Fikri Zamir, ‘Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang’, ‘Masharakat Melawan Mahasiswa’ , ‘Tanjung Malim ke KLCC’ dan satu lagi Cerita Malaysia tidak ke Piala Dunia.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Pada pendapat saya, buku yang boleh dikenali sebagai Buku Indie adalah Wajah Dalam Cermin, Memoria Kumpulan Puisi, Mario F. Lawi, Pelacur Kelas Pertama, Nada yang Hilang, Kupukupu-Kupukupu di Dalam Perutku, Badai Pasti Datang, Kepulangan Kelima, Gadis Pakaren, Politik Sastra, Darmagandhul, Sang Pendamping.

[upsi/catatanpelajar/CT24.2017]

Rojak oleh Amir Muhammad, Sepucuk Pistol Di Dalam Laci oleh Hadi M. Nor, Seks Ovari oleh Fazleena Hishamuddin, Pendek Mabuk Gila oleh Ahmad Kamal Abu Bakar, Gantung oleh Nadia Khan, Bercakap Dengan Jun oleh Hasrul Rizwan, Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang oleh Zul Fikri Zamir, Romantis oleh Nuril Basri, Lelaki Simpanan, Insta oleh Syahmi Fadzil.

[upsi/catatanpelajar/CT22.2017]

Novel Perempuan Politikus Melayu, Kumpulan Cerpen-cerpen Underground, Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang, Antithesis, Anticonformity, Masturbasi, Dapat Ex Kembali, Kopi Lejen, Maut Sebelum Ajal, Cinta Hipster.

[upsi/catatanpelajar/CT10.2017]

Sekolah bukan penjara, Universiti bukan kilang. Diagnosis. Bogel menuju Tuhan. Sperma cinta. Awek Chuck Taylor, Dendam Anak Jagoan, Masharakat Melawan Mahasiswa. Kopi, Rojak, New Malaysian Essays. Tuhan Manusia dan Aku. Molotov Koktel. Kasino. Kougar. Murtad. Paranormal.

[upsi/catatanpelajar/CT3.2017]

Antara buku yang boleh dikenali sebagai Buku Indie adalah yang berjudul Sekolah Bukan Penjara Universiti Bukan Kilang, Berlari Dari Jogja Untuk Menemukan Si Dia Di Christiana, Kasut Biru Rubina, Kasino, Pecah, Bidadari buat syaitan, Insta, Jahat.

[upsi/catatanpelajar/CI3.2017]

‘Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang’, ‘Bukan Buku Kitab II’, ‘Dapatkan EX Kembali’, ‘Bercakap Dengan Jun’, ‘Masturbasi’, ‘Lelaki Eksistensial’, ‘Bau Semangat Anak Muda’, ‘Lelaki dari Entah Mana’, ‘Awek Chuck Taylor’.

[upsi/catatanpelajar/CI8.2017]

Kelabu & Gantung (Nadia Khan), Rosmoh Perempuan Puaka (Naufal Tarmizi), Versus (Hlovate), Agung Tanpa Tengkolok (Fathi Aris Omar), A

Malaysian Restaurant in London & Horror Stories (Tunku Halim), Anithesis (Benz Ali), dan Gelap & Kacau (Ariff Adli).

[upsi/catatanpelajar/CI12.2017]

Antara karya Buku Indie adalah ‘Sekolah bukan penjara, Universiti Bukan Kilang’ yang ditulis oleh Zulfikri Zamir, ‘Cekik’ oleh Ridhwan Saidi, ‘Pecah’ oleh Khairulnizam Bakeri, ‘Pelacur Kelas Pertama oleh Melati Rahim.

[upsi/catatanpelajar/CI19.2017]

## **4.5 KEPUASAN PEMBACA BUKU INDIE**

Kepuasan hati pembaca Buku Indie turut diteroka bagi mengetahui faktor penerimaan dan penolakan Buku Indie. Kedapatan Mahasiswa UPSI yang dapat menerima Buku Indie dan kedapatan juga mereka tidak menerima Buku Indie.

### **4.5.1 Berpuas Hati**

Kedapatan Mahasiswa UPSI menerima Buku Indie atas beberapa faktor iaitu rekod jualan meningkat, memenuhi cita rasa pembaca, memberi pengetahuan baru dan meningkatkan pembacaan.

#### **4.5.1.1 Rekod jualan meningkat**

Melalui dapatan temu bual, peserta kajian 3 telah menyatakan bahawa rekod jualan Buku Indie yang tinggi boleh dijadikan kayu ukur kepada tahap kepuasan hati pembaca buku-buku ini. Menurut peserta kajian 3,

Boleh menerima la sebab rekod jualan tu memang tinggi la. Kalau 2 tahun 3 tahun banyak rekod jualan Buku Indie di Pesta Buku dipegang oleh syarikat Indie.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, didapati bahawa salah satu pandangan pelajar mengenai tahap kepuasan hati terhadap Buku Indie boleh diukur melalui rekod jualan. Rata-rata peserta kajian menyatakan rekod jualan Buku Indie yang semakin meningkat menunjukkan pembaca sangat berpuas hati dengan

pembacaan Buku Indie dan seterusnya membuat pembelian buku-buku baru. Menurut peserta kajian:

Pembaca sangat berpuas hati dengan Buku Indie. Kerana rekod jualan Buku Indie yang amat mengagumkan terutamanya di pesta-pesta buku. Ditambah pula kepelbagaian genre Buku Indie yang meluas di sifatkan dapat memuaskan hati pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI9:.2017]

Sambutan yang menggalakkan daripada pembaca golongan muda menunjukkan mereka berpuas hati dengan penerbitan Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI15:.2017]

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa rata-rata pembaca Buku Indie sangat berpuas hati dengan Buku Indie ini. Hal demikian kerana, Buku Indie ini mendapat sambutan yang hangat dari kalangan pembaca sehingga munculnya kelompok yang menggelar diri mereka sebagai peminat atau pembaca tegar Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI32:.2017]

Dapat kita simpulkan bahawa pembaca sangat berpuas hati dengan Buku Indie kerana pada masa kini Buku Indie telah mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan pembaca sehingga munculnya golongan yang menggelar diri mereka sebagai peminat atau pembaca tegar Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI34:.2017]

Kebanyakan pembaca sangat berpuas hati dengan Buku Indie terutama dalam kalangan generasi muda sehingga menyebabkan Buku Indie mendapat sambutan yang luas oleh masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CT10:.2017]

Saya merasakan bahawa pembaca sangat berpuas hati terhadap Buku Indie. Hal ini dapat dibuktikan dengan permintaan yang tinggi terhadap Buku Indie di pasaran.

[upsi/catatanpelajar/CT12:.2017]

Pada pandangan saya, pembaca Buku Indie amat berpuas hati dengan karya Buku Indie. Hal ini kerana, kalau pembaca Buku Indie tidak berpuas hati, maka Buku Indie tidak laku dalam kalangan pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT20:.2017]

#### **4.5.1.2 Memenuhi cita rasa pembaca**

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pembaca Buku Indie berasa berpuas hati dengan buku tersebut kerana memenuhi cita rasa pembaca. Dari segi kandungan buku, gaya persembahan kulit depan buku, penggunaan bahasa yang mudah dan santai menyebabkan pembaca berpuas hati kerana dapat memenuhi cita rasa mereka. Berdasarkan pandangan peserta kajian:

Rata-rata pembaca dan peminat Buku Indie ini berpuas hati kerana Buku Indie ini menawarkan kelainan dengan mengikut cita rasa terkini.

[upsi/catatanpelajar/CT11: .2017]

Reka bentuknya segar dan susunan sari rangsang yang menarik minat pembaca. Generasi muda masa kini lebih suka membaca kisah-kisah yang menjurus kepada hedonisme iaitu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau keseronokan hidup. Ini adalah punca mengapa mereka berpuas hati dengan Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

Kepuasan membaca buku terutamanya Buku Indie bergantung kepada seseorang itu sendiri. Pada pandangan dan pengalaman saya sendiri, saya berasa berpuas hati dengan Buku Indie. Ini kerana Buku Indie sangat mudah untuk difahami dan karyanya yang santai. Buku Indie telah menarik minat saya untuk membaca dan membaca lagi Buku Indie yang lain.

[upsi/catatanpelajar/CT17:.2017]

Kepada mereka yang menyokong dan penggemar Buku Indie, kebanyakannya antara mereka merasa puas dengan Buku Indie ini di mana mereka mengatakan bahawa Buku Indie lebih terbuka dan santai dibandingkan dengan buku-buku yang lebih sarat atau berbentuk ilmiah yang kebanyakannya formal dan tidak bebas.

[upsi/catatanpelajar/CT22:.2017]

Pada pendapat saya, kandungan Buku Indie juga dapat memberi sesuatu kepuasan kepada pembaca serta dapat menarik minat pembaca dengan baik. Selain daripada kandungan Buku Indie yang dapat menarik minat pembaca, Buku Indie juga mempunyai reka bentuk yang menarik serta ringan dan dijual pada harga yang berpatutan dan boleh dimiliki oleh golongan muda.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Pembaca dapat menerima Buku Indie kerana isi kandungannya yang senang difahami dan tidak sarat dengan emosi oleh itu, penerbit buku atau bahan bacaan Indie telah mendapat tempat di hati golongan muda terutamanya bagi

mereka yang inginkan kebebasan berfikir dan bertindak tanpa sebarang sekatan.

[upsi/catatanpelajar/CT29:.2017]

Saya yakin dan percaya bahawa kebanyakan pembaca berpuas hati malah saya sendiri berpuas hati dengan Buku Indie. Hal ini demikian kerana, buku ini pertamanya merupakan buku yang tidak terlalu mahal harganya dan sesiapa sekalipun boleh memiliki buku ini.

[upsi/catatanpelajar/CI20:.2017]

#### **4.5.1.3 Memberi pengetahuan baru**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa memberi pengetahuan baru merupakan salah satu faktor dorongan yang menyebabkan pembaca Buku Indie berpuas hati dengan buku tersebut. Kebanyakan Buku Indie di pasaran akan menyediakan dan menyelitkan idea-idea baru kepada pembaca. Hal ini secara tidak langsungnya dapat memberi kepuasan kepada pembaca yang inginkan idea-idea baru. Menurut pandangan peserta kajian:

Terdapat sesetengah Buku Indie yang mempunyai unsur positif seperti buku yang berunsur Islamik.

[upsi/catatanpelajar/CT10:.2017]

Ada dalam kalangan pembaca berpuas hati dengan pembacaan Buku Indie kerana Buku Indie yang terbitkan telah membuka mata mereka terhadap beberapa isu yang baru dan tidak dibincangkan dengan mendalam secara ilmiah.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

Di samping itu, Buku Indie juga menumpukan dari aspek kematangan dalam perolehan peleraian konflik dan juga punca konflik. Peleraian sesuatu konflik yang diulas dalam Buku Indie dilihat lebih menarik dan difahami berdasar hujah bersahaja yang diberikan.

[upsi/catatanpelajar/CI18:.2017]

Saya selaku seorang pembaca Buku Indie ini saya berpuas hati jika buku tersebut mempunyai gaya bahasa dan penyampaian maklumat yang bagus. Kita dapat menilai sebenarnya buku yang ditulis semata-mata untuk publisiti dan buku yang ditulis untuk memperjuangkan hak-hak rakyat, yang menyelitkan nilai-nilai kemanusiaan, buku berbentuk falsafah.

[upsi/catatanpelajar/CI22:.2017]

Saya merasakan pembaca berpuas hati dengan kualiti Buku Indie. terdapat juga beberapa judul Buku Indie yang baik, berunsur dakwah terhadap golongan anak muda dan tidak lucu seperti buku yang berbentuk Islamik.

[upsi/catatanpelajar/CT15:.2017]

Buku Indie sememangnya akan menarik minat pembacanya dan akan membuat mereka berasa puas hati terhadap penulisan yang diberikan. Hal ini kerana, pembaca dapat merasai sesuatu pengetahuan yang baru serta dapat merasai pengalaman apa yang dilalui oleh kehidupan seorang jika Buku Indie yang dipilih adalah non fiksyen.

[upsi/catatanpelajar/CT27:.2017]

#### **4.5.1.4 Meningkatkan pembacaan**

Pengkaji mendapati tahap kepuasan hati pembaca Buku Indie ini juga boleh dilihat dari segi peningkatan dalam pembacaan. Menurut peserta kajian, Buku Indie ini dapat meningkatkan pembacaan mereka kerana jalan cerita yang disampaikan oleh penulis agak menarik dan mereka berpuas hati dengan keadaan tersebut. Menurut peserta kajian:

Saya juga berpuas hati dengan Buku Indie ini kerana buku ini mempunyai isi kandungan yang lain daripada yang lain di mana buku ini tidak terlalu ‘mainstream’ dan tidak mengikut arus perdana. Pada saya ianya merupakan pembacaan buku yang diberi nafas baru.

[upsi/catatanpelajar/CI20:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie Berjaya membuat pembacanya berpuas hati. Hal ini demikian kerana, isu yang dikemukakan dan diceritakan di dalam buku ini mampu membuat pembaca terfikir dan menjadi seronok untuk membaca.

[upsi/catatanpelajar/CI30:.2017]

Ya, sebagai pembaca Buku Indie sangat berpuas hati dengan karya dan penulisan Buku Indie yang ingin disampaikan kerana imaginasi pembaca terhadap jalan ceritanya amat tinggi dan membuatkan pembaca berterusan berfikir. Kemuncak cerita dan penulisan Buku Indie juga memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pembaca untuk membaca sehingga tamat.

[upsi/catatanpelajar/CI33:.2017]

Buku Indie dapat dijadikan bahan bacaan tidak kira golongan muda ataupun golongan tua. Kehadiran buku-buku Indie ini dapat mengubah ideologi pembaca sesuai dengan arus moden pada masa kini. Penerbitan Buku Indie juga dapat meningkatkan pembacaan rakyat Malaysia serta sekali gus dapat

meningkatkan penerbit buku-buku Indie untuk menulis dan mengeluarkan idea mereka untuk menerbitkan banyak lagi buku-buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Ada sesetengah pihak pula berpuas hati dan memberi perspektif yang berbeza, kelahiran karya selain sastera arus perdana merupakan satu simbol perkembangan positif kerana industri buku di Malaysia mula mengorak langkah bergerak ke hadapan setelah saban tahun penerbitan buku didominasi oleh genre-genre tertentu.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Pembaca sangat berpuas hati dengan Buku Indie kerana buku ini memberi satu dimensi baru kepada generasi muda terutamanya dalam menyuntik minat membaca yang kian hilang satu ketika dulu.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

#### **4.5.2 Tidak Berpuas Hati**

Kedapatan Mahasiswa UPSI tidak menerima Buku Indie atas beberapa faktor iaitu Buku Indie didapati tidak akademik, berunsur lucah dan tidak berkualiti.

##### **4.5.2.1 Tidak akademik**

Walaupun Buku Indie mendapat sambutan dan pembaca berpuas hati dengan Buku Indie, masih ada golongan yang tidak berpuas hati dan tidak boleh menerima Buku Indie. Berdasarkan dapatan kajian, pembaca tidak berpuas hati kerana Buku Indie tidak bersifat akademik dan tidak mampu untuk memberi pengetahuan kepada pembacanya. Menurut peserta kajian:

Terdapat juga individu yang tidak berpuas hati dengan Buku Indie. Mereka yang tidak berpuas hati dengan Buku Indie ini menyatakan bahawa buku ini tidak bersifat akademik dan gaya penulisannya yang jauh berbeza berbanding gaya penulisan yang bagus sebagai.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

Pada pandangan saya tidak semua yang membaca Buku Indie akan rasa berpuas hati terhadap kemunculan Buku Indie. Hal ini kerana, buku ini terlalu bebas untuk meluahkan apa yang difikirkan oleh penulis dengan mengambil kira aspek sejarah dan falsafah yang menjadi tunjang pemikiran mereka dengan tidak mengetepikan aspek realiti .

[upsi/catatanpelajar/CT26:.2017]

#### **4.5.2.2 Berunsur lucah**

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pembaca berasa tidak berpuas hati dengan buku ini adalah disebabkan Buku Indie mempunyai unsur lucah dan negatif. Peserta kajian menyatakan bahawa unsur-unsur ini boleh merosakkan minda dan pemikiran anak muda pada hari ini. Menurut peserta kajian:

Tidak, kerana terdapat antara ciri Buku Indie yang bertentangan dengan agama, undang-undang, norma-norma masyarakat tempatan yang lebih kepada arah ketimuran.

[upsi/catatanpelajar/CI13:.2017]

Sesetengah pihak kurang berpuas hati apabila terdapat penerbitan Buku Indie yang berunsur lucah dan berlawanan dengan agama kerana dikhawatir boleh merosakkan akidah pembaca terutama kanak-kanak dan awal remaja.

[upsi/catatanpelajar/CI16:.2017]

Bagi pendapat saya, ada sesetengah pihak yang tidak berpuas hati dan mengatakan karya Indie memberi 'ancaman' kepada pemikiran dan minda anak muda kerana karya-karya seumpama itu, bebas bentuknya, kasar dan kurang penyantunan bahasanya.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Namun bagi pembaca yang tidak berpuas hati dengan Buku Indie, pastinya ia kerana golongan ini merasakan buku ini memberi pendedahan negatif kepada mereka kerana terdapat sesetengah buku yang mengandungi unsur lucah dan perkataan kasar seks, mencarut dan pelanggaran tatabahasa Melayu. Golongan ini tidak dapat menerima elemen-elemen seperti ini dalam pembacaan buku mereka.

[upsi/catatanpelajar/CT32:.2017]

#### **4.5.2.3 Kurang kualiti**

Dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan pembaca tidak berpuas hati dengan Buku Indie ini ialah kurang kualiti. Kualiti ini merujuk kepada kualiti buku dan penulisnya. Menurut pandangan CI21:

Namun tidak kurang juga terdapat beberapa pihak yang tidak berpuas hati dengan penerbitan Buku Indie lantaran daripada penulisannya yang dikatakan kurang berkualiti.

[upsi/catatanpelajar/CI21:.2017]

## **4.6 KANDUNGAN MORAL MENGENAI PERATURAN MASYARAKAT**

Kandungan moral yang menjadi fokus utama dalam kajian ini adalah faedah terhadap peraturan masyarakat. Terdapat lapan item yang diketengahkan oleh Eow Boon Hin et al (2008). Faedah peraturan masyarakat ini adalah meningkatkan taraf kehidupan, membangun intelek, memelihara nyawa manusia, memelihara hak asasi manusia, mengelak keruntuhan moral, mengekalkan kerukunan sosial, mengekalkan keamanan, dan menjaga masa dan tenaga.

### **4.6.1 Mempertingkatkan Mutu Hidup**

Dapatan melalui temu bual, semua peserta kajian telah menyatakan bahawa ada Buku Indie mampu untuk mempertingkatkan mutu hidup pembaca. Peserta kajian berpendapat bahawa sekiranya pembaca mengambil sudut positif buku-buku ini, maka ia akan dapat meningkatkan mutu hidup pembaca. Hasil dapatan kajian adalah seperti berikut:

Aaa.. berkenaan dengan soalan-soalan yang macam ni, saya akan pecah kepada dua. Yang pertama kesan kepada individu, yang kedua kesan kepada masyarakat. Bagi saya kesan kepada individu itu lebih positif sebab ia provokatif ia juga menyentuh isu-isu yang marginal, yang jarang orang sentuh jadi kita akan lebih terbuka fikiran

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Kualiti hidup macam... bagi saya ada yang ada, ada yang tak da.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]


Jadi kalau kita ambil satu bacaan serius, jadi dia memberi kesan kepada diri kita. Kualiti hidup. Kalau kita ambil Buku Indie ni sebagai satu hiburan saja, pembacaan hiburan la untuk isi masa lapang tengok. Tak da masalah.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Kira siapa yang berdaya saing, itu la kerajaan tolong. Keadaan ini bagaimana dapat meningkatkan mutu hidup, kita dapat belajar apa tindakan yang cuba pengarang sampaikan.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Berdasarkan dapatan kajian melalui analisis Buku Indie, didapati kebanyakan Buku Indie di pasaran dapat meningkatkan mutu hidup seseorang. Peratusan menyokong dan menentang kepada peningkatan mutu hidup adalah seperti berikut:



Rajah 3: Peratusan Buku Indie yang Meningkatkan Mutu Hidup

#### **4.6.1.1 Meningkatkan mutu hidup**

Persepsi mahasiswa UPSI terhadap kandungan moral dalam Buku Indie dari sudut meningkatkan mutu hidup mempunyai sudut positif dan negatif sekali. Dari sudut positif, tiga faktor ini adalah Buku Indie dapat memberi pengajaran dan nasihat, memberi maklumat terkini dan mendapat ilmu pengetahuan.

##### **4.6.1.1.1 Pengajaran dan nasihat**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, pengajaran dan nasihat yang terkandung dalam Buku Indie mampu untuk meningkatkan mutu hidup seseorang. Pengajaran dan nasihat ini mampu untuk mendorong pembaca untuk memperbaiki hidup mereka. Menurut peserta kajian:

Ya, Buku Indie dapat mempertingkatkan mutu hidup kita. Hal ini kerana terdapat pelbagai kisah pengajaran dan nasihat dapat diambil seterusnya memberi manfaat kepada pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI2:.2017]

Dengan adanya penghasilan buku-buku Indie sebegini, ianya mampu membantu dalam meningkatkan mutu hidup ahli masyarakat berdasarkan mesej- mesej yang ingin disampaikan dalam setiap karya buku-buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Ya, Buku Indie sememangnya dapat mempertingkatkan mutu hidup seseorang pembaca. Terdapat Buku Indie yang boleh dijadikan inspirasi terhadap pembaca dalam meningkatkan mutu hidup. Pembacaan Buku Indie dilihat mendorong pembaca untuk mencuba benda baru, memotivasi pembaca untuk membuang tabiat buruk, mencadangkan pembaca untuk menggali pengalaman hidup baru, ataupun memberitahu pembaca yang diri mereka tidak keseorangan dalam perjalanan hidup.

[upsi/catatanpelajar/CI18:.2017]

Pada pandangan saya ianya bergantung kepada bahan yang dibaca oleh individu itu sendiri, jika mereka membaca buku yang berbentuk ilmiah ianya dapat meningkatkan mutu hidup tetapi jika ianya tidak ilmiah.

[upsi/catatanpelajar/CI22:.2017]

Ya, menurut pandangan saya Buku Indie dapat meningkatkan mutu hidup sebagai seorang pelajar. Hal ini kerana setiap jalan cerita yang ditulis memberi kesedaran di dalam hidup kita sebagai seorang pelajar.

[upsi/catatanpelajar/CI29:.2017]

Pada pendapat saya, buku Fixi mungkin serba sedikit dapat meningkatkan mutu hidup seseorang secara tidak langsung. Walaupun buku Fixi bukanlah buku motivasi atau buku akademik yang wajar dibaca oleh golongan anak muda tetapi dalam buku Fixi ada menyentuh mengenai kehidupan, keluarga dan persahabatan dan juga agama.

[upsi/catatanpelajar/CT8:.2017]

Melalui buku ini juga terdapat banyak unsur-unsur pengajaran dan nasihat yang boleh didapati dan membantu dalam meningkatkan motivasi individu untuk menjalani dan memperbaiki kehidupan serta sahsiah keperibadian.

[upsi/catatanpelajar/CT9:.2017]

Pembacaan Buku Indie memberi impak baik dan buruk kepada seseorang pembaca. Ia bergantung kepada penyampaian mesej oleh seseorang penulis di dalam buku tersebut. Setiap kandungan yang disampaikan kepada pembaca dipandang dari pelbagai sudut oleh seseorang pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

Dari sudut pandangan saya, Buku Indie dapat meningkatkan mutu hidup kepada pembaca dan penulis Buku Indie. Hal ini kerana, pembaca amat selera dengan inti pati Buku Indie. Sebagai contoh, bagi golongan muda yang membaca Buku Indie dapat menaikkan penguasaan bahasa mereka. Secara tidak langsung, mereka dapat mahir dalam penguasaan bahasa dan dapat mengaplikasikannya dalam pendidikan mereka.

[upsi/catatanpelajar/CT20:.2017]

Buku Indie ini dapat meningkatkan mutu hidup kerana terdapat sesetengah buku banyak mengongsi motivasi-motivasi yang boleh dijadikan panduan kepada kita. Sebenarnya ia bergantung pada buku itu sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT25:.2017]

#### **4.6.1.1.2 Memberi maklumat terkini**

Dapatan menunjukkan bahawa Buku Indie yang diselitkan dan terkandung dengan maklumat terkini mampu untuk mendorong seseorang untuk meningkatkan mutu hidup pembaca. Buku Indie yang mengandungi maklumat atau ilmu pengetahuan terkini mampu untuk meningkatkan mutu hidup seseorang. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie dapat mempertingkatkan mutu hidup. Hal ini demikian kerana, Buku Indie merupakan sejenis buku yang mendedahkan realiti sebenar masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI3:.2017]

Ya, Buku Indie dapat mempertingkatkan mutu hidup kerana tidak semua Buku Indie mengandungi bahasa yang lucah, kerana banyak juga Buku Indie yang berbentuk Islamik.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Jika pembaca membaca Buku Indie yang banyak memberikan pengajaran, jadi bertambahlah mutu hidup mereka dan sebaliknya jika seseorang pembaca membaca Buku Indie yang mengandungi perkara yang bukan-bukan, jadi berkuranglah mutu kehidupan mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Hal ini menunjukkan bahawa buku-buku Indie berjaya membantu penulis untuk mengkritik atau memberi pandangan mereka berkaitan dengan dunia pendidikan agar sentiasa dapat diperbaharui dan meningkatkan mutu pendidikan pada masa akan datang.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

Pada pandangan saya, ya, buku ini dapat mempertingkatkan mutu hidup. Hal ini demikian kerana, melalui pembacaan terhadap sesebuah buku itu, kita dapat mengaitkan penceritaan atau imaginasi dalam buku tersebut dengan dunia sebenar.

[upsi/catatanpelajar/CI20:.2017]

Buku Indie juga dapat meningkatkan mutu hidup dengan melalui pembacaan buku tersebut Justeru itu, Buku Indie juga mempunyai isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat berkenaan dengan kehidupan manusia.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Saya berpendapat Buku Indie dapat mempertingkatkan mutu hidup kerana kehadiran karya-karya Indie ini dapat memeriahkan dan memberi alternatif baru kepada pembaca yang memerlukan bahan-bahan bacaan dan karya yang berbeza serta selari dengan selera pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie dapat meningkatkan mutu hidup kerana kewujudan karya Indie di pasaran kini memberi kepelbagaian dan variasi pilihan kepada pembaca. Kepelbagaian jenis pembacaan akan dapat membuka minda pembaca dalam mengetahui isu-isu terkini dan sentiasa *up-to-date* dalam segala hal. “Bangsa membaca, Bangsa berjaya” merupakan contoh betapa pentingnya untuk kita semua membaca.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

#### **4.6.1.1.3 Mendapat ilmu**

Berdasarkan dapatan kajian, peserta kajian berpandangan bahawa melalui pembacaan Buku Indie akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan. Begitu juga dengan pembacaan Buku Indie, ia juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan membekalkan ilmu baru kepada pembaca dan secara tidak langsungnya dapat meningkatkan mutu hidup. Dapatan kajian adalah sebagaimana berikut:

Ya. Buku Indie dapat mempertingkatkan mutu hidup kerana Buku Indie, sama seperti buku merupakan sumber pengetahuan. Pengetahuan jika diamalkan dapat menjadi sebagai cara untuk memperbaiki mutu hidup. Selain itu, Buku Indie juga dapat dijadikan sebagai sumber pendapatan terutamanya kepada yang berbakat dalam penulisan.

[upsi/catatanpelajar/CT9:.2017]

Saya berpendapat bahawa Buku Indie dapat mempertingkatkan mutu hidup kerana ilmu penyuluhan hidup. Salah satu cara untuk kita mendapatkan ilmu adalah melalui membaca. Setiap buku yang dibaca, kita akan memperoleh ilmu

sama ada baik atau buruk. Namun, bergantung pada individu tersebut untuk memilih maklumat yang positif untuk dijadikan panduan hidup.

[upsi/catatanpelajar/CI34:.2017]

Terdapat banyak Buku Indie yang mampu meningkatkan mutu hidup seseorang. Buku Indie yang dapat meningkatkan mutu hidup seseorang ialah buku yang berteraskan pada falsafah dan budaya masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CT1:.2017]

Untuk mengatakan bahawa karya Indie dapat mempertingkatkan mutu hidup seseorang ialah terdapat penulisan Indie adalah dikategorikan sebagai penulisan ilmiah.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

Seseorang yang banyak membaca secara tidak langsung menjurus ke arah mempertingkatkan hidup untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi dan tidak akan pernah puas dengan ilmu yang dimiliki.

[upsi/catatanpelajar/CT16:.2017]

Melalui pembacaan ianya dapat meningkatkan mutu kehidupan seseorang. Buku Indie ini akan melahirkan pelbagai emosi kepada para pembaca. Seterusnya, melalui pembacaan demi pembacaan ianya telah menambahkan pengetahuan seseorang individu terhadap perkara yang baharu dan sekali gus dapat mempertingkatkan mutu hidup seseorang itu.

[upsi/catatanpelajar/CT28:.2017]

Jelaslah bahawa Buku Indie dapat meningkatkan mutu hidup kerana dengan terkumpulnya pengalaman dan pengetahuan yang ada maka akan berlaku perbezaan antara yang baik ataupun buruk dan yang buruk dijadikan pedoman yang baik dijadikan panduan.

[upsi/catatanpelajar/CT29:.2017]

#### **4.6.1.2 Tidak meningkatkan mutu hidup**

Kedapatan persepsi mahasiswa UPSI menyatakan Buku Indie tidak dapat meningkatkan mutu hidup kerana Buku Indie didapati berunsur lucah dan tidak sesuai dibaca, kedapatan juga ideologi songsang dan meruntuhkan kehidupan beragama.

#### **4.6.1.2.1 Berunsur lucah dan tidak sesuai**

Walaupun kedapatan Mahasiswa yang menyatakan Buku Indie dapat meningkatkan mutu hidup, masih ada sesetengah peserta kajian yang berpendapat bahawa Buku Indie ini tidak dapat meningkatkan mutu hidup seseorang. Faktornya adalah Buku Indie berunsur lucah dan tidak sesuai untuk tatapan remaja. Menurut pandangan peserta kajian:

Pada pandangan saya, Buku Indie ini tidak mampu mempertingkatkan mutu hidup sama sekali. Jika dilihat dari segi penggunaan bahasanya yang bersifat cacamarba, penggunaan tatabahasa yang salah, tidak bersifat ilmiah malah ada sesetengah buku yang menggunakan perkataan-perkataan yang lucah, maka dari sudut itu, karya-karya *Indie* ini tidak mampu untuk mempertingkatkan mutu kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia yang sepatutnya mengangkat martabat bahasa ibunda kita sendiri, iaitu bahasa Melayu.

[upsi/catatanpelajar/CI6:.2017]

Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan mutu hidup seseorang kerana penulisan Buku Indie adalah disebabkan oleh penulisan yang dibuat oleh penulis karya adalah bertujuan untuk menyebarkan idea kreatif melalui penghasilan Buku Indie. Hal ini tidak akan mempertingkatkan mutu hidup kerana pembaca akan mudah terpengaruh dengan gaya penulisan dan juga penggunaan perkataan yang diguna pakai dalam penulisan Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI14:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan mutu hidup masyarakat. Hal ini demikian kerana, buku ini kebanyakannya menceritakan tentang keburukan sesuatu perkara dan ia dapat mempengaruhi minda pembaca untuk bertindak sama seperti yang ditulis di dalam buku terutamanya pembaca yang terdiri daripada golongan belia dan juga remaja.

[upsi/catatanpelajar/CI30:.2017]

Pada pendapat saya, kebanyakan Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan mutu hidup kerana terdapat sesetengah Buku Indie mempunyai laras bahasa yang tidak elok, malah makian terhadap sesuatu golongan juga diluahkan dalam penulisannya.

[upsi/catatanpelajar/CI31:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan mutu hidup. Hal ini kerana, masa yang berharga akan disia-siakan begitu sahaja melalui pembacaan bahan bacaan Indie yang tidak berkualiti.

[upsi/catatanpelajar/CT24:.2017]

Pada pendapat saya Buku Indie tidaklah dapat mempertingkatkan mutu hidup kerana kebanyakan penulisan Buku Indie ini lebih ke arah fantasi, pemikiran yang negatif, agresif, ke arah lebih memberontak, seks bebas dan hanya merupakan pendapat daripada individu yang kebanyakan penulisan mereka tidak mempunyai fakta atau bukti yang sahih.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie ini tidak dapat mempertingkatkan mutu hidup yang berkualiti. Melalui pembacaan Buku Indie tersebut, sedikit sebanyak pembaca akan terpengaruh dengan sesuatu gaya yang ada di dalam buku tersebut. Apa yang dapat saya simpulkan adalah buku Indie ini akan dapat meningkatkan mutu hidup yang lebih ke arah tidak berkualiti seperti masyarakat yang mempunyai perbalahan sama sendiri, masyarakat yang berpecah belah.

[upsi/catatanpelajar/CT21:.2017]

#### **4.6.1.2.2 Membawa ideologi**

Berdasarkan dapatan kajian, Buku Indie ini dikatakan tidak meningkatkan mutu hidup seseorang kerana ia membawa ideologi negatif melalui penyampaiannya. Berdasarkan pendapat peserta kajian, ideologi yang sering di bawa oleh penulis dalam penulisan mereka adalah berbentuk negatif. Menurut peserta kajian:

Pada pandangan saya, Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan mutu hidup. Sebilangan pembaca ada yang terbawa-bawa ideologi yang disampaikan oleh penulis dan menyebabkan mereka juga terikut-ikut untuk menjadi penulis muda yang kurang ilmu dalam sesuatu bidang.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Tidak. Ini kerana penyampaian yang ingin disampaikan dalam Buku Indie ialah sesuatu idea kreatif dan bebas seseorang penulis. Maka ada segelintir penulis hanya fokus tentang idea yang ingin diterjemahkan tetapi mengabaikan kesan buruk kepada pembaca apabila idea yang disampaikan tidak berasas, lucah, putar belit fakta, penulisan yang melibatkan agama atau politik dan sebagainya.

[upsi/catatanpelajar/CI17:.2017]

Mutu hidup harus ditingkatkan dengan mengikut pertimbangan serta tindakan moral yang betul. Bagi saya, Buku Indie tidak dapat meningkatkan mutu hidup seseorang kerana buku ini lebih berunsur politik berhaluan kiri yang mengajak pembaca untuk mencipta suatu pemikiran baru yang kelihatan lebih agresif dan propaganda.

[upsi/catatanpelajar/CT3:.2017]

pembaca Buku Indie berkemungkinan tidak mampu untuk mempertingkatkan mutu hidup masyarakat kerana buku tersebut terlalu bebas dan terlalu terbuka.

[upsi/catatanpelajar/CT12:.2017]

Buku Indie tidak dapat meningkatkan mutu hidup pembacanya. Hal ini adalah kerana karya-karya Indie adalah karya sastera yang tidak mampu mendidik akal dan budi ke arah kebaikan dan kecemerlangan ilmu tamadun.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

#### **4.6.1.2.3 Meruntuhkan agama**

Antara pandangan mahasiswa yang diperoleh, mereka beranggapan bahawa Buku Indie tidak dapat meningkatkan mutu hidup kerana didapati bertentangan dengan agama, ia juga akan merosakkan kepercayaan agama yang menjadi pegangan hidup seseorang individu. Menurut peserta kajian:

Kehadiran Buku Indie hanya meningkatkan sikap budaya membaca dan bukannya mutu hidup seseorang pembaca. Kehadiran Buku Indie member kesan buruk iaitu mampu meruntuhkan nilai-nilai keagamaan dan budaya ketimuran serta mencabar sensitiviti masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI21:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan mutu hidup seseorang ini kerana, sesetengah Buku Indie telah melampaui batas apabila menyentuh hal sensitiviti agama terutama terhadap agama Islam. Malah melalui buku ini, ramai remaja pada hari ini berminat akan buku ini kerana *infonya* lebih kepada sosialis.

[upsi/catatanpelajar/CT23:.2017]

#### **4.6.2 Mempertingkatkan Daya Intelek Belajar**

Buku Indie didapati dapat meningkatkan daya intelek pelajar. Berdasarkan dapatan temu bual, peserta kajian 1 menyatakan bahawa melalui pembacaan Buku Indie, ia mampu untuk mempertingkatkan daya intelek seseorang individu. Hal ini kerana sesetengah Buku Indie mempunyai unsur akademik dan mampu meningkatkan intelek seseorang. Peserta kajian 4 pula menyatakan Buku Indie menggunakan bahasa mudah

untuk menyampaikan maklumat, maka pembaca akan lebih mudah untuk memahami perkara yang ingin disampaikan. Malah, secara langsungnya, ia dapat mempertingkatkan ilmu dan intelek pembaca. Dapatkan kajian sebagaimana berikut:

Aaa... boleh tingkatkan intelektual kita dan Buku Indie juga macam saya cakap tadi dia memudahkan pembacaan supaya orang yang tak ada pendidikan tinggi pun boleh faham aa... isu-isu yang besar. Jadi itu baik untuk individu, tapi untuk masyarakat dia mungkin boleh jadi bertentangan sebab ada *collateral damage* la. Mungkin ada idea melawan yang dibawa oleh Buku Indie, baik untuk individu sebab individu tu ada kapasiti kognitif yang boleh diterima atau moral yang boleh diterima perkara-perkara macam tu, tapi ada sebahagian individu lain.


...Bergantung pada sikap bagi saya. Sebab beberapa penulis macam Zul Fikri Zamir ni memang amalan akademik tu dia tak tinggalkan dalam penulisan maknanya dia tunjukkan mana rujukan yang dia dapat, sumber-sumber yang dia dapat jadi kalau sikap pembaca itu bagus dia akan membuat bacaan lanjutan la.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Ok. Intelek ni kalau kita, kita faham secara jeneral, apabila intelek kita dapat tingkatkan ilmu pengetahuan, sebab Buku Indie ni, bila bahasa mudah, segala ilmu senang nak sampaikan dengan baik. Diterima dengan baik.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Dapatkan melalui analisis Buku Indie menunjukkan Buku Indie sememangnya mampu untuk meningkatkan intelek seseorang yang membacanya. Peratusan menyokong dan menentang peningkatan daya intelek adalah seperti berikut:



Rajah 4: Peratusan Buku Indie yang Meningkatkan Daya Intelek

#### **4.6.2.1 Meningkatkan daya intelek**

Beberapa faktor jawapan mahasiswa UPSI mengatakan Buku Indie dapat mempertingkatkan daya intelek dikenal pasti iaitu kedapatan Buku Indie berunsur pengajaran, ilmiah, pengetahuan baru, mendorong berfikir logik dan kritis.

##### **4.6.2.1.1 Unsur pengajaran**

Berdasarkan catatan pelajar, peserta kajian telah mencatatkan bahawa Buku Indie ini dapat meningkatkan daya intelek seseorang individu. Hal ini di sebabkan unsur pengajaran dan nasihat yang cuba diselitkan oleh penulis dalam karyanya. Menurut peserta kajian:

Ya. Hal ini kerana terdapat unsur-unsur pengajaran yang terdapat dalam buku-buku Indie tersebut. Sememangnya jika dilihat dari mata kasar ianya merupakan buku yang bersifat bebas tetapi jika dilihat sedalam-dalamnya ia mempunyai banyak unsur-unsur tersirat yang boleh digunakan.

[upsi/catatanpelajar/CI2:.2017]

Tidak dinafikan juga terdapat beberapa judul Buku Indie yang baik, berunsurkan dakwah terhadap anak muda dan tidak lucuh seperti buku-buku Islamik Penerbitan Wahai. Maka dengan adanya buku tersebut walaupun terbitan syarikat Buku Indie ia juga dapat meningkatkan daya intelek belajar kerana ia berbentuk bahan bacaan yang dapat memberi tunjuk ajar yang betul dan jelas, bahasa yang sopan dan berdasarkan fakta yang betul malah tidak menolak unsur keagamaan.

[upsi/catatanpelajar/CI17:.2017]

Pembacaan Buku Indie, banyak perkara yang telah diketengahkan oleh penulis antaranya isu-isu semasa masyarakat serta perkara yang dapat mendorong pembaca ke arah yang lebih positif serta dapat memberikan banyak motivasi kepada pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Buku Indie dapat meningkatkan daya intelek belajar kepada pembaca kerana terdapat sesetengah buku banyak memberi motivasi kepada pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT25:.2017]

#### **4.6.2.1.2 Unsur ilmiah**

Sesetengah peserta kajian juga berpendapat bahawa terdapat unsur ilmiah dalam Buku Indie. Karya-karya yang berunsur ilmiah ini boleh mendorong intelek seseorang ke arah yang lebih baik. Menurut peserta kajian:

Bagi saya, Buku Indie juga dapat mempertingkatkan daya intelek belajar kerana Buku Indie banyak menekankan tentang unsur ilmiah. Selain itu, Buku Indie juga terdapatnya karya-karya yang berunsur ilmiah.

[upsi/catatanpelajar/CI3:.2017]

#### **4.6.2.1.3 Ilmu pengetahuan baru**

Dapatan kajian juga menunjukkan apabila seseorang membaca buku, maka ia secara langsungnya dapatan meningkatkan pengetahuan seseorang orang. Pengetahuan yang baru sering kali mendorong pemikiran untuk berfikir lebih jauh. Secara tidak langsung, ia boleh meningkatkan intelek seseorang. Berikut adalah pandangan peserta kajian:

Melalui aktiviti membaca, masyarakat akan memperoleh ilmu dan pengetahuan yang baharu dalam diri mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie ini bukan sahaja dapat membantu masyarakat khususnya golongan muda untuk meningkatkan minat mereka untuk membaca, malah buku- buku sebegini mampu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman kepada mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI14:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie dapat mempertingkatkan daya intelek belajar kerana penulis-penulis Buku Indie mengupas perkara-perkara yang sensitif dan mengeluarkan idea-idea yang baru.

[upsi/catatanpelajar/CI15:.2017]

Di dalam buku ini jelas ia membantu mempertingkatkan daya intelek belajar atau erti kata lain, menambah ilmu pengetahuan baru kepada pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI23:.2017]

Dalam perihal ini, pembacaan buku-buku Indie boleh ternyata mempertingkatkan daya intelek belajar seseorang. Dengan bahan pembacaan yang semakin luas, seseorang yang membaca pasti dapat memperoleh sedikit sebanyak pengetahuan.

[upsi/catatanpelajar CT16: / .2017]

Pada pandangan saya, pembacaan Buku Indie tidak ke arah mempertingkatkan daya intelek belajar, sebaliknya buku ini sering memberi pendedahan pengalaman kepada pembaca tentang realiti kehidupan yang berlaku, kesedaran individu, isu masyarakat dan juga isu berkaitan remaja.

[upsi/catatanpelajar/CT32:.2017]

#### **4.6.2.1.4 Mendorong berfikir logik dan kritis**

Peserta kajian juga menyatakan bahawa Buku Indie mampu untuk mendorong seseorang untuk berfikir secara logik dan kritis, sekali gus dapat mempengaruhi peningkatan intelek seseorang. Ia akan mendorong seseorang untuk lebih berfikir berdasarkan alasan dan pertimbangan terhadap sesuatu perkara. Menurut peserta kajian:

Buku Indie dapat mempertingkatkan daya intelek belajar di mana ia memberi peluang dan nafas yang baru agar pembaca dapat berfikir secara logik dan kritis.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Ya. Pada pendapat saya Buku Indie dapat mempertingkatkan daya intelek belajar terhadap masyarakat khususnya golongan muda. Terdapat sesetengah Buku Indie yang memfokuskan kepada sejarah, teori, ideologi, pemikiran kritis, dan banyak lagi.

[upsi/catatanpelajar/CI18:.2017]

Jadi berbalik kepada bentuk Buku Indie ini, iaitu ianya berbentuk luar dari mainstream, sudah tentu ianya dapat meningkatkan daya intelek oleh kerana karya Indie ini merupakan salah satu karya membolehkan kita berfikir sejenak mengenai isu yang ditulis dan juga mengenai apa pendapat yang dilontarkan melalui gaya penulisan Indie ini.

[upsi/catatanpelajar/CI22:.2017]

Melalui pembacaan Buku Indie pelajar atau pembaca dapat meningkatkan daya intelek belajar kerana seperti yang kita tahu daya intelek itu adalah kemampuan berfikir, Remaja terutamanya amat mudah untuk memahami dan menganalisis setiap inti pati dalam kandungan bacaan.

[upsi/catatanpelajar/CT30:.2017]

Secara telusnya, Buku Indie ini dapat mengembangkan dan meningkatkan lagi daya intelek para pembaca apabila pembaca itu mempunyai pemikiran kritis dan mampu melahirkan perkaitan antara satu peristiwa dengan peristiwa yang lain, membuat interpretasi, ramalan dan berimajinasi sekali gus dapat merangsang visual dalam kalangan pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT28:.2017]

#### **4.6.2.2 Tidak meningkatkan daya intelek**

Kedapatan juga mahasiswa UPSI tidak dapat menerima bahawa Buku Indie dapat meningkatkan daya intelek. Faktor mahasiswa UPSI berpandangan sedemikian adalah Buku Indie tidak berunsur ilmiah, berunsur lucah dan menggunakan bahasa yang tidak sesuai.

##### **4.6.2.2.1 Tidak berunsur ilmiah**

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa Buku Indie tidak berunsur ilmiah dan hanya berunsur hiburan sahaja. Oleh demikian, Buku Indie tidak dapat meningkatkan intelek seseorang, malah Buku Indie boleh menjatuhkan lagi intelek seseorang individu. Menurut pendapat peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan daya intelek belajar. Hal ini kerana, penerbitan sesuatu karya Indie bukanlah bersifat pendidikan seperti buku-buku terbitan arus perdana.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

Tidak, kerana mengikut pandangan saya Buku Indie bukanlah buku yang berbentuk ilmiah tetapi buku yang menjurus kepada pengaruh falsafah sesebuah aliran atau ideologi.

[upsi/catatanpelajar/CI13:.2017]

Namun terdapat juga buku-buku yang berunsur tabu sehingga boleh mematikan kekreatifan dan kecerdasan minda pelajar.

[upsi/catatanpelajar/CT1:.2017]

Secara tidak langsung Buku Indie boleh dikatakan tidak berfungsi mempertingkatkan daya intelek belajar, sebaliknya lebih bersifat imaginasi seterusnya mendorong pembaca untuk berkhayal tentang perkara yang sememangnya sukar dicapai oleh manusia.

[upsi/catatanpelajar/CT7:.2017]

Penerbitan Buku Indie kurang mengambil perhatian terhadap penguasaan ilmu pengetahuan. Hal ini kerana penerbitan Buku Indie adalah tidak ditapis penulisannya, dan diberi kebebasan menulis serta melontar idea.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

Tidak. Buku Indie boleh mempengaruhi golongan dewasa menjadi orang yang lalai dan pentingkan diri sendiri. Sesetengah golongan profesional terpengaruh dengan buku tersebut kerana ia melibatkan unsur yang tidak baik seperti lucah dan sensitiviti sesuatu agama. Daya intelek bagi seorang pengguna tidak dapat di capai dengan baik sekiranya mereka mempercayai buku tersebut sepenuhnya tanpa berfikir secara kritis dan menyiasat apa ideologi sebenarnya yang buku ini mahu perjuangkan.

[upsi/catatanpelajar/CT23:.2017]

#### **4.6.2.2.2 Unsur lucah dan bahasa tidak sesuai**

Terdapat beberapa peserta kajian yang berpendapat bahawa Buku Indie tidak dapat meningkatkan intelek seseorang. Unsur lucah dan tidak sesuai menjadi alasan utama kepada mengapa Buku Indie tidak dapat meningkatkan intelek seseorang individu. Menurut pandangan peserta kajian:

Saya berpendapat bahawa Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan daya intelek belajar sekiranya penulis menggunakan bahasa yang salah, bahasa yang kasar dan tidak mengikut tatabahasa yang betul.

[upsi/catatanpelajar/CI6:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie dapat membantu meningkatkan daya intelek belajar. Hal ini demikian kerana, Buku Indie sangat diminati golongan pembaca yang muda dan buku ini banyak memberikan pengetahuan umum tentang kehidupan serta sesuatu perkara.

[upsi/catatanpelajar/CI21:. 2017]

Namun, bagi Buku Indie tidak meningkatkan daya intelek pelajar ini kerana daya intelek pelajar adalah berdasarkan bahan bacaan mereka. Buku Indie yang lebih berunsur dewasa dan tidak bertapis menyebabkan anak-anak muda lebih cenderung untuk membaca benda-benda yang tidak berfaedah.

[upsi/catatanpelajar/CT3 :.2017]

Justeru itu, karya seumpama ini tidak mampu mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu yang maju. Dengan ini, ia tidak mampu meningkatkan daya intelek belajar bagi pembacanya sekali gus tidak mampu membentuk tamadun bangsa yang membanggakan.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie hanya sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan sampingan ataupun santai sahaja. Buku Indie tidak sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan ilmiah. Ini kerana penggunaan bahasa dalam Buku Indie terlalu bebas, lucah dan keterlaluan.

[upsi/catatanpelajar/CT17:.2017]

#### **4.6.3 Mempertahankan atau Menghargai Nyawa Manusia**

Dapatan kajian melalui temu bual mendapati Buku Indie tidak mempertahankan atau menghargai nyawa manusia. Dapatan temu bual sebagaimana berikut:

Kalau menghargai nyawa.... Tak da

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]


Tak da rasanya.. tak da.. baca Buku Indie ni kita ambil sebagai satu bacaan hiburan.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Sebab itu kalau kita secara jeneral, bagaimana pembacaan Buku Indie ini dapat mempertahankan nyawa, secara langsungnya mungkin tak dapat mempertahankan nyawa tapi melalui pembacaan Buku Indie ni kita dapat terima sesuatu keadaan yang kita baca dan kita bersifat reaksi terhadap pembacaan tersebut, untuk mempertahankan keadaan tu.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.04.05.2017]

Berdasarkan analisis Buku Indie, didapati bahawa Buku Indie peratusan Buku Indie yang menyokong bahawa Buku Indie mampu mempertahankan atau menghargai nyawa manusia lebih tinggi berbanding menentangnya. Dapatan dapat ditunjukkan melalui carta di bawah.



Rajah 5: Peratusan Buku Indie yang Mempertahan dan Menghargai Nyawa

#### **4.6.3.1 Mempertahankan nyawa manusia**

Melalui catatan pelajar, mahasiswa UPSI mendapati Buku Indie mempunyai kandungan yang dapat mempertahankan nyawa manusia. Terdapat empat faktor utama mereka berpandangan sedemikian iaitu Buku Indie memuatkan pengalaman hidup seseorang dan juga memandang kepada realiti hidup. Melalui bentuk penceritaan pengalaman dan realiti hidup seseorang, ia akan dapat membentuk seseorang menghargai dan mempertahankan nyawa.

##### **4.6.3.1.1 Pengalaman penulis**

Melalui dapatan kajian, pengalaman penulis mampu untuk mempengaruhi pemikiran seseorang. Beberapa peserta berpendapat bahawa pengalaman penulis dapat mengajar mempertahankan nyawa manusia sebagaimana berikut:

Saya setuju bahawa Buku Indie juga mengajar kita untuk mempertahankan atau menghargai nyawa kita sebagai seorang manusia. Hal ini demikian kerana, terdapat sesetengah kandungan di dalam Buku Indie yang ditulis oleh penulis yang menceritakan pengalaman pahit dalam kehidupan mereka, dan bagaimana mereka bangkit kembali meneruskan hidup mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Bagi saya Buku Indie ini tidak dapat mengajar pembaca mempertahankan dan menghargai nyawa. Namun, sekiranya buku tersebut ditulis berkisarkan sebuah kehidupan seseorang individu yang berkaitan ‘nyawa’, penulis mungkin boleh menyelitkan unsur-unsur atau pengajaran yang boleh dicontohi dan diteladani oleh pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI6:.2017]

#### **4.6.3.1.2 Realiti hidup seseorang**

Begitu juga, realiti hidup pada masa ini juga boleh mengajar dalam mempertahankan nyawa manusia. Dalam buku-buku Indie juga telah menyelitkan realiti hidup pada masa ini untuk dijadikan pedoman dan pengajaran dalam mempertahankan nyawa manusia. Pendapat peserta kajian sebagaimana berikut:

Soalan sebegini agak susah untuk dikaitkan dengan Buku Indie. Hal ini kerana di dalam Buku Indie hanya menulis tentang realiti hidup dan isu-isu semasa sahaja. Namun di sini saya akan cuba untuk menjawab persoalan tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CI2:.2017]

Berdasarkan buku sekolah bukan penjara, universiti bukan kilang ini lebih kepada menghargai nyawa manusia. Hal ini demikian kerana, penulis mengambil berat tentang isu pelajar corot di mana berlaku pengelasan pelajar berdasarkan prestasi pelajar. Walaupun pelajar mendapat keputusan tidak baik atau prestasi rendah sekalipun, pelajar tetap adalah pelajar dan tugas guru adalah mengajar pelajar sehingga berjaya.

[upsi/catatanpelajar/CI10:.2017]

Buku Indie yang ditulis berdasarkan kisah-kisah realiti hidup dan isu-isu semasa mungkin boleh dikaitkan dengan mempertahankan atau menghargai nyawa manusia. Buku yang ditulis berkisarkan realiti hidup dan isu semasa ini akan menyelitkan nilai-nilai kemanusiaan yang semakin pupus dalam kalangan masyarakat kita.

[upsi/catatanpelajar/CI26:.2017]

Buku Indie telah mempertahankan atau menghargai nyawa manusia. Buku tersebut menceritakan tentang perjuangan kanak-kanak tersebut mempertahankan nyawa masyarakat di negeri mereka. Hal ini, membolehkan pembaca Buku Indie dapat mencontohi tentang mempertahankan dan menghargai nyawa manusia.

[upsi/catatanpelajar/CT20:.2017]

#### **4.6.3.2 Tidak mempertahankan nyawa manusia**

Ada di kalangan mahasiswa UPSI berpandangan Buku Indie tidak mempertahankan nyawa manusia kerana didapati lebih membincangkan hal politik, hal peribadi dan berunsur ganas.

##### **4.6.3.2.1 Ke arah politik**

Terdapat peserta kajian yang menyatakan bahawa Buku Indie tidak mampu mempertahankan nyawa manusia kerana Buku Indie lebih ke arah berbincang mengenai hal politik. Kepentingan politik sering diselitkan dalam beberapa karya Indie oleh penulis buku. Menurut peserta kajian:

Pada pandangan saya, Buku Indie tidak mempertahankan atau menghargai nyawa manusia. Kebanyakan Buku Indie yang pernah saya baca, lebih terarah kepada politik, agama dan hal peribadi.

[upsi/catatanpelajar/CI25:.2017]

Saya berpandangan Buku Indie tidak dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia kerana kebanyakan Buku Indie hanya tahu menyalahkan pihak atasaran sahaja tanpa mengetahui sejarah atau kisah yang sebenar.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Pada pandangan sesetengah pihak mengatakan Buku Indie tidak dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia. Hal ini kerana, mereka yang sering terlibat dengan keadaan Buku Indie tidak memberi makna apa-apa kepada golongan profesional atau ustaz kerana ia bersikap kepada liberalisme.

[upsi/catatanpelajar/CT23:.2017]

##### **4.6.3.2.2 Hal peribadi**

Di samping agenda politik, hal peribadi juga merupakan sesuatu perkara yang sering diselitkan dalam sesuatu karya. Hal peribadi ini tidak akan mempertahankan nyawa manusia kerana penulis bersikap pentingkan diri sendiri. Berdasarkan pandangan peserta kajian :

Oleh itu, pada pandangan saya, Buku Indie ini mampu untuk membentuk manusia menghargai kelebihan dalam diri mereka melalui penulisan yang bersifat bebas dan tidak memudaratkan masyarakat yang lain.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Pada pendapat saya tidak. Sesetengah Buku Indie yang bergenre *thriller* seperti Kontrolhisteria keluaran Lejen Press memaparkan keganasan yang melampau. Kontrolhisteria memaparkan berkenaan pembunuhan dan penyeksaan yang amat ganas untuk diterima akal. Babak-babak yang terkandung dalamnya bukan sahaja terkeluar dari norma masyarakat di Malaysia bahkan mana-mana norma masyarakat yang bertamadun.

[upsi/catatanpelajar/CI9:.2017]

Hal ini sememangnya akan mendatangkan rasa gerun kepada pembaca dan seterusnya akan menyebabkan mereka akan menghargai nyawa seseorang. Namun, bagi sesetengah masyarakat yang mempunyai hasrat untuk membunuh bagi tujuan melunaskan dendam dan sebagainya, karya ini dijadikan sumber inspirasi kepada mereka untuk membunuh mangsa.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

Kritikan yang dikemukakan secara bebas oleh penulis Buku Indie memperlihatkan kepada pembaca bahawa Buku Indie juga tidak bersifat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia.

[upsi/catatanpelajar/CT7:.2017]

Tidak. Buku Indie tidak dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia. Ini kerana Buku Indie hanya ditulis oleh penulis untuk menyatakan pendapat atau ideologi yang bersifat inginkan kebebasan.

[upsi/catatanpelajar/CT10:.2017]

Bagi saya, Buku Indie tidak dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia kerana Buku Indie lebih cenderung kepada penulisan seperti novel, *travelog* dan juga cerpen.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

#### **4.6.3.2.3 Unsur ganas**

Melalui dapatan ini juga, dapat dikenal pasti bahawa unsur ganas yang terdapat dalam sesebuah karya Indie tidak melambangkan sikap mempertahankan nyawa manusia. Ia lebih kepada tidak menghargai dan bertingkah laku ganas terhadap orang lain. Menurut pandangan peserta kajian:

Ada di antara Buku Indie yang ditulis mengaitkan unsur ganas atau kejam, tetapi penulisan ini bukan bertujuan untuk menghasut pembaca untuk melakukan keganasan atau kekejaman, ianya lebih kepada pengajaran atau keseronokan cerita yang ditulis, justeru melalui pandangan saya, buku- Buku Indie ini dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia, ini kerana ada penulisan penulis menceritakan situasi tersebut untuk memberi pendedahan kepada pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI24:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia kerana Buku Indie kebanyakannya memberikan kesan negatif kepada pembaca terutama apabila penulis Buku Indie ini dengan lantang menyuarakan segala yang difikirkan tanpa memikirkan sensitiviti sesuatu kaum.

[upsi/catatanpelajar/CI31:.2017]

Buku Indie tidak dapat mengajar pembaca untuk mempertahankan atau menghargai nyawa manusia. Hal ini kerana isi kandungan Buku Indie itu sendiri yang terlalu ekstrem.

[upsi/catatanpelajar/CT12:.2017]

Buku Indie ini dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia sekiranya buku tersebut banyak memberi manfaat kepada pembaca. Tetapi boleh berlaku sebaliknya. Buku Indie boleh menjadi sebaliknya sekiranya buku tersebut memberi aura negatif atau banyak memberi perkara-perkara negatif kepada pembaca sehingga pembaca merasakan perkara negatif itu patut diikut.

[upsi/catatanpelajar/CT25:.2017]

Akan tetapi Buku Indie tidak dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia kerana penulisan Buku Indie itu sendiri yang kasar dan tidak mengikut piawaian yang ditetapkan. Justeru itu, Buku Indie tidak dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia kerana membunuh dalam senyap pemikiran generasi muda.

[upsi/catatanpelajar/CT29:.2017]

#### **4.6.4 Mempertahankan Hak Asasi Manusia**

Berdasarkan dapatan temu bual, peserta kajian 1, 2 dan 3 telah menyatakan Buku Indie mampu untuk mempertahankan hak asasi manusia. Ada Buku Indie yang mempertahankan dan membincangkan isu yang berkaitan hak-hak asasi manusia.

Dengan adanya perbincangan sebegini, maka mampu untuk meningkatkan kesedaran hak asasi manusia. Dapatan temu bual adalah sebagaimana berikut:

Dia mempertahankan beberapa.. contoh buku Faisal Tehrani banyak bercerita tentang hak asasi manusia. Aaa.. tetapi kadang-kadang masyarakat boleh jadi keliru sebab dia terlalu meninggikan, mengangkat hak asasi manusia. Terutamanya hak individu, sedangkan kita juga perlu tengok dalam konteks masyarakat hak kolektif masyarakat macam mana.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]


Hak asasi manusia ada, sebab saya pernah baca satu buku tapi saya lupa namanya. Cerita dia *pasal* dia nak apa ni, dia nak perjuangkan pendidikan untuk pelarian Syria. Saya dah lupa tajuk buku tapi nama penulis dia,

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Hak asasi dia kalau kita tengok buku,... buku-buku Indie ni dia menyentuh hak asasi juga.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Melalui analisis buku, didapati kebanyakan Buku Indie di pasaran masih mempunyai unsur mempertahankan hak asasi manusia. Peratusan menentang dan menyokong dapat ditunjukkan melalui carta berikut:



Rajah 6: Peratusan Buku Indie yang Melindungi Hak Asasi

#### **4.6.4.1 Mempertahankan hak asasi manusia**

Berdasarkan catatan pelajar pula, mahasiswa UPSI berpandangan Buku Indie mempertahankan hak asasi manusia. Faktor utama mereka berpandangan sedemikian adalah Buku Indie membawa kebebasan bersuara, kebebasan menghasilkan karya dan kedapatan membangkitkan isu hak asasi.

##### **4.6.4.1.1 Kebebasan bersuara**

Berdasarkan dapan daripada catatan pelajar, Buku Indie dapat mengajar seseorang dalam mempertahankan hak asasi manusia melalui kebebasan bersuara yang diterajui oleh Buku Indie yang bersifat bebas dari segi penulisan. Dapatan kajian adalah sebagaimana berikut:

Pada pendapat saya, Buku Indie ada mengajar kita untuk mempertahankan hak asasi manusia. Hal ini demikian kerana dalam Buku Indie, ada sesetengah penulis berani melontarkan apa yang mereka tidak puas mengenai sesuatu atau kata lainnya kebebasan bersuara.

[upsi/catatanpelajar/CI4:.2017]

Pada pendapat saya Buku Indie sememangnya mengajar pembaca untuk mempertahankan hak asasi manusia. Hal ini demikian kerana, mereka sangat bebas untuk bersuara, melontarkan kemahuan yang diingini sama ada untuk diri penulis sendiri atau untuk kepentingan masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI31:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie mengajar saya untuk mempertahankan hak asasi manusia. Contoh hak asasi manusia ialah kebebasan bersuara.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

Pada pendapat saya, terdapat Buku Indie yang mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia. Hak asasi yang saya maksudkan adalah hak bersuara.

[upsi/catatanpelajar/CT17:.2017]

Buku Indie mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia kerana tiada medium khas untuk seseorang bersuara. Oleh hal yang demikian, kewujudan Buku Indie sedikit sebanyak membantu seseorang itu melontarkan pendapat.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

Berdasarkan pemahaman saya mengenai Buku Indie ini, kebanyakan penulisan Buku Indie ini mengajar untuk memperjuangkan hak asasi manusia. Hal ini kerana penulis yang menulis Buku Indie ini secara dasarnya memperjuangkan kebebasan untuk menulis dan mengetengahkan apa sahaja isu yang mereka rasakan betul dan perlu untuk mereka bincangkan dengan kata lain mereka ingin mempertahankan hak individu untuk bersuara secara bebas dan terbuka tanpa ada sekatan dan tanpa perlu memikirkan sensitiviti pihak lain.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

#### **4.6.4.1.2 Kebebasan penghasilan karya**

Berdasarkan pendapat dari peserta kajian, kebebasan penghasilan karya ini sedikit sebanyak dapat mengajar pembaca serta penulis dalam hak asasi manusia. Penulis sesebuah buku adalah bebas dalam menghasilkan karya masing-masing dan ini menunjukkan bahawa hak asasi dalam meluahkan perasaan serta idea masih dipertahankan. Dapatkan kajian adalah sebagaimana berikut:

Ya, Buku Indie memang mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia. Hal ini kerana, penulis bebas untuk menghasilkan karya-karya mereka tanpa ditapis ataupun dihalang oleh mana-mana pihak.

[upsi/catatanpelajar/CI6:.2017]

Penulisan Buku Indie juga banyak melatih dan mempengaruhi seorang penulis untuk mempertahankan hak mereka sebagai seorang manusia iaitu bebas untuk berfikir dan bersuara tetapi tidak menjelaskan serta memudaratkan orang lain.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Buku Indie dapat mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia berdasarkan luahan-luhan daripada penulis. Walaupun hakikatnya sukar untuk diterima, namun ia adalah sesuatu yang patut dihargai kerana kebenaran adalah pahit.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

Ya, saya berpendapat Buku Indie mampu mengajar seseorang untuk mempertahankan hak asasi manusia. Kebanyakan penulis Buku Indie adalah daripada mereka yang bersuara lantang dalam memperkatakan sesuatu isu dalam karya mereka. Di Malaysia, terdapat hak-hak yang perlu dipertahankan antaranya hak bersuara

[upsi/catatanpelajar/CI23:.2017]

Berdasarkan kepada definisi ini dapatlah saya rumuskan bahawa buku ini sedikit mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia. Pertama sekali

adalah berkaitan dengan hak kebebasan membaca mengikut keinginan masing-masing.

[upsi/catatanpelajar/CT22:.2017]

#### **4.6.4.1.3 Membangkitkan isu hak asasi.**

Melalui dapatan kajian, didapati bahawa banyak Buku Indie yang mempertahankan dan membangkitkan isu hak asasi manusia. Sering kali kita lihat isu-isu hak asasi manusia akan dibincangkan dalam karya-karya Indie. Menurut peserta kajian:

Penulisan tersebut juga digunakan untuk membuka mata masyarakat bahawa hak mereka sebagai seorang manusia dan juga sebagai seorang warganegara perlu dipertahankan daripada ‘dijajah’ oleh pemikiran dan idea orang lain.

[upsi/catatanpelajar/CI14:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie ini mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia. Hal ini demikian kerana penulis Buku Indie membangkitkan isu-isu yang mana mempertahankan hak asasi manusia.

[upsi/catatanpelajar/CI15:.2017]

Ya. Buku Indie dilihat dapat mengajar pembaca untuk mempertahankan hak asasi manusia. Terdapat Buku Indie yang banyak menyentuh soal-soal hak asasi manusia yang boleh memberi pengetahuan kepada pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI18:.2017]

Kemunculan Buku Indie bukan sebagai mengajar kita mempertahankan hak asasi manusia sebaliknya memberi kita satu pemikiran yang baru bagaimana yang perlu kita lakukan untuk mempertahankan hak asasi manusia.

[upsi/catatanpelajar/CI25:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie banyak mengajar untuk mempertahankan hak manusia. Hal ini dilihat apabila buku ini menyentuh dari pelbagai sudut seperti terutamanya dari sudut sosial. Kebanyakan Buku Indie jelas mengkritik dan mengemukakan pendapat mereka tentang sesuatu perkara yang dilihat menganiaya masyarakat sama ada perkara itu dapat dilihat secara langsung ataupun tidak langsung.

[upsi/catatanpelajar/CI30:.2017]

#### **4.6.4.2 Tidak Mempertahankan Hak Asasi Manusia**

Kedapatan mahasiswa UPSI tidak beranggapan bahawa Buku Indie dapat mempertahankan Hak Asasi Manusia dengan berhujah Buku Indie membawa ideologi pemikiran. Buku Indie didapati menyelitkan ideologi-ideologi yang boleh mempengaruhi minda masyarakat pada hari ini supaya melawan dengan lebih agresif. Berikut merupakan dapatan kajian:

Buku Indie tidak mengajar golongan pembacanya untuk mempertahankan hak asasi manusia. Ini kerana tidak terdapat buku yang mempertahankan hak asasi manusia kerana kebanyakan Buku Indie lebih mengutarakan pendapat atau ideologi yang kadangkala boleh dianggap keterlaluan oleh sesetengah masyarakat.


[upsi/catatanpelajar/CT10:.2017]

Buku Indie tidak dapat mengajar pembacanya untuk mempertahankan hak asasi manusia, terdapat sesetengah Buku Indie yang ada di pasaran yang dikeluarkan bagi menghina dan mencerca sesebuah pihak.

[upsi/catatanpelajar/CT12:.2017]

#### **4.6.5 Mengelak Dari Keruntuhan Akhlak**

Berdasarkan analisis buku, peratusan menyokong Buku Indie boleh mengajar menggelakkan keruntuhan akhlak lebih tinggi berbanding menentang. Kebanyakan Buku Indie tersebut adalah berbentuk motivasi dan dakwah.



Rajah 7: Peratusan Buku Indie yang Mengelakkan Keruntuhan Akhlak

#### **4.6.5.1 Menggelakkan dari keruntuhan akhlak**

Buku Indie juga didapati dapat mengelak dari keruntuhan akhlak kerana kedapatan Buku Indie berunsur dakwah atau agama, memberi pengajaran dan nasihat, dan dapat mengisi masa lapang dengan kebaikan membaca.

##### **4.6.5.1.1 Unsur dakwah atau agama**

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa orang pelajar telah menyatakan bahawa Buku Indie mampu untuk menggelakkan dari keruntuhan akhlak. Mereka memberi penjelasan bahawa ada sesetengah Buku Indie yang berunsur agama dan dakwah yang mampu mengajar pembaca mengelak dari keruntuhan akhlak. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie memang dapat mengajar mengelak dari keruntuhan akhlak. Hal ini demikian kerana, sesetengah Buku Indie terdapatnya buku yang berunsurkan dakwah terhadap anak muda dan tidak luah.

[upsi/catatanpelajar/CI3:.2017]

Namun, di sebalik pandangan negatif tersebut, tidak dinafikan juga bahawa Buku Indie juga mempamerkan perkara yang positif dalam sudut agama, moral dan tingkah laku kepada pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Sama ada Buku Indie ini dapat mengajar daripada berlakunya keruntuhan akhlak adalah dilihat daripada persepsi bagi seseorang pembaca tersebut. Tidak semua karya buku-buku Indie yang menggunakan bahasa kasar dan luah kerana terdapat juga buku-buku Indie yang bersifat Islamik.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

Pada pendapat saya sendiri terdapat segelintir Buku Indie yang dapat mengajar para pembaca mengelakkan diri dari keruntuhan akhlak. Buku Indie ini ialah Buku Indie yang berunsurkan keagamaan dan dakwah. Hal ini kerana, kebiasannya Buku Indie yang berunsurkan keagamaan banyak memberi gambaran tentang kepentingan mendidik diri menjadi seorang insan yang patuh kepada agama.

[upsi/catatanpelajar/CI30:.2017]

Saya, mendapati Buku Indie dapat mengelakkan gejala keruntuhan akhlak. Buku ini mengupas tentang kehidupan sehari-hari kita dengan mengaitkan dengan agama.

[upsi/catatanpelajar/CT1:.2017]

Pada pendapat saya terdapat sesetengah Buku Indie yang memberikan suntikan motivasi Islamik, namun terdapat juga buku-buku Indie yang agak menyimpang dari sudut agama dan membawa kepada unsur-unsur keruntuhan akhlak dalam kalangan pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT9:.2017]

Walaupun begitu, tidak dinafikan kerana terdapat juga beberapa judul Buku Indie yang baik, berunsur dakwah terhadap anak muda dan tidak lucu seperti buku-buku Islamik Penerbitan Wahai, namun bahan yang lebih banyak di pasaran adalah karya penulisan bahasa yang kasar dan lucuah.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Kebanyakan Buku Indie jarang menekankan unsur keagamaan. Tidak dinafikan ada juga yang menyelit dan membahaskan tentang keagamaan namun peratusannya adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan Buku Indie yang lebih banyak menceritakan tentang keruntuhan akhlak pada zaman kini.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

Buku Indie dapat mengajar dan mengelak dari keruntuhan akhlak kerana terdapat karya Indie yang berbentuk islamiah.

[upsi/catatanpelajar/CT30:.2017]

#### **4.6.5.1.2 Memberi pengajaran dan nasihat**

Di samping unsur dakwah, peserta kajian juga menyatakan bahawa terdapat Buku Indie yang berbentuk pengajaran dan nasihat kepada pembaca agar mengelak dari perkara yang buruk. Secara tidak langsung, Buku Indie boleh mengelakkan daripada keruntuhan akhlak. Dapatkan kajian sebagaimana berikut:

Pada pendapat saya, Buku Indie ini dapat mengajar kita mengelak dari keruntuhan akhlak. Hal ini demikian kerana di dalam Buku Indie, ada menceritakan kisah lampau penulis dan membuatkan pembaca untuk mengetahui kisah akhir yang terjadi kepada penulis.

[upsi/catatanpelajar/CI4:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie ini juga dapat mengajar seseorang individu mengelak dari keruntuhan akhlak. Terdapat beberapa Buku Indie yang

diterbitkan yang memberi pengajaran kepada pembaca. Memang tidak dapat dinafikan, terdapat beberapa Buku Indie yang diterbitkan untuk kepentingan sesetengah pihak. Namun, terdapat juga Buku Indie yang diterbitkan yang mana mampu mengajar seseorang individu untuk mengelak dari keruntuhan akhlak.

[upsi/catatanpelajar/CI15:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie yang lebih kreatif dan bermutu tinggi banyak menyumbangkan manfaat kepada pembaca dan dapat dijadikan sebagai panduan untuk menjadi seorang yang berakh�ak dan bermoral. Di samping itu juga, pembaca Buku Indie ini dapat mengembangkan pengetahuan yang mereka peroleh melalui karya sastera ini dan mengolah pembacaan menjadi lebih baik.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Terdapat banyak Buku Indie yang membantu untuk menyedarkan sesetengah individu dari terus melakukan kesalahan yang mengundang kepada keruntuhan akhlak seperti Buku Indie (berjudul) ‘Diagnosis’.

[upsi/catatanpelajar/CT32:.2017]

#### **4.6.5.1.3 Mengisi masa lapang dengan membaca**

Mahasiswa UPSI turut mendapati Buku Indie dapat mengisi masa lapang yang juga merupakan salah satu alasan Buku Indie mengajar menggelakkan keruntuhan akhlak. Buku Indie didapati menggalakkan pembaca mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah seperti membaca. Menurut pandangan peserta kajian:

Sekiranya buku ini dibaca dan dijadikan pedoman hidup, maka, hal ini akan dapat mengelakkan berlakunya keruntuhan akhlak terutamanya golongan-golongan remaja yang banyak cabaran.

[upsi/catatanpelajar/CI19:.2017]

Ya, Buku Indie dapat mengelak dari keruntuhan akhlak kerana salah satu ciri individu yang mempunyai perilaku yang baik ialah mereka tidak suka mensiasi-siakan waktu dengan perkara yang tidak berfaedah. Membaca Buku Indie boleh mengelakkan keruntuhan akhlak dari berlaku jika seseorang itu menggunakan masa dengan melakukan aktiviti berfaedah seperti membaca buku-buku tidak kiralah buku akademik, buku agama atau Buku Indie sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CI23:.2017]

Ya, Buku Indie dapat mengajar mengelak dari keruntuhan akhlak kerana para pembaca dapat mengisi masa lapang mereka dengan membaca buku. Masa

terluang mereka yang diisi dengan membaca dapat mengelakkan mereka daripada aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah.

[upsi/catatanpelajar/CI34:.2017]

#### **4.6.5.2 Tidak dapat mengelak dari keruntuhan akhlak**

Namun, Buku Indie juga tidak menggalakkan seseorang daripada mengelak dari keruntuhan akhlak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Buku Indie mempunyai unsur lucah dan bahasa kesat, meruntuhkan nilai agama dan ketimuran, melanggar norma masyarakat dan membawa ideologi negatif.

##### **4.6.5.2.1 Unsur lucah dan kesat**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Buku Indie tidak dapat mengelakkan dari keruntuhan akhlak. Berdasarkan catatan pelajar, terdapat Buku Indie yang berunsur lucah dan kesat. Menurut pandangan peserta kajian:

Buku Indie dapat mengelak dari keruntuhan akhlak pembaca sekiranya penulis tidak menerbitkan buku yang berunsur negatif seperti berunsur lucah yang boleh merosakkan akidah pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI16:.2017]

Ya dan tidak. Ya, kerana terdapat Buku Indie yang melanggar norma-norma masyarakat penulisannya. Malah, penggunaan bahasa yang kasar dan lucah. Pembaca akan terikut-ikut dengan gaya bahasa tersebut dalam pergaularan seharian mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI17:.2017]

Pada pandangan mata secara zahirnya Buku Indie tidak mengajar mengelak dari keruntuhan akhlak tetapi lebih cenderung meruntuhkan akhlak. Ia dapat dilihat dari segi gaya bahasa yang sering digunakan dalam karya-karya Indie ini. Rata-rata buku ini bersifat memberontak dan agresif, luar kebiasaan sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan serta menggunakan bahasa kesat dan terdapat unsur-unsur lucah.

[upsi/catatanpelajar/CI32:.2017]

Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar Buku Indie yang dipasarkan berpotensi tinggi dalam menyampaikan mesej-mesej lucah dan kurang sesuai untuk sesetengah pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT3:.2017]

Secara tidak langsung mencemarkan pemikiran generasi muda yang bukan sahaja terancam dengan pelbagai sumber-sumber lucah di laman sesawang, malahan dalam bentuk bercetak yang berada dalam tahap yang membimbangkan.

[upsi/catatanpelajar/CT3:.2017]

Inti pati atau kandungan buku ini boleh dikatakan mengandungi unsur yang tidak bermoral.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

Buku Indie ini jelas menunjukkan lebih mengajar pembaca untuk bersifat tidak baik dan boleh meruntuhkan akhlak seseorang bukannya membantu mengajar mengelakkan diri daripada keruntuhan akhlak.

[upsi/catatanpelajar/CT10:.2017]

Pada pendapat saya, saya tidak berapa pasti jika Buku Indie dapat mengajar mengelak dari keruntuhan akhlak. Hal ini kerana dikatakan Buku Indie menggunakan bahasa-bahasa yang lucah dan kasar di mana ianya mungkin akan menjadi pemangkin kepada bermulanya gejala keruntuhan akhlak.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie tidak sesuai menjadi medium yang boleh digunakan untuk mengajar mengelak keruntuhan akhlak. Ini kerana di dalam sesetengah Buku Indie terdapat bahasa yang lucah dan kasar.

[upsi/catatanpelajar/CT17:.2017]

#### **4.6.5.2.2 Meruntuhkan nilai agama dan budaya ketimuran**

Berdasarkan dapatan kajian, Buku Indie meruntuhkan nilai agama dan merosakkan budaya ketimuran adalah merupakan salah satu faktor yang menyebabkan Buku Indie ini tidak dapat mengelakkan keruntuhan akhlak seseorang individu. Menurut peserta kajian:

Buku Indie lebih cenderung memberi kesan dalam meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Buku Indie tidak dapat mengajar seseorang dari mengalami keruntuhan akhlak kerana kehadiran Buku Indie ini dilihat boleh memberi kesan dalam meruntuhkan nilai – keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CI14:.2017]

Menurut pendapat saya, sebagaimana dijelaskan sebelum ini, melihat kehadiran Buku Indie boleh memberi kesan dalam meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CI29:.2017]

Saya berpandangan Buku Indie tidak dapat mengajar mengelak dari keruntuhan akhlak kerana kehadiran Buku Indie telah membawa keruntuhan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan. Buku Indie juga banyak mengajar mengenai hal berkaitan dunia dengan melebihkan kebebasan, hiburan, kegembiraan semata-mata dan melupakan agama.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Populariti Buku Indie yang melanda negara sedikit sebanyak tidak mengelak sama sekali dari berlakunya keruntuhan akhlak. Keadaan ini adalah kerana kebebasan yang diberikan kepada para penulis Buku Indie ini telah memberi kesan dalam meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CT28:.2017]

#### **4.6.5.2.3 Melanggar norma masyarakat**

Di samping itu, Buku Indie yang bersifat melanggar norma masyarakat juga merupakan salah satu sebab mengapa Buku Indie dikatakan tidak dapat mengajar seseorang dari mengelak keruntuhan akhlak. Menurut peserta kajian:

Umum mengetahui jika penulisan Indie ini tidak dikawal dengan baik ia akan mendatangkan pelbagai masalah kepada pembaca yang baru meningkat umur ke arah alam dewasa. Jadi, penulisan Buku Indie ini tidak sama sekali dapat mengajar pembaca untuk mengelakkan dari keruntuhan akhlak.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

Kehadiran Buku Indie di Malaysia boleh memberi kesan negatif apabila penulisannya mampu meruntuhkan nilai-nilai keagamaan dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

#### **4.6.5.2.4 Ideologi negatif**

Tidak dinafikan bahawa terdapat ideologi negatif dalam sesetengah Buku Indie. Peserta kajian berpendapat bahawa ideologi negatif ini akan mendorong kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan pembaca Buku Indie. Menurut peserta kajian:

Tidak, kerana kebanyakan Buku Indie lebih cenderung ke arah unsur-unsur liberalisme. Penulis lebih cenderung melihat kehadiran Buku Indie boleh memberi kesan dalam meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

Buku Indie tidak dapat mengajar pembaca mengelak dari keruntuhan akhlak. Terdapat sesetengah Buku Indie yang boleh merosakkan akhlak seseorang melalui pembacaan.

[upsi/catatanpelajar/CI25:.2017]

Pada pendapat saya, kebanyakan Buku Indie tidak dapat mengajar mengelak dari keruntuhan akhlak kerana kebanyakan Buku Indie membawa pengaruh yang negatif di mana setiap lontaran pendapat dan ideologi yang dipamerkan oleh penulis tidak menggambarkan akhlak yang sepatutnya dimiliki oleh seseorang individu.

[upsi/catatanpelajar/CI31:.2017]

Kesimpulannya, tidak dinafikan oleh saya bahawa terdapat sesetengah Buku Indie yang jelas ternampak akan sifat liberalnya. Namun, tidak semua Buku Indie mempunyai isi kandungan yang mempunyai isu-isu negatif dan sensitif. Terdapat juga buku-buku Indie yang mempunyai pelbagai pengajaran berdasarkan kisah benar yang sedang berlaku dalam sosial masyarakat kini. Pembaca haruslah berfikir dengan rasional dan bukannya emosional tentang setiap jalan cerita kerana setiap cerita mengandungi unsur-unsur baik dan buruk yang boleh dijadikan iktibar daripada setiap kejadian yang berlaku.

[upsi/catatanpelajar/CT16:.2017]

Pada pandangan saya secara kerasnya saya mengatakan bahawa kebanyakan Buku Indie tidak dapat mengajar pembacanya untuk mengelak dari keruntuhan akhlak. Hal ini kerana Buku Indie sendiri membincangkan tentang cerita yang bersifat ganas, memberontak, terpesong daripada agama yang sebenar, lebih kepada cerita tahayul dan yang paling utama menceritakan tentang seks secara bebas.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

#### **4.6.6 Memelihara Hidup Bermasyarakat**

Berdasarkan dapatan temu bual, peserta kajian 1 dan 2 menyatakan terdapat Buku Indie yang tidak memelihara dan menentang hidup bermasyarakat. Mereka lebih mementingkan diri sendiri berbanding masyarakat. Namun begitu, menurut peserta kajian 3, terdapat Buku Indie yang mengajar dan memupuk pembaca untuk memelihara dan hidup bersama masyarakat. Dapatan temu bual sebagaimana berikut:

Aaaa.. itu lah, ada golongan individu yang lain mungkin tak boleh terima idea-idea itu dengan baik dan menyebabkan dia melawan secara membabi buta, jadi benda tu dalam konteks masyarakat tak baik sebab perpecahan macam itu bukan la benda yang baik.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Pembaca-pembaca Buku Indie ni lebih kepada kelompok dia orang. Suka menyendiri. Sebab diterap dengan ideologi.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]


Macam buku SBPUBK (karya Zamir) dia nak melawan arus, sebab bila masuk universiti kan, bila keluar tak da kerja, *pastu* dia nak membantu masyarakat, tak semestinya kita keluar tu kita jadi apa yang kita belajar tu.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Masyarakat tu... tapi dia memberi satu pandangan, pandangan tu bagaimana masyarakat ni boleh mengamalkan keadaan mereka hidup. Contohnya tadi la, berkaitan dengan stigma masyarakat tu, yang saya utarakan sebentar tadi. Bila pengarang menyampaikan stigma masyarakat ini perlu dihapuskan untuk menjamin keharmonian sosial, ia boleh meningkatkan lagi hidup masyarakat ini, cara masyarakat tu hidup.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Melalui dapatan analisis buku, peratusan buku yang menyokong ‘memelihara hidup bermasyarakat’ menunjukkan peratusan yang jauh lebih tinggi berbanding menentang. Dapatan dapat dijelaskan melalui carta berikut:



Rajah 8: Peratusan Buku Indie yang Memelihara Hidup Bermasyarakat

#### **4.6.6.1 Memelihara hidup bermasyarakat**

Dapatan dari catatan pelajar menunjukkan Buku Indie dapat memelihara hidup bermasyarakat. Tiga faktor utama didapati menyokong hal demikian iaitu Buku Indie dapat memperlihatkan realiti sebenar, nilai dan budaya sosial dalam masyarakat.

##### **4.6.6.1.1 Realiti sebenar**

Dapatan kajian menunjukkan sesetengah peserta kajian berpendapat bahawa Buku Indie mampu untuk mengajar dalam memelihara masyarakat. Menurut pandangan mereka, Buku Indie akan menyelitkan realiti hidup sebenar dan sesuai dengan keadaan masyarakat sekarang sehingga boleh memelihara hidup bermasyarakat. Menurut peserta kajian:

Bagi saya, Buku Indie banyak mengajar memelihara hidup bermasyarakat. Hal ini demikian kerana, Buku Indie merupakan buku yang memaparkan kisah realiti sebenar kehidupan.

[upsi/catatanpelajar/CI3:.2017]

Penulis berpendapat, Buku Indie dan masyarakat mempunyai hubungan yang amat erat. Oleh itu, penulis berpandangan, Buku Indie sememangnya ada

menyampaikan mesej agar memelihara hidup bermasyarakat. Sesebuah karya Buku Indie dibina oleh persoalan-persoalan yang dipetik daripada rencamnya kehidupan sesuatu masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI28:.2017]

Ya, kerana segala isu yang diceritakan dalam sesebuah Buku Indie ada terselit tentang kehidupan dalam kalangan masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI31:.2017]

Pada pendapat saya, plot penceritaan dalam Buku Indie ini bertemakan pelbagai seperti dalam bentuk nasihat, perjuangan, catatan perjalanan hidup seseorang, diari hidup, pemberontakan dan sebagainya. Melalui bentuk penceritaan ini yang telah banyak mengajar seseorang itu mempunyai matlamat hidup serta hidup bermasyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

#### **4.6.6.1.2 Nilai masyarakat**

Kehidupan bermasyarakat dan nilai bermasyarakat juga sering diselitkan dalam penulisan Buku Indie sehingga ia boleh memupuk semangat memelihara hidup bermasyarakat dalam kalangan pembaca. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie dilihat dapat mengajar dalam memelihara hidup bermasyarakat. Hal ini kerana, sesuatu karya Indie itu selalunya berkisar berkaitan kehidupan bermasyarakat dan tidak hanya fokus kepada kehidupan seseorang individu sahaja. Ia memberi pandangan yang berbeza dengan kehidupan persekitaran hidup bermasyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

#### **4.6.6.1.3 Pemahaman budaya sosial.**

Berdasarkan dapatan kajian, sesetengah Buku Indie telah mengajar pembaca untuk memahami budaya dan sosial dalam masyarakat kita. Peserta kajian berpendapat bahawa dengan pemahaman budaya sosial masyarakat ini akan lebih memupuk semangat hidup bermasyarakat. Menurut peserta kajian:

Buku Indie lebih kepada mengajar memelihara hidup dalam cara hidup yang mereka inginkan, bagaimana kumpulan mereka berinteraksi dan bergaul antara satu sama lain. Selain itu, mengajar mereka mempertahankan apa yang mereka inginkan jika berbanding untuk mengajar memelihara hidup bermasyarakat.

[upsi/catatanpelajar/ CI17:.2017]

Ya. Buku ini banyak mengajar memelihara hidup bermasyarakat kerana terdapat buku-buku Indie yang menyentuh isu-isu budaya dan sosial masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI18:.2017]

Dari segi mengajar memelihara hidup bermasyarakat, Buku Indie mampu mengajar pembaca untuk hidup secara bermasyarakat kerana di dalam Buku Indie penulis kebiasaannya menulis kritikan atau teguran tentang kehidupan masyarakat dalam bersosial.

[upsi/catatanpelajar/CI30:.2017]

Unsur-unsur kemanusiaan jika terdapat dalam Buku Indie dapat mencakupi nilai-nilai kemoralan, etika, budaya, politik dan sosial bagi membangkitkan kesedaran , membina kekuatan sosial dan moral masyarakat, ketahanan diri dan pembangunan kerohanian.

[upsi/catatanpelajar/CI13:.2017]

#### **4.6.6.2 Tidak memelihara hidup bermasyarakat**

Namun sebaliknya, kedapatan Buku Indie tidak memelihara hidup bermasyarakat. Antara faktor utama menyumbang hal demikian adalah sesetengah Buku Indie didapati memecah belah masyarakat, menunjukkan sikap mementingkan diri, bercanggah dengan norma dan membangkitkan isu sensitif.

##### **4.6.6.2.1 Memecahkan masyarakat**

Dapatan kajian juga mendapati peserta kajian berpandangan kedapatan Buku Indie tidak memelihara hidup bermasyarakat dan berunsur memecahbelahkan masyarakat. Menurut peserta kajian:

Pada pandangan saya, Buku Indie ini sebenarnya tidak mengajar kita memelihara hidup bermasyarakat. Daripada pandangan mata kasar saya, buku ini yang membuatkan masyarakat bergaduh di laman-laman sosial dan pergaduhan ini melibatkan dua golongan yang mempunyai pandangan yang berbeza. Hal ini berlaku kerana tidak semua bersetuju dengan setiap isi-isi kandungan yang terdapat dalam buku- Buku Indie tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CI2:.2017]

Tidak, kerana buku ini lebih kepada menyebabkan perpecahan kaum kerana ia banyak mengkritik sesuatu perkara.

[upsi/catatanpelajar/CI13:.2017]

Akan tetapi banyak dalam penulisan Buku Indie ini berbaur provokasi,  
 [upsi/catatanpelajar/CI22:.2017]

Oleh itu, jika fenomena Buku Indie tidak dikawal dengan baik, ianya berpotensi besar mempengaruhi pembaca dalam kalangan generasi muda dan seterusnya boleh membawa kepada masalah pemikiran dan kebudayaan terhadap umat Islam di Malaysia.

[upsi/catatanpelajar/CI24:.2017]

#### **4.6.6.2.2 Sikap pentingkan diri sendiri**

Sikap pentingkan diri sendiri yang ditunjukkan oleh seseorang penulis merupakan musuh utama dalam hidup bermasyarakat. Oleh demikian, kedapatan peserta kajian berpendapat sikap pentingkan diri sendiri boleh menyebabkan hidup bermasyarakat tidak dapat dipelihara. Menurut peserta kajian:

Terdapat buku-buku Indie yang memaparkan berkenaan hidup di bandar yang tidak mengenali jiran-jiran sekeliling. Mereka tidak mengenali nama jiran mereka dan tidak bertegur sapa. Ini bertepatan dengan kehidupan masyarakat *urban* yang mengamalkan prinsip tidak suka menjaga kain orang dan hidup hanya untuk mengejar wang dan pangkat semata.

[upsi/catatanpelajar/CI9:.2017]

Setelah meneliti pelbagai penulisan Indie, sebenarnya buku ini tidak mengajar hidup bermasyarakat. Hal ini demikian kerana, setiap penulisan yang dihasilkan hasil daripada ketidakpuasan hati penulis.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie tidak dapat mengajar memelihara hidup bermasyarakat. Sebab utama saya mengatakan sebegini adalah Buku Indie lebih banyak menekankan tentang aspek individu di mana kebebasan yang menjadi aspek utama karya seperti ini kadangkala akan menunjukkan sifat-sifat ego dan pentingkan diri sendiri. Ia kurang menekankan tentang aspek hidup bermasyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

Pada pendapat saya, buku ini tidak banyak mengajar para pembaca untuk memelihara hidup bermasyarakat. Buku-buku ini dihasilkan dengan lontaran

idea tanpa terkawal oleh penulis dari generasi muda masa kini. Adakalanya ia berbaur hasutan dan mengupas tentang isu-isu semasa yang biasanya mengundang kontroversi dalam masyarakat dan negara.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

#### **4.6.6.2.3 Bercanggah dengan norma**

Melalui catatan pelajar, terdapat sesetengah karya Indie adalah bercanggah dan bertentang dengan norma masyarakat. Hal ini boleh meruntuhkan sesuatu nilai masyarakat. Menurut peserta kajian:

Buku Indie tidak mengajar untuk memelihara kehidupan bermasyarakat kerana Buku Indie lebih memfokuskan tentang penulisan yang berinti patikan sesuatu yang bercanggah dari norma masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI14:.2017]

Kebanyakan Buku Indie tidak mengajar untuk memelihara hidup masyarakat. Cara penyampaian Buku Indie lebih kepada pemikiran yang terbuka. Selain itu, Buku Indie juga banyak menggunakan perkataan lucah bagi menarik minat pembaca. Jelaslah bahawa, penggunaan perkataan yang tidak baik di dalam sesebuah buku untuk pembacaan boleh merosakkan gaya hidup bermasyarakat orang Malaysia.

[upsi/catatanpelajar /CI25:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mengajar memelihara hidup masyarakat. Saya berpendapat sebegini kerana Buku Indie lebih banyak bercerita mengenai perihal individu seperti contoh perasaan seseorang terhadap sesuatu atau seseorang. Buku Indie kurang menekankan nilai-nilai hidup bermasyarakat yang dapat dicontohi oleh semua pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

Sejurnya saya tidak sempat untuk membaca kandungan Buku Indie ini, namun berdasarkan kepada latar belakang penulisannya dan ulasan-ulasan daripada individu-individu tertentu, dapatlah saya membuat rumusan bahawa Buku Indie ini tidak mengajar hidup bermasyarakat. Mengapa saya mengatakan sedemikian kerana kebanyakan kandungan dalam Buku Indie lebih kepada pemberontakan, kritikan dan bertentangan dengan kebiasaan/budaya masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CT22:.2017]

#### **4.6.6.2.4 Membangkitkan isu sensitif**

Kedapatan juga peserta kajian yang memberi pandangan bahawa Buku Indie sering kali membangkitkan isu sensitif dalam penulisan mereka. Terdapat Buku Indie yang membangkitkan isu-isu perkauman yang boleh menjelaskan hidup bermasyarakat. Justeru, penulisan sebegini tidak akan dapat memelihara hidup bermasyarakat. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, buku ini tidak sepenuhnya memelihara hidup bermasyarakat. Hal ini demikian kerana terdapat isu-isu sensitif yang dibangkitkan oleh penulis Buku Indie pada karya masing-masing.

[upsi/catatanpelajar/CI15:.2017]

Kebanyakan Buku Indie sebenarnya tidak mengajar memelihara hidup bermasyarakat kerana cara penulisannya yang tidak menjaga kata-kata, menyinggung perasaan orang lain dan tidak mampu mengawal diri sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CI21:.2017]

Pada pandangan saya terdapat buku-buku Indie yang mengetengahkan isu-isu politik dan agama yang mana terselit isu-isu yang sensitif.

[upsi/catatanpelajar/CI32:.2017]

Saya berpandangan ada sesetengah Buku Indie yang tidak mengajar memelihara hidup bermasyarakat kerana penulisan atau karyanya banyak berunsur perselisihan dan kritikan mengenai kaum, bangsa dan agama.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Buku Indie ini dilihat tidak dapat mengajar individu untuk memelihara hidup bermasyarakat kerana kebanyakannya penulisan Buku Indie lebih membawa kepada kehidupan yang mementingkan diri sendiri. Hal ini kerana apabila penulis menulis sesebuah cerita, mereka akan menghasilkan cerita berdasarkan idea dan pendapat mereka sendiri tanpa memikirkan sensitiviti orang lain. Kebanyakan Buku Indie yang dihasilkan lebih menjurus kepada cerita berkaitan pemberontakan, ketidakpuasan hati kepada sesetengah pihak, menceritakan kesalahan orang lain, cerita-cerita fantasi, tahanayul, lucah dan lain-lain.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

#### **4.6.7 Sikap Memelihara Keamanan Dan Kesejahteraan Negara**

Berdasarkan temu bual, peserta kajian 1, 3 dan 4 telah menyatakan bahawa kewujudan Buku Indie ni boleh mengancam keamanan dan kesejahteraan negara. Hal ini kerana

pembawaan ideologi dan juga sifat menentang kerajaan boleh menjaskan keamanan dan kesejahteraan yang ada. Menurut:

Peserta Kajian 1: Aaaa... kepada negara agak mengancam sebenarnya sebab macam tadi saya cakap ideologinya ialah... idea mereka adalah untuk... kurang ajar, menjadi melawan, jadi melawan autoriti dan perasaan selesa.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Peserta Kajian 3: Menentang kerajaan tu ada, kalau menentang kerajaan bukan menentang macam apa ni buat rusuhan ka, atau revolusi berdarah ka, apa tak. Kenapa dia buat macam ni? Dia nak membantu masyarakat lagi ni, supaya kita dapat dikritik dan sama-sama menegur kerajaan. Buku Indie bukan digerakkan oleh pembangkang, sebab bagi saya aaa... Buku Indie ni dia non partisan. Bukan orang-orang dekat parti. Sebab kalau Buku Indie tu jadi macam ada kaitan dengan parti politik, saya rasa dah tak jadi Indie. Dia dah tunjukkan dia punya kebersamaan dengan sesuatu pihak.


Peserta Kajian 3: Dia kalau kita tengok banyak buku-buku dia memerli kerajaan. Macam buku Rosmoh, Perempuan Puaka dia memerli. Antaranya ni buku Agong Tanpa Tengkolok. Memerli sistem beraja dalam negara.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Peserta Kajian 4: Mungkin aaa.. Buku Indie ni meningkatkan keamanan dan kesejahteraan bagi saya ya. Sebab kalau dalam keadaan kita berdemonstrasi tu, bukan bercanggah dengan keadaan perlembagaan Malaysia, mungkin sebab kerajaan.. dalam buku Pedagogi Bahasa Tertindas pun bercerita demonstrasi berkenaan dengan bahasa ni.. tuntutan-tuntutan... berkenaan menegakkan keadaan bahasa Cina ini. tuntutan-tuntutan JUN ini di cerita dalam buku Pedagogi Bahasa Tertindas. Tetapi keadaan kita berdemonstrasi ni bukan la keadaan kita mengganggu keamanan negara. Contohnya kerajaan hanya cakap, kau kena gunakan saluran yang betul, masalahnya kalau kita guna saluran betul atau tidak, masih tidak menafikan hak kita untuk bersuara.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Dapatkan analisis buku telah menunjukkan Buku Indie di pasaran masih memperjuangkan dalam memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan. Peratusan menentang dan menyokong perkara tersebut adalah seperti berikut:



Rajah 9: Peratusan Buku Indie yang Memelihara Keamanan

#### **4.7.7.1 Memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara**

Kedapatan mahasiswa UPSI berpendapat bahawa Buku Indie dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Pelbagai jawapan yang diberikan yang antaranya adalah kedapatan Buku Indie bersifat patriotisme, memupuk rasa cinta dan sayang kepada negara.

##### **4.6.7.1.1 Karya bersifat patriotism**

Berdasarkan dapatan catatan pelajar, peserta kajian telah menyatakan bahawa terdapat Buku Indie yang mengajar memelihara keamanan dan kesejahteraan. Kedapatan karya-karya Indie yang bersifat patriotism dan sering menyentuh tentang semangat-semangat patriotik. Menurut peserta kajian:

Jelas (kedapatan) Buku Indie dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana karya-karya patriotism pada hari ini membawa makna dan semangat yang baru dan sesuai dengan keadaan semasa seperti politik, sosial, kebudayaan dan sebagainya.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Bagi pandangan saya, Buku Indie ini banyak mengajar kita supaya sedar diri,saya mengatakan sedemikian kerana kita pernah dijajah oleh kuasa luar dan dalam tempoh tersebut generasi kita yang terdahulu terpaksa mengharungi segala kepayahan dan dugaan.

[upsi/catatanpelajar/CI26:.2017]

Buku Indie ini dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Seterusnya, terdapat penulis Indie ini menerapkan nilai patriotik serta memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Penulis Buku Indie ini memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara dengan melalui penulisan yang bercorakkan nasihat.

[upsi/catatanpelajar/CT28:.2017]

#### **4.6.7.1.2 Cinta dan sayang pada negara**

Berdasarkan dapatan kajian, kedapatan Buku Indie yang cuba menanamkan perasaan cinta dan sayang pada negara dalam karya mereka. Menurut peserta kajian:

Terdapat banyak buku yang ditulis adalah untuk memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Hal ini dapat menimbulkan sifat cinta dan sayang kepada negara. Melalui sifat tersebut akan timbulnya sikap masyarakat yang akan mencuba sedaya upaya mereka bagi memelihara keamanan dan kesejahteraan negara.

[upsi/catatanpelajar/CI19:.2017]

Pada pandangan saya, terdapat juga Buku Indie yang memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Mungkin ada sesetengah Buku Indie yang mengkritik kerajaan tetapi itu tidak bermaksud bahawa penulis cuba untuk mengganggu keamanan dan kesejahteraan negara. Pada pendapat saya, mungkin penulis cuba untuk meluahkan dan berkongsi pandangan kepada sesuatu isu agar perubahan dapat dilakukan untuk kepentingan rakyat juga. Oleh yang demikian, sebagai pembaca perlulah lebih terbuka dalam menerima pandangan daripada orang lain.

[upsi/catatanpelajar/CT17:.2017]

Buku Indie memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana di dalam Buku Indie yang telah saya baca ada menjelaskan tentang perlunya kita sebagai masyarakat di negara ini memelihara keamanan dan kesejahteraan negara.

[upsi/catatanpelajar/CT25:.2017]

#### **4.6.7.2 Tidak memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara**

Namun, terdapat banyak alasan yang rasional diberikan mahasiswa UPSI terhadap Buku Indie yang didapati tidak memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Alasan rasional ini adalah kedapatan Buku Indie menyentuh sensitiviti agama, berunsur negatif, tidak bersifat patriotik dan bersikap pentingkan diri semata-mata.

##### **4.6.7.2.1 Menyentuh sensitiviti agama**

Kedapatan Buku Indie yang bersifat tidak memupuk keamanan dan kesejahteraan. Peserta kajian menyatakan bahawa Buku Indie juga sering kali menyentuh sensitiviti agama. Menurut peserta kajian:

Buku Indie tidak memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana ada dalam kalangan Buku Indie ini menyentuh soal sensitiviti masyarakat dan agama. Melalui penulisan Buku Indie, ada dalam kalangan penulis menyentuh berkenaan agama dan dianggap telah mempersendakan agama.

[upsi/catatanpelajar/ CI14:.2017]

Jika diperhatikan cara penulisan Buku Indie yang bersifat bebas menulis apa-apa perkara, dan ada menyentuh isu-isu sensitif,

[upsi/catatanpelajar/CI21:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie tidak memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Hal ini demikian kerana, sebahagian besar Buku Indie tidak memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana kebanyakan penulis sangat tidak sensitif dengan isu-isu yang dilontarkan sama ada isu tersebut menyentuh sensitiviti sesuatu kaum atau masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI31:.2017]

##### **4.6.7.2.2 Berunsur negatif**

Peserta kajian juga berpandangan bahawa kebanyakan Buku Indie adalah berunsur negatif dan tidak mampu untuk memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan dalam negara. Menurut peserta kajian:

Tidak, kerana Buku Indie adalah satu penulisan yang bebas mengkritik. Malah, Buku Indie juga bersifat memberontak dan agresif, luar dari kebiasaan sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan. Buku yang seharusnya diterbitkan ialah buku yang mendorong seseorang bertindak dengan bijaksana dalam menangani masalah, menyelesaikan masalah, mengatasi konflik, membendung dilema dan mencorakkan perubahan hidup yang berhemah dan bermoral.

[upsi/catatanpelajar/CI13:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana terdapat kandungan Buku Indie yang berceritakan tentang perkara yang negatif seperti berunsurkan lucah dan seks. Hal ini akan mempengaruhi jiwa remaja yang membaca buku ini.

[upsi/catatanpelajar/CI30:.2017]

Buku Indie secara umumnya tidak dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana ianya merupakan media cetak yang diharamkan oleh kerajaan Malaysia disebabkan oleh ideologi penulisan yang agak relatif dan kasar.

[upsi/catatanpelajar/CT3:.2017]

Saya berpendapat Buku Indie dilihat tidak memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana penulisan Buku Indie lebih cenderung memberi kesan negatif dalam meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Buku Indie tidak dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Disebabkan Buku Indie ini mempunyai unsur-unsur kebebasan atau kemerdekaan individu, ini akan mendorong golongan muda untuk menjadi berani dalam bertindak agresif bagi mendapatkan kebebasan seperti yang mereka ingini.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

Kita memperlihatkan Buku Indie memupuk penindasan, keganasan , pemikiran yang bebas dan sebagainya menyebabkan sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara tidak boleh dipupuk. Malah membangkitkan sikap tidak puas hati terhadap sesiapa sahaja ataupun golongan tertentu dengan penulisan bebas dalam Buku Indie tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CT29:.2017]

Buku Indie tidak memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana seperti sedia maklum ramai penulis tegar Buku Indie ini membuat karya yang mengkritik ahli-ahli politik dan pemerintahan di negara kita.

[upsi/catatanpelajar/CT30:.2017]

Pada pandangan saya terdapat Buku Indie yang menentang politik Negara yang boleh mengancam keamanan Negara. Terdapat sesetengah buku yang cuba membangkitkan fahaman liberalisme dan cuba menghapuskan sistem beraja.

[upsi/catatanpelajar/CT32:.2017]

#### **4.6.7.2.3 Tidak bersifat patriotik**

Berdasarkan dapatan daripada catatan pelajar, terdapat mahasiswa UPSI berpandangan bahawa Buku Indie tidak bersifat patriotik dan tidak mampu untuk memupuk sikap pembaca dalam memelihara keamanan dan kesejahteraan. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, buku Indie ini tidak mampu untuk memupuk sikap pembaca dalam memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Hal ini demikian kerana, setakat yang berada di pasaran kini, tiada lagi Buku Indie yang mengetengahkan atau menceritakan berkaitan semangat patriotism, menekankan aspek kesejahteraan negara.

[upsi/catatanpelajar/CI11:.2017]

Kebanyakan karya buku-buku Indie tidak bersifat patriotism. Ini kerana Buku Indie adalah bebas dalam mengkritik, memberi cadangan serta pandangan generasi muda melalui penulisan.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

#### **4.6.7.2.4 Sikap pentingkan diri sendiri**

Sikap pentingkan diri sendiri juga merupakan salah satu halangan kepada memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan. Beberapa orang peserta kajian telah menyatakan sikap pentingkan diri sendiri tidak akan pedulikan keamanan negara. Menurut peserta kajian:

Oleh itu, Buku Indie tidak dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana terdapat idea yang mementingkan diri. Maksudnya ialah ia lebih tertumpu kepada apa golongan tersebut hendak mempertahankan seperti hak mereka sendiri tanpa peduli akan kesan buruk terhadap orang lain. Rasa memberontak dalam diri golongan ini ekstrem dan bersikap liberalisme.

[upsi/catatanpelajar/CI17:.2017]

Pendukung Indie ini meletakkan dirinya neutral dalam politik, akan tetapi pada pandangan saya, mereka telah mempolitikkan kumpulan mereka dengan membentuk satu fahaman dan perjuangan mereka sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CI22:.2017]

Buku Indie tidak dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana penulis bebas menulis dengan tidak memikirkan kesan dan akibat yang akan diterima kelak. Kecenderungan karya Indie boleh merosakkan nilai dan jati diri bangsa sekali gus menjelaskan keamanan dan kesejahteraan Negara.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

Pada pendapat saya Buku Indie bukanlah sebuah buku yang dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Hal ini kerana inti pati buku itu sendiri banyak mengajak ke arah agresif dan memberontak tujuannya adalah semata-mata untuk menjaga dan mendapatkan hak kepentingan individu itu sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

Buku Indie ini tidak terdapat ciri-ciri yang boleh memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Hal ini kerana kandungan yang tersurat dalam Buku Indie lebih kepada pemberontakan terhadap kerajaan di mana gerakan Indie ini pro kepada pembangkang.

[upsi/catatanpelajar/CT22:.2017]

#### **4.6.8 Mendidik Hidup Menjimatkan Masa Dan Tenaga**

Melalui dapatan temu bual, peserta kajian 1 dan 3 menyatakan bahawa kedapatan Buku Indie yang mengajar untuk menjimatkan masa dan tenaga. Di samping itu, peserta kajian 1 berpendapat sesetengah penerbit juga mementingkan hal masa. Dapatan kajian adalah sebagaimana berikut:


Peserta Kajian 1: Aaaa.. kalau tengok pada sikap penerbit, mereka macam syarikat-syarikat lain juga, tentang masa dan sebagainya dipentingkan dan benda macam tu tak banyak ditunjukkan dalam buku la, tapi dari segi penerbit itu sendiri mereka mementingkan masa juga.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Peserta Kajian 3: Ada yang ada, ada yang tak da.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Berdasarkan dapatan kajian juga, didapati Buku Indie di pasaran masih mengajar dalam menjimatkan masa dan tenaga. Namun begitu, masih banyak buku yang tidak mempunyai unsur tersebut. Peratusan ini dijelaskan sebagaimana berikut.



Rajah 10: Peratusan Buku Indie yang Menjimatkan Masa dan Tenaga

#### **4.6.8.1 Menjimatkan masa dan tenaga**

Kedapatan mahasiswa UPSI berpendapat bahawa Buku Indie dapat mengajar menjimatkan masa dan tenaga. Mahasiswa UPSI berpandangan demikian kerana kedapatan Buku Indie mempunyai pelbagai info yang berguna, penerbitannya mudah dicapai, dapat mengelak dari melakukan perkara yang tidak berfaedah dan penggunaan bahasanya yang mudah difahami.

##### **4.6.8.1.1 Mendapat pelbagai info**

Berdasarkan dapatan kajian, peserta kajian menyatakan bahawa dengan Buku Indie mereka dapat memperoleh pelbagai info dengan mudah. Hal ini mendorong kepada menjimatkan masa dan tenaga. Menurut peserta kajian:

Ya. Pada pandangan saya Buku Indie dapat mendidik hidup menjimatkan masa dan tenaga. Hal ini kerana dengan membaca Buku Indie ini saya mendapat

pelbagai info yang sangat berguna kerana dalam Buku Indie ini banyak diselitkan dengan nilai-nilai murni yang boleh kita praktik dalam aktiviti seharian kita.

[upsi/catatanpelajar/CI2:.2017]

Di samping itu juga,buku seperti itu juga mengajar berkenaan *tips-tips* bagi mengelakkan masalah dan jika menghadapi masalah bagaimana untuk mengatasinya. Selain itu, lokasi dan tempat menarik juga diberitahu sekali gus menjimatkan masa dan tenaga kerana buku itu umpama '*one-stop centre*' kerana menyediakan pelbagai informasi yang menarik.

[upsi/catatanpelajar/CI9:.2017]

Kesimpulannya, saya bersetuju bahawa buku-buku Indie mendidik hidup untuk menjimatkan masa dan tenaga. Hal ini demikian, kerana pembaca boleh menjimatkan masa dengan membaca Buku Indie yang bukan sahaja bergenrekan fiksyen semata-mata, malah pelbagai isu boleh dibincangkan dan ilmu-ilmu pengetahuan daripada penulis yang berkarya di dalam buku mereka untuk disampaikan kepada para pembaca. Sekiranya anda menganggap membaca buku merupakan suatu amalan yang membazir masa, maka anda terbukti salah dan tidak pernah mencuba untuk membaca buku dengan kaedah yang betul.

[upsi/catatanpelajar/CT16:.2017]

#### **4.6.8.1.2 Penerbitan yang mudah**

Di samping itu, Buku Indie juga dikatakan menjimatkan tenaga dan masa kerana penerbitannya yang mudah dan segera. Menurut peserta kajian:

Bagi saya, Buku Indie mendidik kita untuk hidup menjimatkan masa dan tenaga. Hal ini demikian kerana, untuk menerbitkan Buku Indie masa yang digunakan tidaklah lama dan dalam proses pengeluarannya agak mudah. Selain itu juga, Buku Indie juga bergantung kepada modal penulis.

[upsi/catatanpelajar/CI3:.2017]

Buku Indie juga mendidik manusia untuk memanfaatkan masa dan tenaga. Melalui penulisan Buku Indie, para penulis akan menghasilkan karya di bawah penerbitan mereka dalam masa yang ditetapkan.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Karya Buku Indie sedikit sebanyak dapat mendidik kehidupan dalam menjimatkan masa dan tenaga kerana seseorang individu yang mempunyai minat yang tinggi dalam bidang penulisan hanya perlu mengarang dan dihantar melalui e-mel kepada syarikat-syarikat penerbit Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

Buku Indie dapat menjimatkan masa dan tenaga kerana karya Indie bukan sahaja diterbitkan dalam bentuk buku untuk dipasarkan ke kedai-kedai buku di seluruh Malaysia namun karya-karya Indie ini juga ada ditulis pada laman-laman web seperti blog dan juga laman sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram.

[upsi/catatanpelajar/CI14:.2017]

Saya akui bahawa sememangnya buku ini dapat mendidik hidup untuk menjimatkan masa dan tenaga. Hal ini demikian kerana, jika kita lihat sendiri bahawa sekarang ini dunia telah maju mengikut arus kemodenan di mana kita boleh menggunakan kemudahan Internet dengan begitu mudah. Menerusi penggunaan Internet, kita boleh membaca berkaitan dengan Buku Indie di mana ianya memerlukan kita menaip sahaja tajuk buku yang ingin di baca dan sudah tentu carian yang kita cari akan keluar.

[upsi/catatanpelajar/CI20:.2017]

Namun, jika dilihat dari sudut cara pembelian, Buku Indie kini boleh diperoleh dengan harga yang murah dan cara pembelian di hujung jari sahaja. Hal ini yang membantu pembaca menjimatkan masa dan tenaga.

[upsi/catatanpelajar/CI21:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie dapat mendidik hidup menjimatkan masa dan tenaga kerana Buku Indie tidak memerlukan sebarang kajian untuk menulisnya, sebegini juga dengan pembaca Buku Indie,mereka boleh membaca Buku Indie dengan mudah kerana Buku Indie boleh didapati dalam pelbagai bentuk dan mudah untuk pembaca memperoleh Buku Indie di Internet sahaja melalui blog dan sebagainya.

[upsi/catatanpelajar/CI24:.2017]

Buku Indie dapat menjimatkan masa dan tenaga pembaca. Pembeli buku tidak perlu ke kedai buku untuk mendapatkan Buku Indie kerana buku ini boleh didapati melalui pembelian secara *online*.

[upsi/catatanpelajar/CI25:.2017]

Ya, Buku Indie mendidik menjimatkan masa dan tenaga. Pada masa kini terdapat banyak lambakan Buku Indie yang sangat memenuhi permintaan ramai pembaca daripada golongan peminat tegar gerakan Indie. Keadaan ini dapat menjimatkan masa dan tenaga pembaca kerana mereka tidak perlu mengambil masa yang lama untuk keluar ke kedai-kedai buku semata-mata untuk mendapatkan buku tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CI34:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie dapat diperoleh di mana-mana sahaja sama ada di kedai buku, pesta buku dan lain-lain tempat. Untuk mengenali Buku Indie dengan lebih lanjut, Internet atau website juga boleh membantu untuk mendapatkan Buku Indie dengan maklumat lebih awal. Selain itu, keadaan ini

juga dapat menjimatkan masa dan tenaga manusia untuk mendapatkan Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Pembaca yang taksub terhadap penulisan ini akan mengatakan bahawa buku ini mendidik kehidupan dalam menjimatkan mas dan tenaga. Hal ini demikian kerana, harga senaskhah Buku Indie tidak terlalu mahal dan boleh didapatkan di mana-mana sahaja. Kesemua buku-buku ini tidak terlalu tebal dan boleh dibaca dalam jangka masa yang singkat. Oleh itu Buku Indie akan dilabel oleh penggemarnya buku yang jimat masa dan tenaga.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

Namun sekarang penulis boleh berkarya hanya di blog, twitter, facebook dan sebagainya. Sangat menjimatkan tenaga, masa dan juga wang ringgit.

[upsi/catatanpelajar/CT7:.2017]

Pada pandangan saya, buku-buku Indie yang telah saya baca tidak lagi saya nampak yang mendidik hidup seseorang menjimatkan masa dan tenaga.

[upsi/catatanpelajar/CT8:.2017]

Tidak. Bagi pendapat saya ia tiada kaitan langsung dengan penjimatan masa dan tenaga. Kebanyakan golongan pembaca kebiasaannya akan membuang masa mereka untuk membaca buku ini dan akan mengakibatkan mereka lalai di dalam sesuatu tugas yang perlu dilakukan.

[upsi/catatanpelajar/CT9:.2017]

Penerbitan Buku Indie tiada kaitan dalam mendidik hidup pembacanya dari segi menjimatkan masa dan tenaga. Malah Buku Indie lebih menjurus kepada mengajar masyarakat untuk membuang masa dan tenaga dengan membacanya.

[upsi/catatanpelajar/CT10:.2017]

Saya tidak berapa faham kolorasi antara pembacaan Buku Indie dengan menjimatkan masa dan tenaga namun apa yang saya boleh katakana adalah pembikinan Buku Indie dilihat lebih menjimatkan masa dan tenaga kerana bilangan helaian Buku Indie jika dapat dilihat dan dinilai adalah lebih sikit berbanding buku-buku arus perdana yang lain.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

#### **4.6.8.1.3 Menggelakkan daripada perkara tidak berfaedah**

Dengan adanya Buku Indie, peserta kajian berpendapat bahawa ia akan dapat mengelakkan daripada membuang masa dengan perkara tidak berfaedah. Oleh

demikian, Buku Indie dapat membantu menjimatkan masa dan tenaga. Menurut peserta kajian:

Dengan pembacaan Buku Indie ini dapat mengelakkan kita daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah seperti lepak dan dapat kita menghabiskan masa lapang dengan membaca buku. Di sini kita dapat lihat bahawa Buku Indie ini mendidik hidup kita dalam menjimatkan masa dan tenaga.

[upsi/catatanpelajar/CI4:.2017]

Ya, Buku Indie mendidik hidup menjimatkan masa dan tenaga. Hal ini demikian kerana dengan membaca Buku Indie dapat menjimatkan masa dari melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah.

[upsi/catatanpelajar/CI18:.2017]

Pembacaan Buku Indie ini adalah satu hobi dan melihat kepada status jualan Buku Indie ini meningkat dari tahun ke tahun, ini menunjukkan pertambahan peminat Buku Indie. Jadi secara teorinya saya ingin mengemukakan pendapat, daripada melepak, merempit membuang masa, jadi ianya lebih bermanfaat jika individu itu membaca buku, khususnya Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI22:.2017]

Ya, Buku Indie ini dapat mendidik pembaca untuk menjimatkan masa dan tenaga. Membaca Buku Indie termasuklah dalam budaya membaca. Kebanyakan pembaca Buku Indie ini daripada golongan remaja. Remaja urban ini sering kali mengisi masa terluang dengan melakukan aktiviti yang digemari oleh mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI23:.2017]

Ya. Pada pendapat saya, Buku Indie mendidik hidup menjimatkan masa dan tenaga kerana apabila kita membaca Buku Indie ia membantu kita daripada membazirkan masa yang ada dengan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dalam kehidupan sehari-hari.

[upsi/catatanpelajar/CI31:.2017]

Terdapat juga dalam penulisan atau karya Buku Indie yang menceritakan tentang menjimatkan masa. Buku Indie dikatakan mendidik hidup manusia menjimatkan masa kerana pembaca dapat menghabiskan masa dengan melakukan benda yang berfaedah seperti membaca buku dan bukannya menghabiskan masa dengan begitu sahaja tanpa diisi dengan sesuatu yang bernilai serta memberi keuntungan kepada diri sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Buku Indie mengajar nilai disiplin di dalam hidup kita. Tanpa disiplin, banyak masa dan tenaga terbuang begitu sahaja. Apabila kita melatih diri kita menjadi

seorang yang berdisiplin maka kita akan melakukan kerja dengan penuh etika dan hati-hati. Hasilnya kita dapat menjimatkan masa dan tenaga dengan tidak melakukan kesilapan dan mengulanginya beberapa kali. Kerja yang teratur dan tersusun akan menjimatkan masa.

[upsi/catatanpelajar/CT15:.2017]

Alangkah lebih baik generasi muda masa kita banyak menghabiskan masa mereka dengan pengisian melalui aktiviti pembacaan.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

#### **4.6.8.1.4 Memudahkan kefahaman pembaca**

Dapatan kajian juga menunjukkan kandungan Buku Indie yang menggunakan bahasa yang mudah dapat menjimatkan masa dan tenaga pembaca. Menurut peserta kajian:

Pada pandangan saya, buku ini Indie ini dapat mendidik hidup pembaca dalam menjimatkan masa dan tenaga. Hal ini demikian kerana, penulisan Buku Indie ini menggunakan bahasa yang mudah difahami dan ianya dapat memudahkan pembaca untuk memahami isi kandungan buku tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CI10:.2017]

Ya, Buku Indie banyak mendidik pembaca supaya menjimatkan masa dan tenaga melalui karyanya yang terlalui sempoi. Malah, penulisan Buku Indie yang tidak padat seperti ilmiah memberikan kami masa yang singkat untuk membacanya sehingga habis.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

Jika kaitan mendalamai maksud sebenar sesuatu isi dalam tulisan sesebuah Buku Indie, kita mungkin akan dapat nyak manfaat dan dapat mendidik kita tentang kepentingan menjimatkan masa dan tenaga.

[upsi/catatanpelajar/CI26:.2017]

Selain itu juga, koleksi-koleksi Buku Indie adalah tidak terlalu tebal isi kandungannya menyebabkan pembaca tidak perlu mengambil masa yang lama untuk menghabiskan bacaan sebuah Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI33:.2017]

Buku Indie mendidik hidup menjimatkan masa dan tenaga kerana pembaca pada masa kini tidak perlu bersusah payah untuk keluar mencari bahan bacaan kerana Buku Indie ini juga turut dijual melalui atas talian (*online*). Ini memudahkan kepada mereka yang gemar membaca buku untuk membeli buku yang mereka minati.

[upsi/catatanpelajar/CT25:.2017]

Buku Indie yang dihasilkan oleh penulis Indie kebiasaannya mempunyai helaian yang sangat nipis namun mempunyai mesej yang cukup padat yang hendak disampaikan kepada pembaca dan tidak tebal seperti novel-novel lain yang dihasilkan oleh penerbit bukan Indie. Keadaan ini yang menyebabkan Buku Indie ini dapat mendidik para pembaca untuk menjimatkan masa dan tenaga.

[upsi/catatanpelajar/CT28:.2017]

#### **4.6.8.2 Tidak Menjimatkan Masa dan Tenaga**

Walaupun ramai peserta kajian yang menyatakan bahawa Buku Indie dapat menjimatkan masa, masih kedapatan peserta kajian yang berpendapat bahawa Buku Indie tidak dapat menjimatkan masa kerana Buku Indie bersifat melalaikan pembaca dengan bahan bacaan tidak berkualiti. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mendidik ahli masyarakat hidup menjimatkan masa dan tenaga kerana masa yang berharga akan disia-siakan begitu sahaja melalui pembacaan bahan Indie yang tidak berkualiti. Misalnya, pembaca akan menghabiskan masa lapangnya untuk membaca bahan Indie di rumah atau kedai buku.

[upsi/catatanpelajar/CT24:.2017]

### **4.7 KANDUNGAN MORAL MENGENAI KEPERIBADIAN MANUSIA**

Kandungan moral yang turut menjadi fokus utama dalam kajian ini adalah keperibadian manusia. Terdapat enam item yang diketengahkan oleh Eow Boon Hin et al (2008). Item-item ini adalah motivasi intrinsik, rasa bersalah dan berdosa, percaya pada pegangan, kemegahan dan kendiri, terminologi khas dan percaya pada justifikasi.

Ketika penggubalan set soalan, empat (4) item terakhir didapati sukar untuk difahami oleh responden. Oleh demikian, pengkaji mengubah tiga soalan agar senang difahami responden. Item ketiga iaitu percaya pada pegangan diubah kepada soalan percaya kepada kepentingan diri dan orang lain. Item keempat iaitu kemegahan dan kendiri diubah kepada sayang kepada diri sendiri dan orang lain. Item kelima pula, terminologi khas dikhatususkan kepada pemahaman makna baik dan buruk. Manakala

item keenam iaitu percaya kepada justifikasi diubah kepada pengajaran penentuan baik dan buruk.

#### **4.7.1 Mempertingkatkan Motivasi Membaca**

Berdasarkan dapatan temu bual, peserta kajian 1, 2 dan 3 berpendapat bahawa Buku Indie mampu untuk mempertingkatkan motivasi dalam kalangan pembaca. Hal ini kerana kandungan buku yang membincangkan idea-idea baru mampu untuk menarik minat dan motivasi pembaca untuk membacanya. Berikut adalah dapatan temu bual:

Peserta Kajian 1: : Kalau motivasi membaca bagi saya sangat memberi kesan. Sebab buku- Buku Indie ini menyentuh perkara yang sebelum ni kita tak tau. Benda-benda yang kita takut nak sentuh sebelum ini, mereka sentuh. Tu yang meningkatkan lagi motivasi membaca lagi, banyak lagi.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Peserta Kajian 3: Tapi dia punya gigihnya tu, saya rasa macam memberi satu motivasi la, dia kerja.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Peserta Kajian 2: dia bergantung kepada buku la, kalau buku tu semangat aaa... motivasi.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Peserta Kajian 4: motivasi ni bagi saya ya. Bila kita lihat keadaan semasa berkenaan dengan kerajaan Malaysia, keadaan situasi semasa Malaysia ni, berkenaan pelbagai aspek, contoh ekonomi, keadaan sekarang.. bila pengarang tu mengkritik sesuatu perkara, kita memotivasi diri untuk mencari alternatif untuk bertambah baik keadaan semasa tu. Contohnya keadaan ekonomi, contoh wujudnya pelbagai tekanan-tekanan kaum, wujudkan balik berkenaan dengan keistimewaan dalam ekonomi iaitu DEB tu kuota balik, tetapi kita kena sedar, dalam keadaan ini dah tak da, tapi kita masih ada lagi perlombagaan 153, 10 keistimewaan tu masih lagi dimiliki oleh golongan bumiputera dan golongan-golongan Melayu. Sebab itu bagaimana dia dapat menimbulkan motivasi, motivasi untuk kaum lain untuk berdaya saing.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Dapatan analisis buku menunjukkan bahawa rata-rata Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Peratusan dapat ditunjukkan melalui carta berikut:



Rajah 11: Peratusan Buku Indie yang Meningkatkan Motivasi Membaca

#### **4.7.1.1 Meningkatkan motivasi**

Kedapatan mahasiswa UPSI berpandangan bahawa Buku Indie dapat meningkatkan motivasi. Faktornya adalah Buku Indie didapati berunsur dakwah dan keagamaan, menggunakan bahasa yang mudah, penyampaian idea dalam pelbagai bentuk, mudah dimiliki dan reka bentuk yang menarik.

##### **4.7.1.1.1 Buku berunsur dakwah atau keagamaan**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh melalui catatan pelajar, Buku Indie yang berunsur dakwah atau keagamaan dapat meningkatkan lagi motivasi pembaca untuk membaca buku. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie ini dapat mempertingkatkan motivasi membaca. Hal ini kerana terdapat pelbagai sudut pandangan yang positif maupun negatif berkaitan dengan Buku Indie ini.

[upsi/catatanpelajar/CI2:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie juga dapat mempertingkatkan motivasi membaca dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja. Hal ini demikian kerana, Buku Indie bukan sahaja buku yang berunsur negatif, malah Buku Indie juga mempunyai buku-buku yang berunsurkan agama dan dakwah. Hal ini akan menyebabkan golongan remaja dapat dijadikan pengajaran dan

secara tidak langsung dapat mempertingkatkan motivasi selepas membaca buku tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CI3:.2017]

Tidak dinafikan, terdapat juga beberapa judul Buku Indie yang baik, berunsur dakwah terhadap anak muda dan tidak lucah; seperti buku-buku Islamik. Perkara ini dapat meningkatkan motivasi pembaca malah dapat melahirkan masyarakat yang pintar berfikir.

[upsi/catatanpelajar/CI16:.2017]

Pembaca akan mendapat inspirasi melalui buku ini supaya sentiasa memberi komitmen dengan pekerjaan yang dilakukan dan dapat mencapai objektif yang diinginkan pada masa yang telah ditetapkan.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

Ya, Buku Indie dapat meningkatkan motivasi kepada pembaca. Hal ini demikian kerana terdapat sesetengah Buku Indie banyak memberikan motivasi-motivasi kepada pembaca-pembacanya.

[upsi/catatanpelajar/CT25:.2017]

Penulisan yang berbentuk nasihat dan catatan perjalanan berkemungkinan besar dapat mempertingkatkan motivasi para pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT28:.2017]

#### **4.7.1.1.2 Penggunaan bahasa yang mudah**

Melalui catatan pelajar juga, peserta kajian berpandangan penggunaan bahasa yang mudah difahami akan meningkatkan motivasi membaca dalam kalangan pembaca. Dapatkan kajian sebagaimana berikut:

Saya berpendapat bahawa Buku Indie ini dapat mempertingkatkan motivasi membaca. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa yang mudah difahami dan lebih menggunakan bahasa pasar menepati jiwa muda pembaca yang tidak menyukai bahasa yang tinggi dan sukar difahami.

[upsi/catatanpelajar/CI10:.2017]

Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca. Gaya penulisan yang santai antara sebab mengapa ia bersifat populis.

[upsi/catatanpelajar/CI16:.2017]

Ya, pada pendapat saya, Buku Indie dapat meningkatkan motivasi membaca. Hal ini demikian kerana, Buku Indie dikatakan menggunakan bahasa yang lebih santai dan dekat dengan masyarakat. Hal ini menarik minat masyarakat

untuk membaca walaupun kandungan yang terdapat di dalam Buku Indie kadang kala adalah bertentangan dengan norma masyarakat.

[upsi/catatanpelajar/CI19:.2017]

Maka tidak hairanlah jika Buku Indie ini dapat mempertingkatkan motivasi membaca. Penulisannya yang santai, plot cerita yang tidak terlalu berat membuatkan Buku Indie ini menjadi antara pilihan pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI23:.2017]

Pada pendapat penulis, tidak dinafikan bahawa Buku Indie mampu mempertingkatkan motivasi membaca. Hal ini kerana, Buku Indie merupakan salah satu buku yang menarik, unik dan ada kelebihannya yang tersendiri sehingga mampu menarik minat para pembaca apatah lagi para pengikut setia buku-buku Indie. Selain itu, hasil karya Buku Indie ini juga menampilkan gaya bahasa yang santai dan mudah difahami.

[upsi/catatanpelajar/CI28:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie berjaya meningkatkan motivasi membaca para peminat Buku Indie. Hal ini demikian kerana, jalan cerita yang penulis buku gunakan adalah menarik dan juga dapat mempengaruhi emosi pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI30:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca terutamanya bagi golongan muda. Gaya penyampaian yang santai dan sempoi dapat menarik minat golongan muda untuk membaca.

[upsi/catatanpelajar/CT17:.2017]

Pada pendapat saya Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca terutamanya di kalangan anak muda. Hal ini kerana jalan cerita yang lebih bebas dan bersifat terbuka serta penggunaan bahasa yang lebih ‘sempoi’ yang menjadikan Buku Indie dekat di hati anak muda untuk memiliki dan membacanya.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

Pada pandangan saya Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca terutamanya dalam kalangan remaja. Hal ini kerana, penjualan Buku Indie telah dikembangkan di semua tempat seperti di pesta buku, di universiti mahupun di karnival buku antarabangsa. Oleh itu, penggunaan bahasa yang mudah juga mempengaruhi pembaca untuk membaca dan memahami karya Indie tersebut dan dapat mempertingkatkan motivasi membaca.

[upsi/catatanpelajar/CT20:.2017]

Pada saya, ya sememangnya Buku Indie dapat meningkatkan motivasi membaca di kalangan anak muda. Penggunaan penulisan yang sempoi dan kasar dapat menarik minat mereka untuk membaca yang dirasakan sesuai untuk pembacaan. Jika dilihat, Buku Indie bukanlah sesuatu yang membosankan untuk dibaca, tetapi dapat menarik golongan muda untuk

membaca dan sekali gus dapat meningkatkan motivasi membaca dalam kalangan mereka.

[upsi/catatanpelajar/CT26:. 2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie dapat meningkatkan motivasi membaca. Hal ini kerana gaya penulisan yang mudah dapat menarik minat generasi muda untuk membaca.

[upsi/catatanpelajar/CT27:.2017]

Pada pendapat saya Buku Indie dapat meningkatkan motivasi membaca kerana anak muda lebih sukaan pembacaan yang sempoi serta isi yang tidak padat. Ramai di kalangan anak muda yang gemar membaca dan minat membaca Buku Indie ini kerana inti pati yang terkandung dalam penulisan Buku Indie ada kalanya sering berkaitan dengan diri mereka dan membawaikan idea baru kepada mereka.

[upsi/catatanpelajar/CT30:.2017]

#### **4.7.1.1.3 Penyampaian idea dalam pelbagai bentuk**

Peserta kajian juga mencatatkan bahawa Buku Indie merupakan buku yang mempunyai pelbagai bentuk dan genre. Oleh demikian, penyampaian idea juga dalam pelbagai bentuk yang secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi pembaca. Berikut adalah catatan pelajar:

Pada pendapat saya ya. Kerana motivasi membaca dapat dipupuk jika buku itu menepati selera dan jiwa pembaca. Buku Indie merangkumi pelbagai genre yang mampu menepati mana-mana selera pembaca. Ada pembaca yang tidak sukaan buku yang terlalu berat.

[upsi/catatanpelajar /CI9:.2017]

Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca. Ini kerana cara penyampaian jalan cerita yang tidak meleret-leret maka ia dapat menarik minat seseorang pembaca untuk lebih ingin mengetahui apa yang terjadi seterusnya. Pembaca yang gemar akan buku ilmiah akan mudah tertarik dengan Buku Indie kerana sesetengah Buku Indie mengupas apa realiti hidup zaman sekarang dan apa yang berlaku di sekeliling kita tanpa kita sedari.

[upsi/catatanpelajar/CI17:.2017]

Ya, Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca kerana rekaan kulit muka Buku Indie yang menarik boleh menyebabkan pembaca tertarik untuk membeli Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI34:.2017]

Pada pandangan saya, melalui Buku Indie, banyak maklumat-maklumat penting yang boleh diambil dan dijadikan sebagai panduan kepada pembaca di samping dapat meningkatkan motivasi intrinsik terhadap pembaca untuk membaca Buku Indie. Selain itu, keadaan ini juga dapat mewujudkan sikap harmoni sesama kaum iaitu, dapat membantu penerbit buku- Buku Indie dalam mempromosikan kewujudan Buku Indie di pasaran.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Pada fahaman saya, Buku Indie juga dapat meningkatkan motivasi membaca kerana mereka akan lebih gemar membaca daripada mereka tidak suka membaca. Bagi mereka Buku Indie merupakan satu buku yang tidak akan sama seperti buku-buku lain yang mereka baca.

[upsi/catatanpelajar/CT21:.2017]

#### **4.7.1.1.4 Mudah dimiliki**

Berdasarkan catatan pelajar, Buku Indie mempunyai ciri mudah dimiliki yang secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi pembaca. Bahkan, ia akan menyebabkan pembaca lebih bersemangat untuk membacanya. Berikut merupakan dapatan kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie ini sememangnya dapat mempertingkatkan motivasi pembaca khususnya dalam kalangan generasi muda. Situasi ini berlaku disebabkan Buku Indie ini mudah dimiliki khususnya golongan remaja.

[upsi/catatanpelajar/CI15:.2017]

Buku ini meningkatkan motivasi membaca mereka kerana buku ini bertujuan untuk menyemarakkan motivasi membaca dalam kalangan pembaca khususnya anak-anak muda. Buku tidak bersifat lapuk ini memotivasi pembaca agar menghabiskan pembacaan mereka hingga ke muka surat yang terakhir.

[upsi/catatanpelajar/CT3:.2017]

Jalanlah ke mana sahaja atau berkunjunglah ke pesta buku, buku-buku daripada penerbit Indie inilah yang terus diselak dan dijinjing oleh pembaca muda di mana-mana sahaja. Peningkatan jumlah penerbitan buku di Malaysia menjadi indikator kepada peningkatan dalam bilangan pembaca. Maka boleh disimpulkan bahawa Buku Indie dapat meningkatkan motivasi membaca.

[upsi/catatanpelajar/CT7:.2017]

#### **4.7.1.1.5 Reka bentuk buku yang menarik**

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa reka bentuk buku yang menarik juga dapat menarik minat pembaca untuk membaca buku. Secara tidak langsungnya reka bentuk buku ini boleh meningkatkan motivasi dalam kalangan pembaca. Menurut peserta kajian:

Buku Indie secara langsung dapat mempertingkatkan motivasi membaca kerana kebanyakan buku-buku Indie ini sangat menarik daripada kulit depan, tajuk dan tentulah jalan cerita yang tidak kita duga.

[upsi/catatanpelajar/CI26:.2017]

Secara umumnya, Buku Indie dapat meningkatkan motivasi membaca. Hal ini kerana Buku Indie mempunyai kelainan tersendiri. Jika dinilai dari sisi positif, karya-karya seumpama ini katanya memberi kelainan daripada aspek penerbitannya sendiri kerana reka bentuk dan persempahan yang lebih menarik, pengisian (banyak karya Indie yang bercerita mengenai masyarakat di bandar yang dilihat sesuai dengan kelompok pembaca yang di sasar mereka iaitu belia dan golongan remaja) serta daripada aspek genre.

[upsi/catatanpelajar /CT18:.2017]

#### **4.7.1.2 Tidak meningkatkan motivasi**

Kedapatan mahasiswa UPSI berpandangan bahawa Buku Indie tidak meningkatkan motivasi. Alasan rasional yang dikemukakan adalah Buku Indie didapati mempunyai unsur negatif dan tidak menginsafkan pembaca.

##### **4.7.1.2.1 Unsur Negatif**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sesetengah Buku Indie tidak dapat meningkatkan motivasi membaca. Dengan unsur negatif yang diselitkan dalam Buku Indie, ia tidak akan dapat meningkatkan motivasi pembaca. Menurut peserta kajian:

Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan motivasi membaca kerana banyak budaya negatif yang di ceritakan dalam buku tersebut untuk mempengaruhi pembaca untuk berbuat sedemikian. Dalam hal ini, kelihatan gaya penulisan

Buku Indie adalah bersifat memberontak agresif, luar dari kebiasaan sastera arus perdana yang terikat dengan etika penulisan dan penerbitan.

[upsi/catatanpelajar/CT23:.2017]

Membaca dapat mempertingkatkan motivasi membaca. Malah tidak dinafikan sumbangan Buku Indie kepada industri buku tempatan, namun begitu, lambakan bahan bacaan seperti Buku Indie akan menyebabkan runtuhnya nilai-nilai keagamaan serta kebudayaan timur dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CT29:.2017]

#### **4.7.1.2.2 Tidak menginsafkan**

Terdapat mahasiswa UPSI berpandangan Buku Indie tidak dapat meningkatkan motivasi pembaca kerana Buku Indie tiada matlamat untuk menginsafkan pelajar. Catatan pelajar menyebut:

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat meningkatkan motivasi pembaca. Hal ini kerana tidak ada sebarang agenda atau peristiwa yang membawa kepada menginsafi diri serta sesuatu yang dapat meningkatkan keyakinan pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT8:.2017]

#### **4.7.2 Perasaan Rasa Berdosa Dan Tidak Setuju**

Berdasarkan temu bual, semua peserta kajian berpendapat buku-buku Indie ini tidak mengajar perasaan berdosa dan tidak bersetuju dengan dosa. Namun buku-buku Indie boleh dijadikan sebagai pendorong untuk pembaca berfikir sendiri tentang perasaan berdosa dan tidak bersetuju berdasarkan penceritaan dalam buku tersebut. Dapatkan temu bual adalah sebagaimana berikut:

Peserta Kajian 1: Mengelakkan dari buat dosa tu tak ada la. Saya tak pasti, saya rasa tak ada sebab dia lebih banyak untuk cara kita berfikir, lebih ini. tapi kalau orang yang menerima itu pun kalau dia memang ada hati, memang nak buat dosa tu memang buat dosa juga la.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Peserta Kajian 3: Lebih kurang gitu la, kita baca tapi itu bergantung kepada kita sama ada menerima atau tak kita fikirkan lepas tu, kita baca dulu. Kita

baca benda-benda ni, kita boleh atau tak itu no 2, kita baca dulu. Kalau rasa dosa tu tak da la..

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Peserta Kajian 2: Rasa berdosa ni kita tengok buku juga, kalau kita contoh baca Buku Indie ni untuk ke arah ketuhanan jadi kita akan rasa berdosa la..macam saya baca Dakwah Sentap.. aaa... kalau kita baca kita akan rasa ya la.. rasa berdosa juga, rasa insaf.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Peserta Kajian 4: Tapi dalam buku tu, dia tidak bercerita pasal dosa dan pahala. Sebab dia kritik secara terbuka, bila terbuka ni dia macam tak kisah pun keadaan dosa tu macam mana.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Melalui analisis buku, didapati majoriti Buku Indie di pasaran mengajar dalam perasaan rasa berdosa dan tidak bersetuju. Peratusan dapat ditunjukkan melalui carta berikut:



Rajah 12: Peratusan Buku Indie Mengajar Perasaan Berdosa dan Tidak Bersetuju

#### **4.7.2.1 Mengajar rasa berdosa dan tidak setuju**

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa Buku Indie juga dapat mengajar perasaan berdosa dan tidak bersetuju terhadap dosa. Catatan pelajar menunjukkan hal

ini kerana terdapat Buku Indie yang memberi teladan dan pengajaran kepada pembaca. Menurut peserta kajian:

Buku Indie dapat mengajar rasa perasaan rasa berdosa dan tidak setuju. Apabila kita membaca sebuah Buku Indie, terdapat pelbagai kisah dan teladan yang kita temui.

[upsi/catatanpelajar/CT15:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie sememang dapat mengajar kita untuk mempunyai perasaan berdosa dan ada juga yang mengajar untuk perasaan tidak bersetuju lebih-lebih lagi kepada sesuatu yang melanggar hukum agama kita.

[upsi/catatanpelajar/CT27:.2017]

Buku Indie Islamik yang bertajuk Tarbiah Sentap begitu mengajar pembaca perasaan rasa berdosa di atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan pada masa silam.

[upsi/catatanpelajar/CT28:.2017]

Pada pandangan saya, karya Buku Indie iaitu Aku Bukan Ustak Yutiub oleh Mufarwa Farid yang telah saya baca dapat menimbulkan perasaan rasa berdosa dan tidak setuju dengan sesetengah isu yang berlaku seperti isu individu yang sering cetepek pemikirannya tentang hal agama Islam dan sering merumitkan perkara yang sememangnya mudah dalam Islam.

[upsi/catatanpelajar/CT32:.2017]

#### **4.7.2.2 Tidak mengajar rasa berdosa dan tidak setuju**

Kedapatan mahasiswa UPSI berpandangan bahawa Buku Indie tidak mengajar rasa berdosa dan tidak setuju dengan dosa. Rasional yang dikemukakan oleh mahasiswa UPSI adalah Buku Indie meruntuhkan nilai keagamaan dan norma masyarakat, bersikap bebas mengkritik dan berunsur negatif. Walaupun demikian, kedapatan mahasiswa UPSI lebih cenderung menyatakan perasaan berdosa adalah bergantung kepada individu bukan Buku Indie yang menentukannya.

#### **4.7.2.2.1 Meruntuhkan nilai keagamaan**

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kedapatan peserta kajian yang tidak bersetuju bahawa Buku Indie mengajar perasaan berdosa dan tidak bersetuju. Peserta kajian berpendapat bahawa perkara itu diajar oleh pendidikan agama, bukannya Buku Indie. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, saya tidak bersetuju bahawa Buku Indie dapat mengajar perasaan rasa berdosa dalam diri masyarakat. Hal ini kerana, seseorang manusia yang mempunyai perasaan rasa berdosa disebabkan mempunyai pegangan agama. Tetapi nampaknya Buku Indie telah meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CT24:.2017]

#### **4.7.2.2.2 Kebebasan mengkritik**

Peserta kajian juga berpendapat bahawa Buku Indie yang bersifat kebebasan mengkritik yang tidak akan mewujudkan perasaan dosa dan rasa bersalah. Menurut peserta kajian:

Sifat atau kriteria sastera Indie sendiri yang ditandai dengan kebebasan berfikir, idea yang tidak dikawal, tanpa ikatan peraturan, bebas dari sebarang hukum-hakam penerbitan atau norma hidup menjadikan Buku Indie sukar untuk menerapkan perasaan rasa berdosa dan tidak setuju dalam diri pembaca. Tetapi tidak semua Buku Indie bersifat lucah, bahasa kasar kerana wujud juga buku yang Indie yang bersifat Islamik dan ilmiah.

[upsi/catatanpelajar/CT7:.2017]

Ada sesetengah Buku Indie yang mengajar perasaan berdosa namun kebanyakannya Buku Indie yang diterbitkan adalah lebih menjurus kepada ideologi kebebasan dan membentuk sifat tidak setuju dalam golongan pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT9:.2017]

Buku Indie tidak dapat mengajar manusia perasaan berdosa. Hal ini kerana, seperti yang telah dijelaskan bahawa penulisan Buku Indie banyak menggunakan perkataan kasar dan perkataan yang tidak sesuai.

[upsi/catatanpelajar/CT12:.2017]

Saya berpendapat Buku Indie tidak mengajar manusia tentang perasaan rasa berdosa dan tidak setuju kerana banyak karya atau penulisan Buku Indie yang mengkritik melalui sindiran dan perkataan kasar serta lucah mengenai satu-satu institusi tanpa rasa bersalah dan berdosa. Buku Indie juga banyak menceritakan mengenai sesuatu yang boleh menjatuhkan agama terutamanya agama Islam.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Pada pandangan saya Buku Indie tidak dapat mengajar perasaan rasa berdosa dan tidak setuju kerana kebanyakan penulis yang menulis Buku Indie ini lebih mementingkan pemikiran dan nafsu mereka untuk melontarkan idea secara bebas tanpa memikirkan hukum hakam yang ada serta pandangan orang lain.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

#### **4.7.2.2.3 Berunsur negatif**

Kedapatan peserta kajian juga berpandangan Buku Indie yang berunsur negatif mendorong kepada ciri tidak mengajar dalam perasaan dosa dan tidak bersetuju.

Menurut peserta kajian:

Buku Indie tidak dapat mengajar perasaan rasa berdosa. Hal ini kerana, penulis Buku Indie bebas berkarya tanpa sekatan dengan penulisan yang menggunakan kata-kata kesat, lucah, dan seks. Ini akan turut mempengaruhi tingkah laku pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

Saya amat setuju bahawa Buku Indie mengajar perasaan berdosa dan tidak setuju. Hal ini kerana, pemikiran para penulis yang diresapi oleh anasir-anasir menyeleweng.

[upsi/catatanpelajar/CT20:.2017]

Hal yang demikian kerana tidak semua Buku Indie itu buku yang hanya menghuraikan sesuatu nilai yang tidak baik malah terdapat juga sesetengah Buku Indie yang mempunyai maksud dan nilai yang tersendiri juga boleh dijadikan contoh dalam kehidupan. Tetapi, melalui Buku Indie ini juga pembaca dapat mempelajari sesuatu gejala yang tidak sihat seperti melakukan hubungan terlarang, pergaulan bebas dan sebagainya. Oleh sebab itu Buku Indie ini kurang mendapat sambutan oleh pihak penerbit dan hanya penerbit tertentu sahaja yang mahu menerbitkan buku- Buku Indie tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CT21:.2017]

#### **4.7.2.2.4 Penilaian sendiri**

Berdasarkan catatan pelajar, peserta kajian juga mencatatkan bahawa penentuan perasaan dosa dan tidak bersetuju itu sangat bergantung penilaian sendiri pembaca dan bukan Buku Indie. Menurut peserta kajian:

Ada sesetengah Buku Indie yang mengajar perasaan berdosa. Tetapi sebenarnya penulisan Buku Indie ini lebih menjurus kepada keruntuhan akhlak. Untuk menilai perasaan berdosa atau tidak sesuatu perbuatan tersebut sebenarnya atas diri individu itu sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

Ini bergantung dengan diri individu tersebut sama ada ingin mengambil isu itu ke arah positif ataupun negatif.

[upsi/catatanpelajar/CT10:.2017]

#### **4.7.3 Rasa Berkepentingan**

Item ketiga dalam keperibadian manusia adalah percaya pada pegangan yang kemudiannya diubah kepada soalan percaya kepada kepentingan diri dan orang lain. Soalan ini diubah agar responden dapat memahami maksud pegangan ini merupakan pegangan keperibadian yang bukan pegangan kepercayaan agama.

Berdasarkan temu bual, peserta kajian 1, 3 dan 4 menyatakan bahawa Buku Indie boleh mengajar dan memupuk rasa berkepentingan terhadap diri dan orang lain. Kedapatan buku yang mengajar untuk kita jangan pentingkan diri sendiri dan dalam pada masa yang sama memberi kepentingan kepada orang lain juga. Namun peserta kajian 3 berpendapat penulis Buku Indie lebih mementingkan diri sendiri. Menurut:

Kalau peribadi, saya anggap lepas baca Buku Indie ni dapat rasa yang... sebab dia kadang-kadang mengangkat golongan yang selama ini disisih masyarakat, Ibrahim banyak menulis tentang Mak Nyah, jadi selepas membaca, kita boleh lebih hargai mereka-mereka yang selama ni disisihkan.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Dia meningkatkan kita punya keyakinan juga sebenarnya. Untuk rasa penting la. Penting dengan diri sendiri kan. Sebab arrr... ia meningkatkan ilmu, maknanya mungkin tak sampai tahap ilmu la, mungkin maklumat la. Kita dah tau macam-macam, kita rasa diri kita penting. Aaa... macam saya pun lepas

saya banyak bergaul dengan buku-buku Indie ni, ramai yang mula datang merujuk, dan sebagainya. Jadi saya banyak menggunakan macam saya gunakan dalam debat, saya gunakan fakta-fakta dari Buku Indie. Jadi saya antara orang yang paling banyak dirujuk untuk dapatkan maklumat macam tu la.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Saya rasa *balance* sebab... ada yang memfokuskan... Buku Indie ini mengajar supaya kita jangan pentingkan diri sendiri,

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

bagi saya dua-dua. Sebab apa, mula-mula dia kritik kerajaan untuk kepentingan diri untuk menggulingkan kerajaan, untuk menjatuhkan kerajaan. Itu kepentingan peribadi.. kepentingan masyarakat atau orang lain bagaimana bila kita.. bila kutuk tu tunjuk kelemahan dia, kita hadirkan apa alternatif untuk kita kutuk tu. Kiranya masyarakat dapat juga apa kebaikan daripada apa yang dia kritik tu.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

kita tengok penulis dia sendiri, penulis dia sendiri mementingkan diri. ada.. dia banyak kalau contoh apa ni.. masyarakat sekarang kalau dia disisih oleh sistem-sistem kerajaan.. contoh TPPA dia mengkritik dasar kerajaan TPPA.

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Dapatan kajian menunjukkan Buku Indie dapat memupuk rasa berkepentingan terhadap diri atau orang lain. Peratusan menyokong kenyataan tersebut adalah lebih tinggi berbanding menentangnya. Peratusan dapat dijelaskan melalui carta berikut:



Rajah 13: Peratusan Buku Indie yang Mengajar Kepentingan Diri atau Orang Lain

#### **4.7.3.1 Mengajar rasa berkepentingan**

Melalui dapatan catatan pelajar, kebanyakan mahasiswa UPSI beranggapan Buku Indie dapat menimbulkan rasa kepentingan diri dan orang lain. Empat faktor dikemukakan mahasiswa UPSI iaitu Buku Indie dapat menyemai perasaan penyayang, perasaan kepedulian dan memberi pengajaran.

##### **4.7.3.1.1 Penyayang**

Berdasarkan dapatan kajian, peserta kajian menunjukkan bahawa Buku Indie dapat mengajar rasa berkepentingan terhadap diri atau orang lain. Hal ini dapat dilihat melalui sifat penyayang yang dimasukkan dalam sesuatu karya Indie. Menurut peserta kajian:

Buku Indie banyak menimbulkan kesedaran moral, sosial, politik kepada pembaca-pembaca dalam membantu mereka membina kekuatan diri dan perkembangan personal mereka. Malah, Buku Indie juga menunjukkan nilai penyayang atau *caring* yang amat penting dalam kehidupan manusia.

[upsi/catatanpelajar/CI13:.2017]

Selain itu, melalui pembaca Buku Indie kita dapat belajar untuk meletakkan kehendak orang lain lebih utama dari kehendak kita sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CI18:.2017]

Buku ‘Kitab Bapa Kedekut’ mengajar pembaca agar sentiasa mempunyai perasaan berkepentingan terhadap diri dan orang lain serta saling menyayangi dan menghargai antara satu sama lain.

[upsi/catatanpelajar/CT1:.2017]

Pendek kata, Buku Indie banyak mengajar kita supaya bersifat rasa berkepentingan kepada diri sendiri dan orang lain. Setiap insan untuk dihargai dan menghargai satu sama lain. Dalam usaha untuk mencari erti sesebuah kehidupan, terdapat pelbagai kesalahan langkah, arah dan fikiran. Oleh itu, kita haruslah belajar daripada kesilapan tersebut dan cuba untuk menjadi yang terbaik demi diri sendiri dan juga orang lain.

[upsi/catatanpelajar/CT16:.2017]

#### **4.7.3.1.2 Kepedulian**

Berdasarkan catatan pelajar, peserta kajian telah mencatatkan bahawa sifat kepedulian sering ditunjukkan oleh penulis dalam karyanya. Hal ini menunjukkan bahawa Buku Indie juga mengajar rasa berkepentingan kepada diri sendiri dan orang lain. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie ini sangat mengajar kita untuk rasa berkepentingan terhadap diri atau orang lain. Hal ini dapat dibuktikan apabila terlalu banyak buku yang ingin menyuarakan rasa tidak puas tentang kesusahan rakyat di Malaysia. Setiap sindiran-sindiran dan tegur-teguran yang diberikan oleh penulis sangat tepat dan padat. Sekiranya seseorang itu mempunyai tahap sensitiviti yang tinggi pasti akan merasai atau tersentuh setiap sindiran yang dilontarkan.

[upsi/catatanpelajar/CI2:.2017]

Berdasarkan keadaan tersebut, jelas menunjukkan bahawa penulisan Buku Indie mendidik seseorang untuk bebas mengutarakan pandangan mereka untuk kepentingan diri mereka atau orang lain sehingga kadang kala ianya memudaratkan sesuatu pihak yang lain.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Pada hemat saya, Buku Indie ini memang secara tidak langsung dapat mengajar seseorang untuk rasa berkepentingan terhadap diri atau orang lain. Buku ini boleh memberi inspirasi untuk kita sering melakukan kebaikan.

[upsi/catatanpelajar/CI20:.2017]

Buku Indie sebenarnya mengajar kita untuk rasa berkepentingan terhadap diri dan orang lain. Hal ini demikian kerana penulis Buku Indie tersebut ada menyentuh tentang kepentingan kita menghormati diri sendiri dan orang lain.

[upsi/catatanpelajar/ CT25:.2017]

#### **4.7.3.1.3 Pengajaran**

Pada pendapat peserta kajian, Buku Indie diselitkan dengan pelbagai pengajaran yang membawa ke arah rasa berkepentingan kepada diri atau orang lain. Berdasarkan peserta kajian:

Jelas menunjukkan bahawa Buku Indie ini berkepentingan untuk diri dan orang lain di mana, kepentingan untuk diri ialah penulis bebas untuk meluahkan pandangan dan pengalaman hidup mereka tanpa ada batasan. Manakala, kepentingan terhadap orang lain adalah kita sebagai pembaca boleh mengambil iktibar atau pengajaran berdasarkan penulisan mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI5:. 2017]

Karya ini juga telah memberikan suatu pengajaran buat pembaca agar lebih menghargai diri dan orang lain serta bertanggungjawab dalam pegangan agama yang menjadi tunjang dalam kehidupan.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

Bagi saya, Buku Indie banyak mengajar kita bahawa setiap manusia mempunyai peranan masing-masing dalam kehidupan. Oleh itu, kita saling memerlukan antara satu sama lain kerana setiap kita mempunyai kekurangan dan kelebihan yang berbeza-beza. Maka, melalui perbezaan itulah wujudnya keperluan untuk saling melengkapi antara satu sama lain.

[upsi/catatanpelajar/CI26:.2017]

Pada pandangan penulis, Buku Indie ada menyampaikan mesej dalam mengajar untuk rasa berkepentingan terhadap diri dan orang lain. Karya Indie juga menanamkan sikap menyamaratakan orang lain sebagai makhluk yang dilahirkan sama, saling menghargai dan tetap menghormati tidak mengira kedudukan atau ilmu yang dimiliki.

[upsi/catatanpelajar/CI28:.2017]

Mengikut pendapat saya, bahan-bahan yang terdapat dalam Buku Indie telah berjaya menapak di hati pembaca setanding dengan syarikat penerbitan buku yang lebih besar dan lama bertapak di industri perbukuan di negara ini. Tambahan pula, isu semasa yang diketengahkan di dalam kandungan Buku Indie telah mengajar pembaca berkaitan dengan kepentingan terhadap diri atau orang lain seperti karya yang diterbitkan oleh Melati Rahim iaitu seorang ahli DAP yang berani menyuarakan suara wanita melalui penerbitan Buku Indie beliau.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Rasa kepentingan terhadap diri sendiri dan orang lain dapat kita diperoleh melalui jenis-jenis Buku Indie yang menebarkan pelbagai iktibar untuk dijadikan contoh dalam kehidupan kita di dunia ini. nilai ini begitu penting untuk diaplikasikan kerana tanpa nilai ini, seseorang itu tidak mungkin akan maju.

[upsi/catatanpelajar/CT31:.2017]

#### **4.7.3.2 Hanya mengajar rasa berkepentingan terhadap diri bukan orang lain**

Namun begitu, ada juga peserta kajian berpendapat bahawa Buku Indie ini hanya mengajar kepada kepentingan diri sendiri sahaja. Ia tidak melibatkan orang lain. Berdasarkan catatan peserta kajian:

Buku Indie tidak mengajar untuk merasa kepentingan orang lain sebaliknya lebih mengajar kepada kepentingan diri. Para penulis bebas dalam menulis secara bebas tentang apa yang mereka rasakan terhadap keadaan masyarakat masa kini tanpa memikirkan implikasi hasil daripada penulisan mereka.

[upsi/catatanpelajar/CT7:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie mengajar untuk rasa berkepentingan terhadap diri sendiri daripada orang lain. Ini kerana kita haruslah mengutamakan diri kita dahulu berbanding orang lain. Bukan kerana *selfish* tetapi hanya kita yang memahami apa yang diri kita inginkan dan bukan orang lain. Hanya kita yang mengetahui apa yang terbaik untuk kita. Jika selamanya hanya mendengar kata orang lain sahaja, sampai bila-bila kita tidak akan maju.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

Sememangnya Buku Indie mengajar untuk rasa berkepentingan terhadap diri sendiri. Ini adalah kerana ia banyak menekankan aspek individu dalam isi kandungannya. Sifat kebebasan yang sentiasa ditonjolkan dalam hampir semua jenis Buku Indie membuktikan bahawa seseorang itu mempunyai haknya yang tersendiri dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak ada yang boleh menghalangnya untuk berbuat sedemikian.

[upsi/catatanpelajar/CT14:.2017]

Rasa berkepentingan terhadap diri atau sikap pentingkan diri sendiri ialah hanya memikirkan keperluan dan keinginan sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT15:.2017]

Buku Indie mengajar untuk rasa berkepentingan terhadap diri tetapi tidak orang lain. Hal ini keran penulisan Buku Indie yang bersifat bebas dan hanya mengutamakan perasaan dan idea diri sendiri tanpa memikirkan sensitiviti orang lain.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

Penerbitan Buku Indie ini merupakan suatu penerbitan yang bebas. Sesiapa sahaja boleh menulis buku mengikut kehendak masing-masing tanpa sebarang kawalan dan tapisan. Oleh itu Buku Indie ini lebih mementingkan kepentingan terhadap diri sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT22:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie lebih berkepentingan terhadap diri sendiri sahaja. Hal ini, apabila seseorang penulis ingin menerbitkan Buku Indienya sudah tentu dia akan menjadikan sasaran kepada pembacanya yang membeli buku tersebut dan membuka minda pembaca tersebut untuk mengikuti pemikiran yang sama terhadap penulis itu sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT23:.2017]

#### **4.7.4 Menyayangi atau Menghargai Diri atau Orang Lain**


Item keempat ini adalah kemegahan dan kendiri yang diubah kepada rasa sayang kepada diri sendiri dan orang lain. Item ini diubah bagi memudahkan responden memberi jawapan berdasarkan Buku Indie yang dibaca.

Melalui temu bual, peserta kajian menyatakan ada Buku Indie yang mengajar untuk menyayangi dan menghargai diri atau orang lain. Terdapat buku yang bukan hanya menyentuh tentang menyayangi diri, tetapi lebih memberi tumpuan kepada menyayangi dan menghargai orang lain.

Peserta Kajian 4: macam saya cakap tadi la, buku Gadis Anggerik, cinta bukan hanya daripada satu sudut ja, macam saya cakap banyak sudut, ekonomi, politik, sosial. Contohnya perkara pertama macam mana dia patut cinta pada diri sendiri, lepas kita cintakan diri sendiri, bagaimana kita mampu untuk mencintai orang lain.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Berdasarkan dapatan analisis Buku Indie, majoriti Buku Indie di pasaran telah menyokong terhadap menyayangi dan menghargai diri atau orang lain. Peratusan dapat ditunjukkan melalui carta berikut:



Rajah 14: Peratusan Buku Indie yang Menghargai Diri atau Orang Lain

#### **4.7.4.1 Mengajar menyayangi atau menghargai**

Mahasiswa UPSI berpandangan bahawa Buku Indie mengajar menyayangi dan menghargai diri atau orang lain. Tiga alasan rasional yang dikemukakan iaitu Buku Indie mengajar sikap saling bergantungan antara satu sama lain, memberi pengajaran dan nasihat agar menghargai diri dan orang lain, dan membawa nilai kemasyarakatan.

##### **4.7.4.1.1 Saling bergantungan**

Catatan pelajar juga menunjukkan bahawa Buku Indie mengajar pembaca agar saling bergantungan antara satu sama lain. Ianya secara tidak langsung dapat memupuk sikap menyayangi dan menghargai diri atau orang lain. Berdasarkan catatan pelajar:

Sememangnya Buku Indie mengajar untuk menyayangi atau menghargai diri atau orang lain. Menerusi buku ini, menampakkan sikap saling bergantungan dan secara tidak langsung mengajar seseorang untuk menyayangi atau menghargai.

[upsi/catatanpelajar/CI20:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie mengajar untuk menyayangi dan menghargai diri sendiri dan bukan orang lain. Hal ini kerana, tidak semua orang di sekeliling kita boleh menerima apa yang kita lakukan dan sebab di sebalik perlakuan tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CT13:.2017]

#### **4.7.4.1.2 Memberi pengajaran dan nasihat**

Dapatkan juga menunjukkan bahawa Buku Indie yang berbentuk pengajaran dan nasihat mampu untuk mengajar menyayangi dan menghargai diri dan orang lain. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie mengajar kita untuk menyayangi atau menghargai diri atau orang lain. Hal ini demikian kerana, di dalam karya Buku Indie juga terdapatnya kisah-kisah yang mengajar kita cara untuk menyayangi dan menghargai diri atau orang lain.

[upsi/catatanpelajar/CI3:.2017]

Ada sesetengah Buku Indie yang memaparkan kisah yang memberikan pengajaran dan teladan kepada masyarakat. Nilai menyayangi atau menghargai diri atau orang lain juga dapat diketengahkan dalam hal ini.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Ya, ianya mengajar pembaca untuk menyayangi dan menghargai diri atau orang lain, oleh kerana setiap penulisan Buku Indie ini mempunyai nilai murni yang tersendiri yang boleh diguna pakai dalam kehidupan.

[upsi/catatanpelajar/CI22:.2017]

Pertama karya Indie pada pandangan penulis bertujuan untuk menghiburkan dan keduanya untuk memberi pengajaran, pesanan atau peringatan.

[upsi/catatanpelajar/CI28:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie bukan sahaja mengajar menyayangi dan menghargai diri, malah ia turut mengajar menyayangi dan menghargai orang lain. Hak ini demikian kerana, kandungan yang terdapat di dalam Buku Indie itu sendiri kebiasaannya menceritakan tentang keperluan diri pembaca itu dan juga orang yang terdapat di sekeliling pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CI30:.2017]

Buku Indie sememangnya mengajar kita untuk lebih menyayangi, menghargai diri sendiri mahupun orang lain. Terlalu banyak pengajaran yang ditinggalkan kepada pembaca untuk lebih berfikir melakukan sesuatu yang mendatangkan manfaat kepada diri sendiri ataupun tidak. Menyayangi dan menghargai diri

sendiri dengan menghindari perbuatan yang boleh merosakkan masa depan ada ditonjolkan di dalam Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI33:.2017]

Saya berpendapat Buku Indie mengajar manusia untuk menyayangi atau menghargai diri. Hal ini kerana, berdasarkan penulisan di dalam Buku Indie banyak mendidik dan mengajak manusia untuk melakukan perkara yang baik.

[upsi/catatanpelajar/CT11:.2017]

Saya berpendapat bahawa Buku Indie juga mengajar tentang sifat-sifat yang baik seperti saling menyayangi antara satu sama lain dan menghargai diri serta orang lain. Pembaca perlu menjadikan nilai murni tersebut sebagai contoh dalam kehidupan mereka setelah membaca Buku Indie tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CT20:.2017]

#### **4.7.4.1.3 Nilai masyarakat**

Peserta kajian juga mencatatkan bahawa nilai kemasyarakatan dalam Buku Indie dapat mengajar menyayangi dan menghargai diri dan orang lain. Menurut peserta kajian:

Seorang penulis menunjukkan penghargaan kepada orang yang berada di persekitarannya dengan cara menulis, menyanjung dan mengkritik untuk kepentingan bersama. Pendek kata, jelaslah Buku Indie merupakan satu medium masyarakat dalam membincangkan dan mempersoalkan hal berkaitan kehidupan mereka sebagai satu penghargaan terhadap diri mereka.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Buku Indie ternyata mengajar menyayangi atau menghargai diri daripada orang lain dengan menyatakan apa yang terbukti tanpa memikirkan kesan pada masa hadapan. Oleh itu, kita perlulah sentiasa diingatkan bahawa kita hidup bermasyarakat yang mementingkan adat dan budaya yang kekal sehingga sekarang.

[upsi/catatanpelajar/CT29:.2017]

#### **4.7.4.2 Tidak mengajar**

Namun demikian, terdapat peserta kajian yang berpendapat bahawa Buku Indie tidak dapat mengajar menyayangi diri dan orang lain kerana Buku Indie adalah bersifat

bertentangan dengan norma hidup masyarakat. Catatan pelajar adalah sebagaimana di bawah:


Pada pandangan saya, Buku Indie tidak mengajar menyayangi atau menghargai diri atau orang lain. Kebanyakan karya adalah bebas dan digambarkan seseorang itu mempunyai perilaku yang bertentangan dengan norma hidup.

[upsi/catatapelajar/CT18:.2017]

#### **4.7.5 Mengenai Baik Dan Buruk**

Item kelima pula berkenaan terminologi khas diubah dan dikhkususkan kepada pemahaman makna baik dan buruk. Pemilihan soalan sebegini adalah kerana terminologi bagi bidang moral adalah berkait dengan nilai baik dan buruk. Oleh demikian, terminologi moral yang berkaitan baik dan buruk sahaja yang dipilih.

Berdasarkan dapatan kajian melalui analisis Buku Indie, majoriti Buku Indie mampu untuk mengajar mengenai baik dan buruk sesuatu perkara. Pecahan peratusan Buku Indie yang disemak adalah sebagaimana berikut:



Rajah 15: Peratusan Buku Indie yang Mengajar Baik Buruk

#### **4.7.5.1 Mengajar mengenai baik dan buruk**

Kedapatan mahasiswa UPSI berpandangan Buku Indie dapat mengajar mengenai Baik dan Buruk. Buku Indie didapati mempunyai nilai, pengajaran, contoh dan teladan yang baik yang dapat mengukuhkan dakwaan Buku Indie dapat mengajar mengenai Baik dan Buruk.

##### **4.7.5.1.1 Nilai dan pengajaran**

Nilai dan pengajaran dalam Buku Indie sering ditonjolkan oleh penulis dalam karya mereka. Nilai dan pengajaran ini mampu untuk mengajar mengenai baik dan buruk tentang sesuatu perkara. Berdasarkan pendapat peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie mengajar kita mengenai baik dan buruk. Hal ini demikian kerana dalam Buku Indie banyak penulis menceritakan berdasarkan pengalaman hidup mereka sendiri, apa yang mereka rasai dan apa yang berlaku kepada mereka dan akhirnya apa yang terjadi kepada mereka sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CI4:.2017]

Hal ini demikian kerana, kebanyakan Buku Indie yang berada di pasaran juga amat mementingkan soal nilai dan pengajaran dan apa yang boleh saya katakan di sini ialah Buku Indie mengajar pembaca mengenai baik dan buruk.

[upsi/catatanpelajar/CI11:.2017]

Pada pendapat saya, tidak semua buku-buku Indie menyajikan hasil karya yang dianggap negatif dan dipandang rendah serta dianggap sebagai ‘sampah’ dalam bidang penulisan. Terdapat juga karya-karya Indie yang berbentuk Islamik dan mengajar pembaca mengenai baik dan buruk sesuatu tindakan, pilihan serta belajar untuk membuat keputusan dalam sesuatu perkara.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

Ya. Buku Indie banyak mengenai baik dan buruk dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana terdapat buku yang menyampai idea mengenai perkara baik dan buruk dalam kehidupan. Kebanyakan Buku Indie yang mengajar baik dan buruk adalah lebih kepada penulisan berbentuk keagamaan yang mengupas perkara baik dan buruk dalam kehidupan.

[upsi/catatanpelajar/CI18:.2017]

Tidak dapat dinafikan sesetengah Buku Indie mempunyai kebaikan yang tersendiri dan boleh dijadikan sebagai pengajaran dan pedoman mengenai sesuatu perkara.

[upsi/catatanpelajar/CI32:.2017]

Buku Indie membawa dua pengaruh iaitu yang pertama pengaruh baik dan kedua pengaruh buruk. Pengaruh baik boleh didapati melalui buku-buku motivasi.

[upsi/catatanpelajar/CT1:.2017]

Ya. Boleh dikatakan Buku Indie mampu mengajar baik dan buruk tentang sesuatu perkara atau isu yang dibincangkan dalam kandungannya. Berbalik pada sifat Buku Indie tersebut yang menginginkan kebebasan, jadi secara tidak langsung Buku Indie yang dikaryakan mempunyai niat yang baik dan buruk dalam menyampaikan sesuatu yang diinginkan oleh penulisnya.

[upsi/catatanpelajar/CT10:.2017]

Buku Indie dapat mengajar mengenai baik dan buruk dalam kehidupan berdasarkan penceritaan mereka yang mempunyai nasihat dan pedoman. Ia dapat mendorong kita melakukan lebih banyak kebaikan daripada keburukan di dunia ini. Jika kita melakukan kebaikan kita akan mendapat penghargaan dan disenangi orang di sekeliling kita.

[upsi/catatanpelajar/CT15:.2017]

Buku Indie mengajar mengenai baik dan buruk, bergantung kepada genre yang dibaca dan mesej yang disampaikan oleh penulis. Kehadiran Buku Indie boleh memberi kesan dalam meruntuhkan nilai-nilai murni dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan.

[upsi/catatanpelajar/CT18:.2017]

Sememangnya mengajar mengenai perkara yang baik dan meninggalkan kepada perkara yang buruk. Buku ini mengajar sambil mengingatkan kita tentang sesuatu perkara yang remeh tetapi kita sebagai manusia sering terlupa.

[upsi/catatanpelajar/CT27:.2017]

Kebanyakan penulis Buku Indie akan mengajar atau memberikan pengajaran yang baik walaupun plot penceritaannya penuh dengan fakta dan penggunaan bahasa yang kurang memuaskan. Namun begitu, ianya adalah luahan penulis. Tidak semua yang penulis Buku Indie ini sampaikan akan dipersetujui oleh para pembaca. Oleh itu, penilaian oleh pembaca juga perlu dan tidak boleh di ambil secara terus.

[upsi/catatanpelajar/CT28:.2017]

Melalui pembacaan buku Diagnosis 2 dan Aku bukan Ustak Yutiub, Buku Indie ini banyak memberi kebenaran dan kesedaran kepada saya mengapa sesuatu kehidupan itu perlu dijalani dengan niat kerana Ilahi.

[upsi/catatanpelajar/CT32:.2017]

#### **4.7.5.1.2 Contoh dan teladan**

Peserta kajian juga mencatatkan bahawa contoh dan teladan sering diselitkan dalam penulisan watak-watak dalam Buku Indie, sekali gus ia dapat mengajar mengenai Baik dan Buruk sesuatu perkara. Menurut peserta kajian:

Ya, bagi saya Buku Indie mengajar mengenai baik dan buruknya. Hal ini demikian kerana, Buku Indie banyak menunjukkan contoh dan teladan yang baik ataupun buruk. Tetapi, baik atau buruknya Buku Indie adalah bergantung kepada seseorang itu.

[upsi/catatanpelajar/CI3:.2017]

Buku Indie sangat mengajar mengenai baik dan buruk berdasarkan jalan cerita dalam buku tersebut. Namun terdapat jalan ceritanya yang baik dan menyimpan seribu makna kepada pembaca sekali gus mampu membawa pembaca berfikir sejenak akan pengajaran dan teladan cerita tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Seperti yang diketahui banyak pengajaran yang diperoleh dalam pembacaan Buku Indie. Buku Indie telah mengajar mengenai baik dan buruk terhadap kehidupan kepada individu itu dan ini dapat membantu seseorang itu dalam memperbaiki kehidupan daripada buruk kepada kehidupan yang baik.

[upsi/catatanpelajar/CT5:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie dapat mengajar baik dan buruk. Di dalam Buku Indie, terdapat baik dan buruk. Ianya bergantung kepada apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Jadi sebagai pembaca kita harus bijak membezakan baik dan buruk yang boleh diteladani.

[upsi/catatanpelajar/CT17:.2017]

Buku Indie mengajar mengenai baik dan buruk dengan cara penulisan mereka yang tersendiri. Penulisan mereka yang bersifat bebas, Indie, tersendiri sudah menunjukkan cara pandangan mereka yang tersendiri dan begitu berani untuk menerbitkan satu-satu karya yang menampilkan pendirian mereka yang tersendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT31:.2017]

#### **4.7.5.2 Tidak mengajar mengenai baik dan buruk**

Sebaliknya, kedapatan juga mahasiswa UPSI berpandangan bahawa Buku Indie tidak mengajar mengenai Baik dan Buruk. Sesetengah Buku Indie didapati berunsur negatif dan hiburan semata-mata menjadi faktor Buku Indie tidak mempunyai pengajaran berkenaan Baik dan Buruk.

##### **4.7.5.2.1 Unsur negatif**

Berdasarkan dapatan kajian, Buku Indie yang berunsur negatif yang tidak dapat mengajar mengenai baik dan buruk dalam sesuatu perkara. Menurut peserta kajian:

Tidak, kerana sebahagian penulis Buku Indie juga dilihat ada mempromosikan budaya yang bertentangan dengan nilai, lucah malah dengan sengaja melanggar penggunaan bahasa yang betul kerana ia seolah-olah sebagai syarat atau ramuan bagi menunjukkan identiti Indie itu sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CI13:.2017]

Buku Indie lebih kepada mengajar kepada buruk kerana gaya bahasa yang agak kasar dan lucah. Tetapi Buku Indie juga mengajar mengenai baik melalui jalan cerita yang disampaikan kerana ia berani untuk meluahkan apa yang berlaku dalam realiti kehidupan sama ada dari aspek pendidikan, politik, hidup bermasyarakat dan lain-lain lagi. Terdapat Buku Indie mengajar mengenai buruk.

[upsi/catatanpelajar/CI17:.2017]

Seperti yang sedia maklum, Buku Indie yang ditulis lebih bersifat lucah dan bebas memberi kesan dalam meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran dan mencabar sensitiviti masyarakat tempatan. Ini kerana, jika diteliti kandungan serta kualiti Buku Indie, mereka tidak mempedulikan kesan buruk tersebut, sebaliknya mereka mahu bebas menulis apa sahaja, termasuklah bebas menyentuh atau mengkritik aspek-aspek yang berkaitan dengan agama Islam.

[upsi/catatanpelajar/CI24:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie tidak mengajar baik dan buruk kerana Buku Indie merupakan buku Antithesis. Buku Antithesis ini lebih kepada keburukan dan tidak mengajar kita ke arah kebaikan.

[upsi/catatanpelajar/CI33:.2017]

Pada pandangan saya Buku Indie ini ada mengajarkan perkara yang baik dan buruk. Buruknya adalah dari segi mengajar menggunakan ayat yang agresif dan lucah melalui penulisannya. Perkara yang baik pula adalah dari segi dapat meningkatkan lagi minat membaca dalam kalangan pemuda dan pemudi masa kini.

[upsi/catatanpelajar/CT19:.2017]

Buku Indie ini mengajar kedua-duanya iaitu perkara baik dan juga perkara buruk. Mengapa saya mengatakan demikian kerana terdapat berbagai-bagai Buku Indie yang ditulis dan diterbitkan mempunyai pelbagai bentuk yang negatif seperti penggunaan bahasa yang kasar dan kurang sopan, bersifat agresif dan memberontak, berunsur lucah dan bertentangan dengan nilai budaya dan keagamaan.

[upsi/catatanpelajar/CT22:.2017]

Buku Indie tidak mengajar benda baik. Buku Indie dapat meruntuhkan akhlak seseorang kerana ia melibatkan isu agama Islam dan boleh membatalkan iman seseorang. Di mana buku yang di ceritakan oleh Benz Ali banyak melibatkan isu iaitu menolak sistem agama dan cuba bawa aliran pemikiran baru kepada pengikutnya.

[upsi/catatanpelajar/CT23:.2017]

Kebanyakan Buku Indie mengajar mengenai benda buruk kerana kebanyakan penyampaian isi Buku Indie berunsurkan kekerasan , agresif dan sebagainya. Justeru itu, dapat dilihat dengan kenyataan Aristotle yang kebaikan merujuk kepada kebahagiaan dan sebaliknya yang mana Buku Indie mengajar lebih ke arah keburukan.

[upsi/catatanpelajar/CT29:.2017]

#### **4.7.5.2.2 Hiburan**

Peserta kajian juga mencatatkan bahawa Buku Indie hanya bersifat hiburan dan ia tidak mengajar mengenai baik dan buruk. Berdasarkan catatan pelajar:

Tidak, Buku Indie tidak mampu untuk mengajar baik dan buruk, bagi pandangan saya, Buku Indie ini adalah warna kepada sastera penulisan di negara kita, ia menjadi salah satu bacaan hiburan dan tidak mampu untuk mengajar baik dan buruk, oleh kerana penulisannya kadang-kadang tidak mendasari mana-mana fakta, adakalanya ianya fantasi, jadi penulisan sebegini adalah satu hiburan dan kadang-kala perlu berhati-hati mengenai kebebasan dalam Buku Indie ini.

[upsi/catatanpelajar/CI22:.2017]

#### **4.7.6 Cara Menentukan Baik Dan Buruk**

Manakala item keenam iaitu percaya kepada justifikasi diubah kepada pengajaran penentuan baik dan buruk agar soalan ini mudah difahami responden. Melalui dapatan temu bual, peserta kajian 1, 2 dan 3 berpendapat baik dan buruk adalah atas penilaian pembaca itu sendiri dan bukan daripada Buku Indie. Pembaca haruslah mempunyai pegangan dan justifikasi sendiri tentang menentukan baik dan buruk sesuatu perkara. Buku Indie hanya menceritakan sesuatu perkara sahaja dan tidak menunjukkan cara untuk menentukan baik buruk. Menurut:

Peserta Kajian 1: Cara tu saya rasa tidak bergantung kepada maklumat kita dengan buku, cara itu adalah daripada kita sendiri aaa.. dengan pengalaman kita yang mungkin belajar agama dan sebagainya. Itu yang akan menetapkan. Sebab membaca kita tak diwajibkan bersetuju dengan buku yang kita baca, kita boleh menilai, betul atau tidak dengan apa yang disampaikan itu. Jadi Buku Indie mungkin boleh mengelirukan justifikasi itu, tapi dia bergantung pada individu yang membaca itu juga la.

[kolejzaba/trans1/temu bual/ R1.04.05.2017]

Peserta Kajian 3: Saya rasa bukan buku tu yang ajar kita, kita yang tetapkan sendiri. Sebab macam saya cakap kalau kita hendak membaca Buku Indie kita kena *start* dengan buku-buku yang ringan dulu. Jangan kita terus ke berat. Terus kita akan satu kita akan pening, dua kita akan terikut-ikut.

[kolejzaba/trans3/temu bual/ R3.04.05.2017]

Peserta Kajian 2: dia hanya menceritakan sahaja. Penentuan baik buruk itu atas kita sendiri. Kalau kita tu pegangan agama kuat, kita dapat. Kalau seorang tu tak da pegangan agama, jadi saya rasa agak.. agak tu la..

[kolejzaba/trans2/temu bual/ R2.04.05.2017]

Peserta Kajian 4: ok, dalam Buku Indie ni dia dah katakan perkara ini baik, perkara ini tak baik. Tapi walaupun itu dalam keadaan tidak baik, dia bagi justifikasi kenapa dia cakap macam tu.

[kolejzaba/trans4/temu bual/ R4.12.05.2017]

Dapatan melalui analisis Buku Indie menunjukkan bahawa Buku Indie di pasaran masih mengajar pembaca untuk mengenal dan menentukan baik dan buruk sesuatu perkara. Pecahan peratusan dapat ditunjukkan melalui carta berikut:



Rajah 16: Peratusan Buku Indie yang Mengajar Cara Menentukan Baik Buruk

#### **4.7.6.1 Mengajar penentuan baik dan buruk**

Buku Indie didapati dapat mengajar penentuan Baik dan Buruk. Alasan rasional yang diberikan adalah kedapatan Buku Indie mengandungi iktibar dan berunsur keagamaan.

##### **4.7.6.1.1 Iktibar**

Berdasarkan dapatan kajian, Buku Indie sering memberi iktibar kepada pembaca mengenai sesuatu perkara. Peserta kajian berpendapat iktibar ini akan membantu pembaca dalam menentukan baik dan buruk dalam sesuatu perkara.

Buku Indie mengajar cara menentukan baik kerana mereka yang membaca Buku Indie ini berkongsi cerita yang sama dengan rakan-rakan lain yang terus membaca novel-novel Indie dalam membidas dan berkongsi pengalaman membaca buku ini dari segi iktibar, mesej, nasihat dan juga rekaan kulit buku.

[upsi/catatanpelajar/CI5:.2017]

Penulisan Buku Indie sememangnya banyak memberikan pengajaran tidak kira dari segi kebaikan dan keburukan. Seperti mana yang diketahui Buku Indie banyak mendapat sambutan daripada golongan remaja. Melalui hasil penulisan buku ini remaja akan dapat mengenal pasti aspek-aspek yang baik maupun yang buruk.

[upsi/catatanpelajar/CT6:.2017]

#### **4.7.6.1.2 Unsur keagamaan**

Peserta kajian juga mencatatkan unsur keagamaan dapat diselitkan oleh penulis dalam karyanya yang mampu untuk mengajar pembaca dalam menentukan Baik dan Buruk dalam hidup mereka.

Buku-buku Indie yang bersifat Islamik mahupun tidak turut mengajar pembaca dalam menentukan Baik dan Buruk dalam kehidupan. Walaupun buku-buku Indie yang menggunakan bahasa-bahasa kasar dan dilihat negatif, namun pembaca dapat menilai sesuatu hasilnya apabila selesai membaca keseluruhan karya tersebut.

[upsi/catatanpelajar/CI12:.2017]

#### **4.7.6.2 Tidak mengajar penentuan baik dan buruk**

Kedapatan mahasiswa UPSI yang menafikan Buku Indie dapat menentukan Baik dan Buruk kerana Buku Indie didapati hanya menyuarakan kebebasan dan bertentangan dengan nilai dan norma. Kedapatan juga mahasiswa UPSI berpendapat penentuan Baik dan Buruk hanya ditentukan oleh individu dan kod moral, sekali gus menafikan peranan Buku Indie menentukan Baik dan Buruk

#### **4.7.6.2.1 Bertentangan dengan nilai norma**

Melalui dapatan kajian ini juga, kedapatan Buku Indie bertentangan dengan nilai dan norma masyarakat yang tidak mampu untuk mengajar menentukan Baik dan Buruk dalam sesuatu perkara. Menurut peserta kajian:

Secara tidak langsung ianya mengajar pembaca menentukan Baik dan Buruk sesuatu perkara

[upsi/catatanpelajar/CI6:.2017]

Baik dan Buruk mengenai sesuatu perkara adalah berdasarkan perbincangan sepakat sesuatu pihak terhadap sesuatu perkara. Dalam Buku Indie,

kebanyakan perkara yang dilontarkan adalah berdasarkan pemikiran dan pandangan tersendiri.

[upsi/catatanpelajar/CI8:.2017]

Tidak, kerana Buku Indie banyak ke arah budaya yang bertentangan dengan nilai norma yang ada di Malaysia.

[upsi/catatanpelajar/CI13:.2017]

Situasi berkenaan menyebabkan Buku Indie ini bukan hanya ditulis untuk meracuni minda pembaca dengan idea-idea yang tidak baik seperti fahaman agama yang salah dan politik. Memang tidak dinafikan bahawa terdapat Buku Indie yang membangkitkan isu-isu sensitif yang berkaitan dengan agama, bangsa dan negara.

[upsi/catatanpelajar/CI15:.2017]

Buku Indie sememangnya mengajar cara menentukan baik dan buruk. Buku-buku yang ditulis juga ditulis juga mengandungi unsur-unsur kritikan yang boleh mendatangkan kemarahan bagi sesetengah pihak yang tidak setuju dengan pandangan yang diberikan.

[upsi/catatanpelajar/CT26:.2017]

#### **4.7.6.2.2 Hanya menyuarakan kebebasan**

Berdasarkan catatan pelajar juga, kedapatan Buku Indie hanya ingin menyuarakan kebebasan penulis dan tidak sama sekali mengajar dalam menentukan Baik dan Buruk. Menurut peserta kajian:

Buku Indie tidak dapat mengajar pembaca tentang cara menentukan baik atau buruk sesuatu perkara secara langsung. Buku Indie dikeluarkan kebanyakannya hanya menyuarakan kebebasan dan apa yang diingini pembaca.

[upsi/catatanpelajar/CT12:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie tidak ada mengajar cara untuk menentukan baik atau buruk. Tetapi buku ini mengajar kita, bagaimana untuk membentuk hati yang nurani serta tulus ikhlas. Terutamanya, sewaktu kamu menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan seperti kerjaya kamu. Penentuan baik atau buruk adalah berdasarkan hati pembaca itu sendiri.

[upsi/catatanpelajar/CT27:.2017]

#### **4.7.6.2.3 Bergantung kepada individu**

Sesetengah peserta kajian berpandangan penentuan baik buruk adalah bergantung kepada individu dan ia bukanlah berdasarkan Buku Indie. Berdasarkan catatan pelajar:

Setiap Buku Indie yang diterbitkan mempunyai pelbagai jalan cerita yang dinukilkan oleh penulis tersebut. Oleh itu, kita sebagai pembaca yang menentukan bagaimana cara setiap individu untuk menentukan baik dan buruk manusia.

[upsi/catatanpelajar /CI29:.2017]

Buku Indie tidak mengajar secara terus dalam menentukan baik dan buruk sesuatu perkara. Namun, setiap isi yang terkandung dalam buku ini dapat membantu untuk pembaca menilai dan menentukan baik dan buruk.

[upsi/catatanpelajar/CI32:.2017]

Baik buruk sesuatu jalan cerita yang diketengahkan Buku Indie itu adalah berdasarkan kepada diri dan individu masing-masing untuk membuat penilaian yang sebagaimana setelah membaca Buku Indie. Apa yang ingin disampaikan adalah hanya penulisan bebas dan penulis tidak berniat untuk mempengaruhi pembaca untuk menjadi jahat atau sebaliknya.

[upsi/catatanpelajar/CI33:.2017]

Pada pandangan saya, Buku Indie tidak mengajar cara untuk menentukan mana yang baik dan mana yang buruk. Akan tetapi, ia bergantung kepada individu tersebut untuk menilai dan memilih mana yang terbaik untuk dirinya.

[upsi/catatanpelajar/CT8:.2017]

Buku Indie tidak mengajar cara menentukan Baik dan Buruk dalam kalangan tetapi ia lebih untuk mempengaruhi minda mereka terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan. Dalam menentukan baik atau buruk ia lebih bergantung kepada diri individu yang membacanya sama ada mengambil isi kandungan tersebut dari sudut positif mahupun negatif.

[upsi/catatanpelajar /CT10:.2017]

#### **4.7.6.2.4 Ditentukan oleh kod moral**

Namun begitu, ada sesetengah peserta kajian mencatatkan bahawa Buku Indie tidak dapat menentukan Baik dan Buruk dan hanya kod moral sahaja yang boleh menentukannya. Menurut peserta kajian:

Tidak. Baik dan buruk sesuatu perkara di tentukan oleh nilai dan kod moral seseorang. Selain itu, sebagai seorang yang berbudaya timur, apa yang baik dan apa yang buruk terbentuk melalui tiga perkara yang amat penting dalam hidup.

[upsi/catatanpelajar/CI9:.2017]

#### **4.8 KESIMPULAN**

Bab 4 ini mengandungi dapatan kajian yang mengemukakan maklumat berkaitan Buku Indie dan secara khusus bagi mencapai objektif kajian. Dapatan kajian yang diperoleh adalah berbentuk kualitatif iaitu lebih menerangkan sesuatu berkaitan Buku Indie. Dapatan ini meliputi dapatan temu bual, dapatan catatan pelajar dan dapatan analisis kandungan Buku Indie.

Pengkaji mendapati bahawa dapatan temu bual dan analisis kandungan Buku Indie telah menjawab secara umum set soalan yang telah direka. Dapatan ini dapat disokong secara lebih khusus dan mendalam melalui dapatan catatan pelajar. Dapatan catatan pelajar ini didapati memberi input penting bagi mengetengahkan pelbagai alasan rasional dan faktor-faktor yang mencirikan Buku Indie.

Begitu juga dapatan temu bual dan catatan pelajar dapat menggambarkan pandangan mahasiswa UPSI terhadap pelbagai jenis Buku Indie yang meliputi novel, dakwah, motivasi dan umum. Pandangan mahasiswa UPSI tidak khusus terhadap satu jenis atau satu judul Buku Indie. Oleh demikian, jawapan mahasiswa UPSI meliputi sokongan dan kritikan terhadap Buku Indie. Kesemua ini dapat menggambarkan keseluruhan persepsi mahasiswa UPSI terhadap maksud dan kandungan moral dalam Buku Indie.

## BAB V

### PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

#### 5.1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan ringkasan dapatan kajian, *grounded theory*, perbincangan, implikasi, cadangan dan penutup. Rumusan ditulis bagi mengetengahkan ringkasan dapatan kajian. Kemudian, berdasarkan dapatan kajian, *grounded theory* yang terbina dijelaskan dan dibuktikan. Hasil kajian ini akan dibincangkan dan dianalisis dengan sumber-sumber sekunder. Bagi melengkapkan kajian ini, bab ini juga akan mengetengahkan implikasi, cadangan dan penutup berkenaan Persepsi Mahasiswa UPSI terhadap kandungan moral dalam Buku Indie.

#### 5.2 RINGKASAN DAPATAN KAJIAN

Buku Indie mempunyai tiga maksud utama iaitu terbitan sendiri, haluan kiri atau melawan arus perdana, dan berbentuk kebebasan. Buku Indie boleh dikategorikan sebagai genre buku dan juga trend pembacaan masyarakat pada masa ini. Ia juga boleh dikategorikan sebagai gerakan kebebasan atau ideologi kebebasan.

Buku Indie telah bermula sejak hujung tahun 90-an. Buku Indie bermula dengan penerbitan Zine yang berbentuk majalah mini. Kemudiannya, Buku Indie telah menjadi trend dalam kalangan pembaca sejak tahun 2011 dan semakin meningkat pada tahun 2013 iaitu selepas peristiwa Pilihan Raya Umum pada tahun tersebut.

Ikon penulis Buku Indie yang terkenal ialah Zul Fikri Zamir, Benz Ali, Faisal Tehrani, Firdaus Ahmad dan Nami Cob Nobbler. Namun, karya yang menjadi ingatan para mahasiswa UPSI adalah karya Zul Fikri Zamir yang berjudul ‘Sekolah bukan penjara, Universiti Bukan Kilang’.

Di kalangan mahasiswa UPSI, ada yang menyokong Buku Indie dan ada juga yang mengkritik. Mahasiswa UPSI menyokong atas faktor teruja dengan rekod jualan meningkat, buku yang memenuhi cita rasa pembaca, memberi pengetahuan baru dan meningkatkan sikap membaca. Kedapatan Mahasiswa UPSI tidak menerima Buku Indie atas beberapa faktor iaitu Buku Indie didapati tidak akademik, berunsur lucah dan tidak berkualiti.

Begitu juga, kedapatan mahasiswa UPSI yang menyokong dan menolak kehadiran Buku Indie dari sudut kandungan moral. Jika dilihat dari sudut peraturan masyarakat, persepsi mahasiswa UPSI terhadap kandungan moral dalam Buku Indie dari sudut meningkatkan mutu hidup mempunyai sudut positif dan negatif sekali. Dari sudut positif, tiga faktor ini adalah Buku Indie dapat memberi pengajaran dan nasihat, memberi maklumat terkini dan mendapat ilmu pengetahuan. Dari sudut negatif, Buku Indie didapati berunsur lucah dan tidak sesuai dibaca, kedapatan juga ideologi songsang dan meruntuhkan kehidupan beragama.

Buku Indie juga dianggap dapat mempertingkatkan daya intelek iaitu kedapatan Buku Indie berunsur pengajaran, ilmiah, pengetahuan baru, mendorong berfikir logik dan kritis. Namun, kedapatan juga Buku Indie tidak dapat meningkatkan daya intelek kerana tidak berunsur ilmiah, berunsur lucah dan menggunakan bahasa yang tidak sesuai.

Buku Indie mempunyai kandungan yang dapat mempertahankan nyawa manusia. Terdapat empat faktor utama iaitu Buku Indie memuatkan pengalaman hidup seseorang dan juga memandang kepada realiti hidup. Melalui bentuk penceritaan pengalaman dan realiti hidup, ia akan dapat membentuk seseorang menghargai dan mempertahankan nyawa. Namun, kedapatan Buku Indie tidak mempertahankan nyawa

manusia kerana didapati lebih membincangkan hal politik, hal peribadi dan berunsur ganas.

Buku Indie juga mempertahankan hak asasi manusia kerana ia membawa kebebasan bersuara, kebebasan menghasilkan karya dan kedapatan membangkitkan isu hak asasi. Namun, kedapatan juga Buku Indie tidak dapat mempertahankan Hak Asasi Manusia dengan memusatkan pembawaan ideologi pemikiran semata-mata. Buku Indie didapati menyelitkan ideologi-ideologi yang boleh mempengaruhi minda masyarakat pada hari ini supaya melawan dengan lebih agresif.

Buku Indie juga didapati dapat mengelak dari keruntuhan akhlak kerana kedapatan Buku Indie berunsur dakwah atau agama, memberi pengajaran dan nasihat, dan dapat mengisi masa lapang dengan kebaikan membaca. Namun, kedapatan Buku Indie yang tidak menggalakkan seseorang daripada mengelak dari keruntuhan akhlak kerana mempunyai unsur lucah dan bahasa kesat, meruntuhkan nilai agama dan ketimuran, melanggar norma masyarakat dan membawa ideologi negatif.

Buku Indie dapat memelihara hidup bermasyarakat berdasarkan tiga faktor utama iaitu Buku Indie dapat memperlihatkan realiti kehidupan sebenar, nilai dan budaya sosial dalam masyarakat. Namun sebaliknya, kedapatan Buku Indie tidak memelihara hidup bermasyarakat. Antara faktor utama menyumbang hal demikian adalah sesetengah Buku Indie didapati memecah belah masyarakat, menunjukkan sikap mementingkan diri, bercanggah dengan norma dan membangkitkan isu sensitif.

Kedapatan Buku Indie dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Pelbagai jawapan yang diberikan yang antaranya adalah kedapatan Buku Indie bersifat patriotisme, memupuk rasa cinta dan sayang kepada negara. Namun, terdapat banyak alasan yang menyebabkan Buku Indie tidak memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara. Alasan rasional ini adalah kedapatan Buku Indie menyentuh sensitiviti agama, berunsur negatif, tidak bersifat patriotik dan bersikap pentingkan diri semata-mata.

Kedapatan Buku Indie dapat mengajar menjimatkan masa dan tenaga kerana ia mempunyai pelbagai info yang berguna, penerbitannya mudah dicapai, dapat mengelak dari melakukan perkara yang tidak berfaedah dan penggunaan bahasanya yang mudah difahami. Walaupun demikian, Buku Indie dikatakan tidak dapat menjimatkan masa kerana ia bersifat melalaikan pembaca dengan bahan bacaan tidak berkualiti.

Manakala dari sudut keperibadian manusia pula, kedapatan Buku Indie dapat meningkatkan motivasi kerana Buku Indie didapati berunsur dakwah dan keagamaan, menggunakan bahasa yang mudah, penyampaian idea dalam pelbagai bentuk, mudah dimiliki dan reka bentuk yang menarik. Namun sebaliknya, kedapatan Buku Indie tidak meningkatkan motivasi. Alasan rasional yang dikemukakan adalah Buku Indie didapati mempunyai unsur negatif dan tidak menginsafkan pembaca.

Buku Indie juga dapat mengajar perasaan berdosa dan tidak bersetuju terhadap dosa kerana terdapat Buku Indie yang memberi teladan dan pengajaran kepada pembaca. Namun, terdapat juga Buku Indie yang tidak mengajar rasa berdosa dan tidak setuju dengan dosa. Rasionalnya adalah Buku Indie meruntuhkan nilai keagamaan dan norma masyarakat, bersikap bebas mengkritik dan berunsur negatif.


Buku Indie juga dapat menimbulkan rasa kepentingan diri dan orang lain. Empat faktor iaitu Buku Indie dapat menyemai perasaan penyayang, perasaan kepedulian dan memberi pengajaran. Namun begitu, kedapatan Buku Indie ini hanya mengajar kepada kepentingan diri sendiri sahaja. Buku Indie juga mengajar menyayangi dan menghargai diri atau orang lain. Tiga alasan rasional yang dikemukakan iaitu Buku Indie mengajar sikap saling bergantungan antara satu sama lain, memberi pengajaran dan nasihat agar menghargai diri dan orang lain, dan membawa nilai kemasyarakatan. Namun demikian, terdapat Buku Indie tidak dapat mengajar menyayangi diri dan orang lain kerana Buku Indie adalah bersifat bertentangan dengan norma hidup masyarakat.

Kedapatan Buku Indie dapat mengajar mengenai erti Baik dan Buruk. Buku Indie didapati mempunyai nilai, pengajaran, contoh dan teladan yang baik yang dapat

mengajar mengenai Baik dan Buruk. Sebaliknya, kedapatan Buku Indie tidak mengajar mengenai Baik dan Buruk. Sesetengah Buku Indie didapati berunsur negatif dan hiburan semata-mata yang tidak satu pun pengajaran berkenaan Baik dan Buruk. Begitu juga, Buku Indie didapati dapat mengajar penentuan Baik dan Buruk. Alasan rasional yang diberikan adalah kedapatan Buku Indie mengandungi iktibar dan berunsur keagamaan. Namun, kedapatan Buku Indie tidak dapat menentukan Baik dan Buruk kerana Buku Indie didapati hanya menyuarakan kebebasan dan bertentangan dengan nilai dan norma.

### **5.3 GROUNDED THEORY**

Kajian ini dapat juga menyimpulkan *Grounded Theory* bagi Buku Indie. Sebanyak lima elemen utama telah dikenal pasti berkait rapat dengan Buku Indie iaitu pascamodenisme, Eksistensialisme, Realisme, keuntungan dan Santai.



Rajah 17: Elemen-elemen Buku Indie

Lima elemen di atas adalah bersandarkan kepada dapatan kajian sebagaimana disenaraikan di bawah:

	ELEMEN BUKU INDIE	KANDUNGAN DAPATAN KAJIAN
1	Pascamodenisme	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Haluan kiri atau melawan arus perdana dan agresif</li> <li>- Memberi pengetahuan baru, menarik, pelbagai info</li> <li>- Penyampaian pelbagai bentuk</li> <li>- Tidak terlalu akademik, tidak ilmiah</li> <li>- Berunsur negatif, luah dan ganas</li> <li>- Membawa ideologi dan meruntuhkan agama</li> </ul>
2	Eksistensialisme	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyuarkan pendapat penulis dan membina semangat, iktibar dan pedoman sebagaimana penulis</li> <li>- Kebebasan dengan penghasilan karya</li> <li>- Kebebasan mengkritik</li> <li>- Membuat penilaian sendiri</li> <li>- Kepentingan terhadap diri, hiburan dan keseronokan</li> </ul>
3	Realisme	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memenuhi cita rasa pembaca</li> <li>- Bahasa yang bebas mengikut penggunaan terkini</li> <li>- Membincangkan isu-isu semasa berkenaan negara dan masyarakat.</li> <li>- Berdasarkan pengalaman penulis sendiri yang menggambarkan realiti hidup seseorang</li> <li>- Cuba memahami realiti sebenar, nilai masyarakat dan budaya sosial</li> </ul>
4	Santai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Gaya penulisan yang memudahkan pembaca</li> <li>- Menjimatkan masa dan tenaga</li> <li>- Penerbitan yang mudah dan harga yang murah</li> <li>- Mudah dimiliki</li> <li>- Pembaca mengisi masa lapang dengan membaca Buku Indie</li> </ul>
5	Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Terbitan sendiri yang menguntungkan</li> <li>- Rekod jualan meningkat</li> <li>- Peningkatan kadar pembacaan</li> <li>- Kurang kualiti dan penerbitan yang mudah tetapi reka bentuk yang menarik</li> <li>- Isu-isu negatif, luah, ganas, melanggar norma dan ideologi sebagai daya penarik</li> <li>- Membangkitkan isu-isu sensitif dan tidak mengutamakan pemuliharan</li> </ul>

### 5.3.1 Pascamodenisme

Berdasarkan dapatan kajian, maksud Buku Indie ini sangat signifikan dengan maksud Pascamodenisme. Ada kesamaan sifat antara Buku Indie dan Pascamodenisme dalam penulisan sastera. Sifat persamaan ini adalah karya Buku Indie bersifat berhaluan kiri atau melawan arus perdana.

Ciri-ciri Pascamodenisme telah lama bermula sejak zaman 1950-an lagi dalam bidang sastera dan ia merupakan gerakan baru bagi mengkritik cara yang lama (Ingram 2006, Ree 2005). Menurut Denzin (2005), ada empat definisi mengenai Pascamodenisme iaitu:

1. Berdasarkan refleksi kendiri terhadap makna dan kefahaman manusia
2. Persoalan semula mengenai apa dan bagaimana terhadap budaya
3. Logik budaya untuk mereka bentuk penggunaan logik, mengguna dan mengubah nilai sedia ada.
4. Makna tambahan sedia ada iaitu aktiviti dibiayai negara kapitalis bagi melangkau sempadan politik dan bangsa.

Oleh demikian, sastera pascamodenisme lebih mengkritik sesuatu yang telah dipegang lama sama ada dengan cara berlapik ataupun radikal. Menurut Schwartz (2008) , pada 1980-an, Pascamodenisme menggunakan teori peleraian dan pembinaan semula terhadap teks yang sebelum ini dipelopori oleh para sarjana akademik. Peleraian dan pembinaan semula ini adalah menolak kesimpulan terdahulu yang beranggapan kewujudan kebenaran mutlak. Hujah yang digunakan oleh mereka adalah teori sosial pada hari ini telah gagal menjelaskan realiti sebenar kerana kesimpulan terdahulu adalah produk dari pentafsiran yang sangat subjektif.

Menurut Schwartz (2008) lagi, idea Pascamodenisme dipelopori oleh Jacques Derrida dalam *Marges de la Philosophie* (1972) yang membawa teori penolakan structuralism, dan Ernesto Laclau dan Chantal Mouffe dalam *Hegemony and Socialist Strategy* (1985) yang menggambarkan Pascamodenisme sebagai satu bentuk ‘revolusi kefahaman’ dengan meninggalkan gerakan pengelasan lama ke arah bentuk yang lebih plural dan demokratik.

Begitulah Buku Indie yang merombak pegangan masa kini. Dalam karya sastera Pascamodenisme dan Buku Indie, para penulis menumpukan percanggahan tradisi dan pegangan masa lalu dan membina semula pada masa kini. Oleh demikian, penulis tidak terikat dengan batasan kebiasaan atas alasan kebebasan. Walaupun kebebasan penulis boleh memilih untuk berkarya pada sesuatu yang positif dan baik, kecenderungan penulis akan hanya menghala ke arah melawan arus perdana. Arus perdana digambarkan karya-karya terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang bersifat terlalu akademik dan berat.

Pendirian penulis dan penerbit lebih cenderung berlawanan sifat akademik dan berat ke arah tidak terlalu akademik (rujuk 4.5.2.1). Ditambah dengan ciri-ciri kekinian (rujuk 4.5.1.3, 4.6.8.1.1 dan 4.7.1.1.3), melawan atau bercanggah kebiasaan (rujuk 4.2.2), membangkitkan isu-isu sensitif (rujuk 4.6.7.2.1), berunsur lucah (rujuk 4.5.2.2), membawa ideologi Barat (rujuk 4.6.1.2.2) dan meruntuhkan agama (rujuk 4.6.1.2.3). Kesemua ini menggambarkan Buku Indie bersifat Pasca Modenisme.

### **5.3.2 Eksistensialisme**

Kecenderungan menghala ke arah kiri atau menentang arus perdana dalam Pascamodenisme adalah sebahagian sifat Eksistensialisme. Byrne & Houlden (2003: 6005-606) berpendapat Pascamodenisme sebenarnya merupakan aliran Eksistensialisme yang sudah dimulakan oleh Soren Kierkegaard (1813–55) dan diikuti Friedrich Nietzsche (1844–1900) dan Martin Heidegger (1889–1976). Mereka semua mempertikaikan pegangan yang sudah lama dianuti pada zamannya dan melakukan rombakan idea. Pascamodenisme merupakan aliran baru dengan idea yang sudah lama dipegang oleh golongan Eksistensialisme. Apa yang dilakukan oleh Jacques Derrida (b. 1930) dan Michel Foucault (1926–84) adalah mempopularkan semula idea Kierkegaard.

Eksistensialisme adalah ideologi yang berpegang “kewujudan bermula dahulu sebelum inti patinya”. Pandangan eksistensialisme mengutamakan sifat unik manusia bukan makna. Tambahan pula, Eksistensialisme tidak mengambil peduli sistem

konsep yang sedia wujud dan mengemukakan bahasa analisis yang baru. Polemik paling besar ditimbulkan adalah bidang estetika (falsafah kesenian) terutamanya beberapa tema iaitu keinginan, kesamaran dalaman, maksud dan kebebasan manusia. Ia juga merupakan ideologi individualistik yang mengesahkan kebebasan keinginan manusia. Golongan eksistensialis sering kali menolak tanggungjawab kerana beranggapan mereka beranggapan tanggungjawab merupakan hujah Marxisme (Tonder 2008). Malah, kandungan pemikiran Eksistensialisme adalah manusia mencipta nilainya sendiri. Oleh demikian, mereka menekankan penentuan keputusan dan komitmen bukan pencapaian pengetahuan etika (Borchert 2006).

Eksistensialisme ini terbentuk hasil dari keinginan seseorang untuk menonjolkan kewujudan diri. Penulis Buku Indie cenderung memperlihatkan kewujudan dirinya dari sudut perkongsian hobi, minat, ideologi dan pemikiran Barat bagi menampakkan sudut kreatif. Kekreatifan ini dijelmakan dengan penonjolan diri tanpa mempedulikan persekitaran dan kesanggupan melawan arus perdana. Atas alasan kebebasan, laras gaya bahasa lebih bersifat memberontak bagi menonjolkan pemikiran dan idea penulis.

Penulis secara jelas menunjukkan bangkangan dalam Buku Indie terutama sekali bentuk karya umum. Oleh demikian, penulis Buku Indie menunjukkan dalam karyanya satu bentuk kebebasan (rujuk 4.2.3) dan kebebasan bersuara (rujuk 4.6.4.1.1) dalam kebebasan penghasilan karya (rujuk 4.6.4.1.2). Oleh demikian, kedapatan Buku Indie menggambarkan satu bentuk pengajaran rasa berkepentingan terhadap diri sendiri bukan orang lain (4.7.3.2).

Sikap penulisan bebas ini sehingga membawa sikap anarkis dan membangkang yang bebas membicarakan hal peribadi, politik dan berunsur ganas. Malah, ada kedapatan Buku Indie yang tidak mengambil peduli hal masyarakat dan sanggup bercanggah dengan norma (rujuk 4.6.6.2).

### **5.3.3 Realistik**

Walaupun Buku Indie mempunyai sifat Pascamodenisme dan Eksistensialisme, Buku Indie masih menurut tuntutan semasa. Buku Indie sangat memberi tumpuan kepada

pembaca-pembaca muda dengan menarik minat mereka melalui perkongsian minat dan hobi yang sama. Oleh demikian, Buku Indie sangat memenuhi cita rasa pembaca (rujuk 4.5.1.2) dengan mengetengahkan realiti hidup seseorang (rujuk 4.6.3.1.2 dan 4.6.6.1) dan penceritaan pengalaman penulis (4.5.1.2).

### **5.3.4 Santai**

Buku Indie juga bercirikan santai dengan memudahkan kefahaman pembaca (rujuk 4.6.8.1.4) melalui penggunaan bahasa yang mudah (rujuk 4.7.1.1.2) dan penyusunan idea yang pelbagai bentuk (rujuk 4.7.1.1.3). Malah, Buku Indie yang boleh dikategorikan murah yang menjadikan Buku Indie mudah dimiliki. Dengan pemilikan Buku Indie ini dapat mengisi masa lapang (rujuk 4.6.5.1.3) dan mengelak dari perkara yang tidak berfaedah (rujuk 4.6.8.1.3).

### **5.3.5 Keuntungan**

Buku Indie pada peringkat mula adalah terbitan sendiri yang merupakan ciri Buku Indie (rujuk 4.2.1). Pada mulanya, penerbitan sendiri dalam bentuk Buku Kecil dengan belanja yang kecil yang dikenali ‘Zine’ (rujuk 4.3). Namun, Buku Indie sudah berkembang dan bernaung di bawah syarikat yang besar dan mempunyai kemasyhuran. Oleh demikian, Buku Indie turut mengejar keuntungan selaras dengan nama syarikat penerbitan yang besar dan masyhur.

Rekod jualan Buku Indie menjadi semakin meningkat (rujuk 4.5.1.1) dan jumlah pembaca juga semakin meningkat (rujuk 4.5.1.4). Walaupun demikian, kualiti Buku Indie tidaklah meningkat (rujuk 4.5.2.3) dan prosedurnya juga tidak semakin ketat (4.6.8.1.2). Penumpuan hanya pada reka bentuk (rujuk 4.7.1.1.5) dan pemasaran yang memudahkan Buku Indie dimiliki (rujuk 4.7.1.1.4).

Atas sikap mengejar keuntungan, aspek kandungan kurang diambil peduli. Akibatnya, kedapatan Buku Indie tidak mengelak keruntuhan akhlak (rujuk 4.6.5.2), tidak memelihara kehidupan bermasyarakat (rujuk 4.6.6.2), tidak bersifat patriotik (rujuk 4.6.7.2.3) dan tidak menginsafkan pembaca (rujuk 4.7.2.2).

#### 5.4 PERBINCANGAN

Sebanyak lebih seratus buah buku telah disemak. Terdapat beberapa jenis buah buku telah dikenal pasti iaitu karya Buku Indie yang berbentuk novel, motivasi, dakwah dan umum. Buku Indie berbentuk dakwah motivasi dan dakwah didapati mempunyai unsur-unsur positif. Hanya Buku Indie berbentuk novel dan umum didapati mempunyai unsur-unsur negatif walaupun bukan semuanya sebegitu. Unsur negatif dalam novel terarah pemaparan unsur-unsur lucah dan seks. Lebih teruk, unsur seks bebas dan LGBT turut dimuatkan dalam Buku Indie. Sudah wujud penulis simbol seks dalam Buku Indie seperti Shaz Johar.

Manakala Buku Indie berbentuk umum juga menyelitkan pemikiran dan ideologi songsang. Penerbit yang cenderung menyelit Buku Indie adalah DuBook Press dan Thukul Chetak. Thukul Chetak lebih khusus memaparkan idea-idea Sosialisme secara langsung ataupun tidak langsung dan lebih cenderung mengkritik kerajaan. Tidak semua buku terbitan DuBook Press berunsur negatif. Walaupun demikian, Buku Indie terbitan DuBook Press lebih cenderung menggunakan bahasa kasar, kesat dan slanga.

Tidak dinafikan bahawa Buku Indie mempunyai kandungan yang positif. Berdasarkan semakan Buku-buku Indie, peratusan Buku Indie yang berunsur negatif adalah minimum. Namun, kedapatan syarikat-syarikat penerbitan Buku Indie seperti DuBook Press, Thukul Cetak dan Fixi yang menumpukan unsur-unsur negatif dalam penerbitannya. Walaupun telah didedahkan oleh pihak BTN (2015) dan Laporan Awal JAIS yang ditulis oleh (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016), penerbit didapati mengulangi sikap yang sama.

Faktor utama pengulangan unsur-unsur negatif ini adalah Buku Indie tidak terikat mana-mana undang-undang dan etika. Para penulis hanya menulis mengikut cara tersendiri. Malah, tidak peduli kesan terhadap masyarakat. Penumpuan hanya luahan perasaan. Tiada latihan yang diberikan kepada penulis agar mengikut garis panduan undang-undang dan etika. Para penulis menulis mengikut keinginannya dan selagi mampu untuk menulis, mereka menulis.

Padahal, telah lama wujud Perintah Larangan mengikut Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), tindakan mahkamah boleh diambil berdasarkan Seksyen 8(2) akta sama iaitu menjual hasil penerbitan yang dikenakan perintah larangan dan jika sabit kesalahan peniaga itu boleh dipenjarakan selama tempoh tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Walaupun demikian, Buku Indie telah terjual dan mendapat permintaan ramai. Kewujudan fenomena Buku Indie adalah hasil daripada masyarakat dan individu yang menuntut kebebasan mutlak dalam penulisan. Penulisan sebegini terhasil dari seni pasca-modenisme yang ingin merombak tradisi seni penulisan. Fenomena ini adalah terkesan dengan pemikiran eksistensialisme yang ingin menunjukkan kewujudannya.

Sememangnya setiap zaman mempunyai masalah dan kebejatan tersendiri dan setiap zaman juga mempunyai ancaman aliran pemikiran yang tersendiri. Aliran yang wujud dalam Buku Indie yang menyelitkan ideologi, keluahan dan ganas merupakan ancaman zaman sekarang. Aliran yang merosakkan ini sama ada berjaya atau tidak, ia telah berjaya mengambil tempat dalam masyarakat. Hanya masa akan menentukan sama ada fenomena ini berjaya mengubah landskap sosiobudaya.

Persoalan yang timbul, di manakah penguatkuasaan dari badan-badan kerajaan? Ada kemungkinan pihak kerajaan membiarkan fenomena ini berlaku kerana Buku Indie bukan menjadi krisis besar. Sikap kerajaan ketika ini masih tunggu dan lihat. Tambahan pula, mahasiswa masih belum berjaya dipesongkan pemikiran mereka. Namun, Buku Indie sudah menunjukkan secara bertulis elemen-elemen yang meracuni pemikiran anak-anak muda.

Kedapatan Buku Indie ini mengutamakan emosi dan meminggirkan pemikiran yang logik. Buku Indie diselitkan dan disulami dengan idea Barat dan ada juga mengaplikasikan pemikiran Komunisme, Liberalisme dan Sekularisme. Buku Indie ini mengimport pemikiran luar untuk menyelesaikan masalah negara. Buku Indie ini juga

mewujudkan generasi santai. Zaman ini adalah zaman Internet yang tidak ingin membaca buku yang berat.

Namun demikian, jikalau majoriti mahasiswa cenderung kepada Buku Indie, ini menunjukkan taraf mahasiswa adalah rendah kerama dapat menerima buku yang rendah kualiti dan tidak bermutu. Ini juga menunjukkan bahawa sebanyak 80% akan mengikut aliran Indie dan 20% pula akan kekal dalam keintelektualan. Kewujudan 20% ini akan terikut dengan 80% yang akhirnya akan menjadi ancaman kepada keberlangsungan masyarakat yang pro-aktif.

Kebimbangan timbul apabila mahasiswa terpedaya dengan falsafah Eksistensialisme yang menuntut hak kebebasan tanpa mengikut adab, peraturan dan akhlak. Akan wujud satu generasi yang berani menentang tatasusila dan menjadi masyarakat yang kurang ajar.

Oleh demikian, sepatutnya penerbit mengambil berat mengenai syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Buku Indie perlu dikawal selia sedangkan sebaran am seperti surat khabar sangat perlu mendapatkan permit untuk boleh dijual di permis-permis awam. Buku Indie juga sepatutnya mendapat permit sebagaimana surat khabar dalam negara.

Tambahan pula, para penulis bukan dari penulis yang bertauliah sedangkan para penceramah di masjid perlu mendapatkan tauliah. Begitu juga, filem dan drama perlu mendapat tapisan dari pihak berkuasa. Buku Indie juga perlu diperhatikan kandungannya dari sudut kesahihan ilmu dan fakta. Buku Indie ini ibarat filem yang diterbitkan. Namun, berbeza dengan filem, buku ini tiada tapisan. Babak-babak lucuh, ganas dan racun pemikiran terdapat dalam buku-buku ini. Sedangkan filem ‘Beauty and The Beast’ diklasifikasikan untuk tontonan 18 tahun dan terdapat pemotongan dalam filem ini. Ini tidak berlaku pada Buku Indie yang sudah tersebar di serata negara.

Kedapatan mahasiswa menyatakan keasyikan membaca Buku Indie seolah-olah menonton filem. Ada buku yang dapat memberi pengajaran moral melalui penceritaan

kebejatan sosial. Berikut adalah bukti-bukti kebebasan menulis digunakan dengan cara yang salah.

1. Kedapatan Buku Indie mengkritik kerajaan dan masyarakat dengan melabel sebagai zalim seperti karya berjudul ‘Amerika’.
2. Ada yang menggalakkan zina dengan bahasa yang tidak langsung seperti karya ‘Amerika’ dan ‘Nazi Goreng’.
3. Terdapat juga menggabungkan unsur negatif seperti lucah, menyindir kerajaan dan pemikiran liberalisme seperti ‘Amerika’, ‘Mani Kebaya Kuning’, ‘Lari dari Syurga’, ‘KL Noir’, ‘Gantung’ dan ‘Nazi Goreng’.
4. Menggunakan Bahasa kesat seperti ‘Mani Kebaya Kuning’, ‘Bergempak’, ‘DNAGG’, ‘Kouger’, ‘Perjalanan’, ‘Mentaliti Jamban’ dan ‘Dari Tanjung Malim ke KLCC’.
5. Rendah mutu hidup dan menggalakkan keruntuhan akhlak seperti ‘Lari dari Syurga’ dan ‘KL Noir’.
6. Cerpen juga didapati lebih cenderung kepada negatif berbanding Novel. Namun, penulis seperti Shaz Johar yang banyak bukunya di pasaran sememangnya menggunakan perkataan dan ayat yang lucah.
7. Watak dalam novel diberi nama lucah seperti Mr. Porn dalam ‘Sasar’.
8. Menyelitkan homoseksual dan tidak beranggapan ia merupakan kesalahan seperti ‘Sasar’.
9. Mengagungkan seks bebas seperti ‘Gantung’ dan ‘Kelabu’ yang kedua-duanya merupakan tulisan Nadia Khan.
10. Kedapatan karya menggalakkan membunuh diri yang dikatakan diterima dalam Islam seperti ‘Cerpen’ tulisan Shaz Johar.
11. Penumpuan kepada Sindiran dan kritikan politik seperti ‘Sekolah Bukan Penjara Universiti Bukan Kilang’, ‘Cerpen-cerpen Underground’, ‘Orang Ngomong Anjing Gong Gong’, ‘Mentaliti Jamban’ dan ‘Kakitokrasi’.
12. Karya yang mengetengahkan sikap perkauman, diskriminasi terhadap kaum Cina dan India, dan menyelit ideologi Nazisme seperti ‘Nazi Goreng’.
13. Ada buku penerbit dari Fixi berunsur negatif tetapi kedapatan juga karya terbitannya yang tiada berunsur negatif.
14. Kebanyakan buku Travelog masih dikira baik.

## 5.5 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai implikasi yang perlu diambil perhatian oleh golongan berwajib

1. Perlu sikap lebih berhati-hati memilih buku bacaan untuk anak-anak muda.
2. Para guru terutamanya guru bidang sastera di peringkat sekolah perlu memantau bahan bacaan para pelajar dari peringkat awal.
3. Perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah tidak seharusnya menyimpan Buku Indie di rak yang boleh dicapai oleh masyarakat awam.
4. Aliran pemikiran dalam Buku Indie tidak dapat menggalakkan kekayaan bidang sastera dan bidang akademik. Oleh demikian, Buku Indie tidak dapat membina negara bangsa dan memuncakkan tamadun negara.
5. Walaupun kedapatan Buku Indie yang menghala ke arah dakwah dan motivasi, mutu persembahan Buku Indie adalah rendah dan masih kurang daya inteleknya.
6. Lambakan bacaan-bacaan Buku Indie ini akan melahirkan golongan yang mementingkan diri sendiri.
7. Malah, Buku Indie secara tidak langsung membentuk kecelaruan identiti dan prinsip yang negatif.
8. Kedapatan Buku Indie menangguk air yang keruh kerana Buku Indie ini membina rasional bagi menentang kerajaan.
9. Buku Indie juga membina generasi atas pagar yang mudah dipergunakan.
10. Kestabilan negara yang wujud kini mungkin dapat dipersoalkan. Jikalau wujud pergolakan dalam negara, rusuhan mudah berlaku demi keadilan.
11. Luahan perasaan melalui pembacaan Buku Indie ini akan membentuk luahan melalui tindakan.
12. Rakyat perlu diberi kesedaran agar membuat aduan terhadap karya-karya yang biadab, lucah dan ganas.
13. Bahkan, netizen juga disarankan agar menularkan isu-isu yang tidak senonoh yang dipaparkan oleh para penulis Buku Indie.

## 5.6 CADANGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai cadangan kajian lanjutan iaitu:

1. Kajian ini hanya menumpukan mahasiswa UPSI, kajian secara menyeluruh membabitkan seluruh mahasiswa UPSI perlu juga diselidiki.
2. Kajian ini hanya menumpukan bentuk kualitatif yang tidak menggambarkan peratusan sebenar pandangan mahasiswa secara keseluruhan. Oleh demikian, kajian berbentuk kuantitatif juga mempunyai kewajaran. Walaupun demikian, terdapat kebimbangan kajian kuantitatif tidak berjaya dihasilkan kerana sebahagian besar mahasiswa tidak mengetahui maksud Buku Indie.
3. Kajian juga perlu dilanjutkan di peringkat sekolah bagi mengenal pasti perpustakaan sekolah yang memiliki Buku Indie.
4. Kajian mengenai senarai semak kualiti Buku Indie perlu diwujudkan agar dapat memastikan mengikut peraturan dan etika yang ditetapkan.
5. Kajian yang lebih khusus kepada jenis Buku Indie juga dilakukan kerana didapati Buku Indie yang berbentuk Motivasi dan dakwah adalah baik berbanding Buku Indie berbentuk umum yang mempunyai banyak unsur negatif.

## 5.7 KESIMPULAN

Kesan Buku Indie tidak disedari sepenuhnya oleh golongan pemimpin dan ahli akademik kerana dua faktor iaitu faktor umur dan faktor minat. Rata-rata golongan pemimpin dan ahli akademik adalah berusia tiga puluh tahun ke atas dan mereka hanya berminat bahan bacaan yang berat dan ilmiah. Oleh demikian, para pemimpin dan ahli akademik tidak menyedari kesan baik dan buruk di sebalik Buku Indie. Kajian ini dapat mendedahkan fenomena Buku Indie dan kandungan baik dan buruk. Pendedahan ini dapat menjadi rujukan kepada para pemimpin dan ahli akademik agar memahami cita rasa anak muda dan perubahan yang berlaku. Mereka perlu mengambil berat bahan bacaan anak-anak muda kerana mereka yang bakal menggantikan tempat para pemimpin dan ahli akademik pada masa depan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Md. Aroff. 1999. Pendidikan Moral: Teori, Etika dan Amalan Moral. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Hussein & Kamaliah Siarap. 2000. Penggunaan Teknologi Komunikasi-Informasi di Kalangan Ahli Akademik di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* (Jilid 16). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Babbie E. 1994. *The Practice of Social Research*. Chicago: Thomson Publishing.
- Biro Tatanegara (BTN). 2015. *Gerakan Indie di Malaysia*. Diambil: <https://archive.org/details/GerakanIndieDiMalaysia> [2 Ogos 2016].
- Borchert D. M. 2006. Existentialism. *Encyclopedia of Philosophy*. New York: Macmillan Reference USA.
- Brandt R. 1998. *A Theory of the Good and the Right*. New York: Prometheus Books.
- Byrne P. & Houlden L. 2003. Existentialism. Dlm. *Companion Encyclopedia of Theology*. London: Routledge.
- Denzin N.K. 2005. Postmodernism. Dlm. *Encyclopedia of Social Theory*. London: Sage Publication.
- Emmet, D. M. (1975). *Rules, Roles, and Relations*. Boston: Beacon Press.
- Eow Boon Hin, Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Puteri Nilofar Ahmed Kamil. *Moral Education: Revised Edition*. Kuala Lumpur: Pearson.
- Hazman Bahrom. 2014. *Meninjau Semula Hubungan Kuasa dan Institusi Agama – I. Dlm. Wacana Pemikiran Reformis Jilid II*. Hlm. 81-86. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Ingram D. 2006. Postmodernism. Dlm. *Encyclopedia of Philosophy*. New York: Macmillan Reference USA.
- Kerlinger F.N. 1986. *Foundations of Behavioral Research*. London: Holt, Rinehart and Winston Publishing.
- MalaysiaKini. 2015. *BTN Diberi Tempoh 14 Hari Mohon Maaf*. Diambil: <https://www.malaysiakini.com/news/302496> [2 Ogos 2016].
- Marwan Bukhari. 2012. Transformasi Turki: Daripada Erbakan hingga Erdogan I. Dlm. *Wacana Pemikiran Reformis*. Hlm. 206-212. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Merriam S.B., Tidel E.J. 2016. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons.

- Mohd Syazreen Abdullah. 2014. *Dimensi yang Hilang dalam Pemikiran Kontemporari Gerakan Islam*. Dlm. *Wacana Pemikiran Reformis Jilid II*. Hlm.95-108. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Muhammad Atiullah Bin Othman, Muhammad Hasbi bin Abdul Rahman, Zuraini bt Jamil @ Osman. 2016. *Peranan Islamic Renaissance Front (IRF) Bagi Mengetengahkan Idea Islam Liberal*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. 2016. Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia. Diambil: [http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel\\_asas/rnd/Fenomena%20Buku%20Indie.pdf](http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/Fenomena%20Buku%20Indie.pdf) [28 Julai 2016].
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Rasid Mail & Raman Noordin. 2014. *Penyelidikan Peringkat sarjana: Pendekatan Kualitatif Sebagai Alternatif*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ree J. 2005. Postmodernism. Dlm. *The Concise Encyclopedia of Western Philosophy*. London: Routledge.
- Schwartz J.M. 2008. Postmodernism. Dlm. *International Encyclopedia of Social Science*. New York: Macmillan Reference USA.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tonder. L. 2008. Existentialism. Dlm. *International Encyclopedia of Social Science*. New York: Macmillan Reference USA.
- Utusan Online .2013. *Mentransformasi Gerakan Belia*. Diambil: [http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130125/re\\_02/Mentransformasikan-gerakan-belia#ixzz2Jc6UXI71](http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130125/re_02/Mentransformasikan-gerakan-belia#ixzz2Jc6UXI71) [3 Ogos 2016].
- Siswoyo. 2007. *Ilmu Pendidikan*. Yogyakarta: UNY Press.
- Zarina Zainol & Zaiton Endot. 2006. *Sandaran Kajian Umum Mengenai Pembacaan Santai di Kalangan Pelajar*. National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur. Diambil: [http://eprints.utm.my/251/2/ZarinaZainol2006\\_SandarkanKajianUmumMengenaiPembacaan.pdf](http://eprints.utm.my/251/2/ZarinaZainol2006_SandarkanKajianUmumMengenaiPembacaan.pdf) [2 Ogos 2016].

## **APENDIKS I: SET SOALAN**

1. Apakah kamu tahu mengenai Buku Indie?
2. Adakah Buku Indie merupakan genre buku atau trend pembacaan?
3. Adakah Buku Indie merupakan satu gerakan kebebasan membaca ataupun ideologi kebebasan?
4. Bilakah dan bagaimanakah bermulanya trend Buku Indie ini?
5. Siapakah yang kamu kenali sebagai Penulis tegar Buku Indie?
6. Sebutkan buku yang boleh dikenali sebagai Buku Indie.
7. Adakah pembaca sangat berpuas hati dengan Buku Indie?
8. Adakah Buku Indie dapat mempertingkatkan mutu hidup?
9. Buku Indie dapat mempertingkatkan daya intelek belajar?
10. Adakah Buku Indie dapat mempertahankan atau menghargai nyawa manusia?
11. Adakah Buku Indie mengajar untuk mempertahankan hak asasi manusia?
12. Adakah Buku Indie dapat mengajar mengelak dari keruntuhan akhlak?
13. Adakah Buku Indie mengajar memelihara hidup bermasyarakat?
14. Adakah Buku Indie memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara?
15. Adakah Buku Indie mendidik hidup menjimatkan masa dan tenaga?
16. Adakah Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca?
17. Adakah Buku Indie dapat mengajar perasaan rasa berdosa dan tidak setuju?
18. Adakah Buku Indie mengajar untuk rasa berkepentingan terhadap diri atau orang lain?
19. Adakah Buku Indie mengajar menyayangi atau menghargai diri atau orang lain?
20. Adakah Buku Indie mengajar mengenai baik dan buruk?
21. Adakah Buku Indie mengajar cara menentukan baik dan buruk?

## APENDIKS II: SENARAI BUKU-BUKU INDIE YANG DISEMAK

1. Abdullah A.J. (2015). *Buaya*. Damansara: Buku Fixi.
2. Abdullah K. (2016). *Mentaliti Jamban*. Batu Caves: Komrad Buku.
3. Abdullah T. (2016). *Pelukis Jalanan*. Kepala Batas: Iman Publication.
4. Abu Bakar, Anwar Fazal, Othman, Muhammad A., Md Isa, Nur Azah. (2014) *DIAGnosis*. Cheras: DuBook Press.
5. Adly A. (2015). *Mereka*. Damansara: Buku Fixi.
6. Ahmad I. (2015) *Velvet*. Damansara: Buku Fixi.
7. Ahmad P.A. (2010). *Puteri Alindalia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. Aizat S. (2013) *Ajaib*. Damansara: Buku Fixi Publishing.
9. Aizat S. (2014) *Awan*. Petaling Jaya: Buku Fixi .
10. Aizat S. (2015). *Aksara*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
11. Aizat S. (2017). *Kampus*. Damansara: Buku Fixi.
12. AK. (2016). *OBLIGASI: Aku Pun Boleh Bahagia*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
13. Amran A. (2016). *Usrah Santai*. T.pt: Zharf Press.
14. Anuar Shah. (2015). *Pinjam*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
15. Azizan S. (2016) *Aku Bukan Malaikat*. Bandar Baru Bangi: Dubook Press.
16. Azlan A., and Misran A. (2014) *The Other Side of Coin*. Batu Caves: Puteh Press.
17. Bahrom A. (2016). *Sembelih*. Ampang: Lejen Press.
18. Banna A. (2015). *#Henshin: From Jahiliyyah To Jannah!*. Shah Alam: Inspirasee Publication.
19. Banna A. (2016). *Coklat Tarbiah*. Shah Alam: Inspirasee International.
20. Basri N. (2015). *Romantis*. Damansara: Buku Fixi.
21. Bozu A. (2016). *Tora Datang Lagi*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
22. Budak Tomato. (2015). *ESC*. Kuala Lumpur: Iman Publication.
23. Burhanuddin, Badrul Hisham. (2016) *Travelog Mr. Backpacker: Merentas Amerika*. Klang: Firdaus Press.
24. Cetak, M. (2017). Setan-setan Liberalisme. Bandar Baru Bangi: Thukul Cetak Sdn. Bhd.
25. Dayang Noor. (2012). *Hilang*. Damansara: Buku Fixi.
26. Eqhwan A. (2013). *#Henshin Mahasiswa*. Shah Alam: Inspirasee International.
27. Farid M. (2016). *Be a Giver: Bahagian dengan Memberi*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
28. Farique A. (2015). *Melayu ke Bulan*. Kajang: Kopi Press.
29. Fayyadh H. (2016) *Ketika Azazil Berputus Asa*. Kepala Batas: Iqes Tijarah Treding.
30. Fayyadh H. (2016) *Tarbiah dari Langit: Tuhan Sentuhlah Hatiku*. Shah Alam: Inspirasee Publication .
31. Fetih N. (2016). *Penjara*. Kuala Lumpur: Tarbiah Sentap.
32. Gabbana I. (2016). *Biar Tak Glamour di Dunia, Asal Popular di Langit Sana*. Kuala Lumpur: Penerbitan Wahai.
33. Hafizuddin S. (2016). *Interbiu*. Damansara: Buku Fixi Publishing.
34. Hamka Kereta Mayat. (2015) *Kisah Laki Bini*. Petaling Jaya: Buku Pojok.
35. Hamka Kereta Mayat. (2015). *Semusim di Neraka*. Shah Alam: Terfaktab Media.

36. Harun F. (2012). *Lari Dari Syurga*. Shah Alam: Buku Hitam Press.
37. Helmi K. (2017). *Roomate*. T.pt: Buku Puris.
38. Hussin A. (2015). *Keldai dan Kitab*. Damansara: DuBook Press.
39. Ibrahim R. (2015). *Perjalanan*. Damansara: Buku Fixi.
40. Iqram A. (2016). *Kau Sembah Apa*. Batu Cave: Puteh Press.
41. Ismail, I.F. (2012). *Jangan Baca Buku Ni*. Kuala Lumpur: IFI Mystery.
42. Ismail N.H, Md Yusoff, Melor Fauziah. (2016). *Karya Indie: Revolusi Penulis Generasi Baru*.
43. Israa' S.A. (2016). *Kakitorasi: Korupsi Politik dan Pemikiran*. Kajang: Kopi Press.
44. Jamal Y. (2015). *Bebas Jangan Sampai Terbabas*. Kajang: Kopi Cetak.
45. Jamil M. (2016). *Kamera*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
46. Jaya M., Ramadhany, Dwi Raith., Noviyanti R. (2015). *Badut*. Damansara: Buku Fixi.
47. Johar S. (2011) *Tabu*. Petaling Jaya: Buku Fixi .
48. Johar S. (2013) *Cerpen*. Damansara: Buku Fixi Publishing.
49. Johar S. (2011) *Kougar*. Petaling Jaya : Buku Fixi .
50. Johar S. (2012) *Mental*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
51. Kak Hassanah, Izzyani M. (2016). *Persepsi Terbiar Sepi*. T.pt: Kuras Buju.
52. Kamaruzaman A. (2013). *Babi Bercinta Dibalik Api*. Subang Jaya: Lejen Press.
53. Khairani K.N. (2012). *Gergasi*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
54. Khan N. (2011). *Kelabu*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
55. Khan N. (2013). *Gantung*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
56. Khan N. (2015). *Pakar*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
57. Lokman S. (2017). *Fragile*. Batu Cave: Komrad Buku.
58. M. Nor H. (2015). *Hungry in Ipoh*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
59. Mahyani, S. (2014). *Mani Wanita Kebaya Kuning*. Subang Jaya: Lejen Press.
60. Marx K., Engels F. (2016). *Manifesto Komunis*. Bandar Baru Bangi: Thukul Cetak.
61. Matluthfi. (2014). *Catatan Matluthfi*. T.tp: Puteh Press.
62. Melayu Manimalis. (2015). *Aku Tak Peduli*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
63. Mohamad I.A. (2017). *Anak-anak Karen*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
64. Mohd Juoi P. (2016). *RNR Hati*. Damansara: Telaga Biru.
65. Mohd S. (2016). *Bercakap dengan Quran*. Bandar Baru Bangi: Thukul Chetak.
66. Muhammad Fatrim. (2013). *Asrama*. Damansara: Buku Fixi.
67. Muhammad A. (2013). *KL Noir: Red*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
68. Muhammad H., Zuan H. (2016). *Lastik!*. Petaling Jaya: Gerakbudaya Enterprise.
69. Nabila H. (2016). *Move In*. Shah Alam: Inspirasee International.
70. Nasri S. (2016) *HWAITING: Nak Berjaya Kena Fight Baru Jadi*. T.pt: Buku Puris.
71. Natasya H. (2016). *Trio*. Kepala Batas: Iqes Tijarah Trading.
72. Nazhanny. (2014). *Kopi Dewi*. Subang Jaya: Lejen Press.
73. Nobbler, N.C. (2013). *Rokok Nan Sebatang*. Subang Jaya: Lejen Press.
74. Noor Azlin. (2017). *Janji*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
75. Noor Azlin, Nur Farahida. (2016). *Comey*. Damansara: Buku Fixi.
76. Nudin A. (2016) *Aku Student Madik*. T.pt: Inspirasee International.
77. Nuwayri M. (2015) *Lelaki Terakhir Menangis di Bumi*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
78. Omar S. (2017). *Sejadah*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.

79. Ooi K.H. (2015). *Aku Kafir, Kau Siapa?*. Bandar Baru Bangi: Dubook Press.
80. Paradoks A., Mukmin R., Bias. (2013) *Burgermpak*. Cheras: DuBook Press.
81. Penulis Sahaja, Aqram A. (2014) *November*. Shah Alam: Terfaktab Media.
82. al-Qhadri, Sharifah al-Qhadri. (2015) *Tinta Hati*. Shah Alam: Karangkraf.
83. Rabu R. (2017) *Cerita Budak Gemok*. Batu Caves: Komrad Buku.
84. Ridwan H. (2012). *Murtad*. Petaling Jaya : Buku Fixi .
85. Rizwan H. (2012). *Tuhan*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
86. Saidi R. (2011). *Cekik*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
87. Saidi R. (2015). *Brazil*. Petaling Jaya : Buku Fixi .
88. Saidi R. (2011). *Amerika*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
89. Salleh S. (2016). *Delirium*. Damansara: Buku Fixi Publishing.
90. Sanin, Saharil Hasrin. (2016). *Cerpen-cerpen Underground*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
91. Sazlan A. (2016). *Terbang Tapi Berjalan*. T.pt: Iman Publication .
92. Shah, A. (2014). *Pinjam*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
93. Skuad Terfaktab. (2013) *Kitab Terfaktab: Nakal Tapi Halal*. Shah Alam: Terfaktab Media.
94. Suraya, H. (2012). *Paranoia*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
95. Syafiq S. (2012). *Trilogi Bisik #1: Bisik*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
96. Syafiq S. (2016). *Sasar*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
97. Syaihan S. (2014) *Bisik*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
98. Syukur R., Malik S., Pena RD, Al Farabi Kh., Zulkifli A., Hafizuddin S., Ruza. (2016). *Ini Cerita Pendek Aku!*. Kuala Lumpur: Penerbitan Wahai.
99. Tajudin K. (2016). *Imam Tulang Rusuk*. T.pt: Khairy Tajudin Resources.
100. UTAM, Kru Terbuka Anak Muda. (2015). *Alif Lam Lam Ha*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
101. Uthman, M. (2015). *Orang Ngomong Anjing Gong Gong*. Cheras: DuBook Press.
102. Wan Noorlizam. (2016). *Ostrolia Aku Datang*. Subang Jaya: Lejen Press.
103. Wildan A., Othman H., Ruslin F., A. Samad S. (2016). *Aku Budak Dekan*. Kajang: Humaira Publication.
104. Yoong, Gina Yap Lai Yoong. (2012). *Mangsa*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
105. Yusof, Yusrizal. (2017). *Hitam*. Petaling Jaya: Buku Fixi Publishing.
106. Zaharin O., Supardi A., Bekri B. (2014). *Pilo Toq*. T.pt: Sindikit Sol-jah.
107. Zamir Z.F. (2015). *Sekolah Bukan Penjara, Universiti Bukan Kilang*. Bandar Baru Bangi: DuBook Press.
108. Zamree N.Z. (2016). *Selfie Hati*. Kuala Lumpur: Tarbiah Sentap.
109. Zamri, B. (2016). *The Boy Who Lost His Sight*. Shah Alam: Terfaktab Media.